

Jilid III  
Bil. 20



Hari Isnin  
22hb Julai, 1985

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 3673]

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN**  
**MESYUARAT 18:**

**Pembersihan Setingan di Kampung Pisang, Ealim, Ipoh—Dr Tan Seng Giaw**  
[Ruangan 3765]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**  
[Ruangan 3769]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1985)**

**Jawatankuasa—**

**Jadual:**

**Maksud B. 1 dan 11. 7 [Ruangan 3772]**

**Maksud B. 20 [Ruangan 3791]**

**Maksud B. 22 [Ruangan 3803]**

**Maksud B. 33 [Ruangan 3810]**

## KANDUNGANNYA—( samb . )

Maksud B. 39 [Ruangan 3811]  
Maksud B. 46 [Ruangan 3823]  
Maksud B. 48 dan B. 50 [Ruangan 3824]  
Maksud B. 59 [Ruangan 3829]  
Maksud B. 62 [Ruangan 3832]

### USUL:

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 3) 1984

Jawatankuasa—

Maksud P. 28 [Ruangan 3805]  
Maksud P. 30 [Ruangan 3806]  
Maksud P. 53 dan P. 57 [Ruangan 3824]  
Maksud P. 62 [Ruangan 3830]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1985

Jawatankuasa—

Maksud P. 7 [Ruangan 3772]  
Maksud P. 17 [Ruangan 3786]  
Maksud P. 18 [Ruangan 3790]  
Maksud P. 19 [Ruangan 3790]  
Maksud P. 23 [Ruangan 3803]  
Maksud P. 28 [Ruangan 3806]  
Maksud P. 35, P. 41 dan P. 42 [Ruangan 3811]  
Maksud P. 51, P. 52 dan P. 56 [Ruangan 3824]  
Maksud P. 59 [Ruangan 3829]  
Maksud P. 60 [Ruangan 3830]  
Maksud P. 61 [Ruangan 3831]  
Maksud P. 62 [Ruangan 3832]  
Maksud P. 63 [Ruangan 3836]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3841]

### UCAPAN PENANGGUHAN:

Tapak Gantian Setinggalan Menjalankan Perniagaan Kecil [Ruangan 3842]

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT YANG KEENAM**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN  
HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO'SERI DR  
MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J.,  
D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M.  
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO  
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.U., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.  
(Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO  
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO'S. SAMYVELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,  
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD  
RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P.,  
P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.B.M. TENGGU TAN  
SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S.  
(Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,  
D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,  
D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK  
IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,  
D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN  
BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATUK SERI  
SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD  
BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO'RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- „ Menteri Buruh, DATO'MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO'CHIN HONG NIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ MENTERI PERTANIAN, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKIU, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO'K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO'SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N, P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEINBINMAHMUD(TanahMerah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN Au How CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementenan Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementenan Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N. P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat)
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ TAN SRI DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, P.M.N., D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

- Yang Berhormat TUAN BAHAROM BIN HAJI BAKAR (Padang Terap).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beras).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SERI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

- Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T. P.J.K. (Ulu Nerus).
- DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- DATO MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH,,S.M.K. (Bachok).
- TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N P.I.S (Pontian).
- TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K.", K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).

- Yang Berhormat DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K.,  
A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (**Mas Gading**).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.S.I., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.  
P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.  
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik  
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir  
Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW Foo WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S.,  
K.M.N. (Tanjong Karang).

## **DEWAN RAKYAT**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### **BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Ketua Penyunting: Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

#### *Pemberita-pemberita:*

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman,

Norishah binti Mohd. Thani.

### **BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Isnin, 22hb Julai, 1985
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**PEMBINAAN 'KRA CANAL'**

1. **Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar Thailand akan mula pembinaan Kra Cannal dan jika ya, sama ada ekonomi Malaysia akan terjejas akibat pengurangan lalulintas kapal-kapal melalui Selat Melaka dan apakah langkah-langkah Kerajaan mempunyai untuk melindungi kepentingan Malaysia dalam hal ini.

23-7-85.

22. **Tuan Tan Kok Hooi** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar ataupun tidak bahawa Kerajaan Thailand berhasrat membina sebuah terusan di Segenting Kra. Jika benar maka dari segi politik dan ekonomi negara kita pasti mengalami kerugian yang besar. Memandangkan ini, adakah beliau berhasrat berunding dengan Kerajaan Thailand supaya membatalkan rancangan ini.

**Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj);** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama dengan

soalan Ahli Yang Berhormat dari Padang Serai pada 23-7-85 kerana kedua-dua soalan ini adalah bertujuan sama.

Setakat yang Kerajaan Malaysia difahamkan, sehingga ini Kerajaan Thailand belum lagi membuat sebarang keputusan untuk membina Terusan Kra. Terusan tersebut hanya dibincangkan oleh ahli-ahli ekonomi dan akademik di beberapa buah seminar. Oleh kerana itu, pertanyaan Ahli Yang Berhormat sama ada ekonomi Malaysia akan terjejas atau tidak seharusnya tidak timbul pada ketikaini.

**LEBUHRAYA SENAI—  
KUTIPAN TOL**

2. **Tuan Quah Wee Liam** minta Menteri Kerjaraya menyatakan dengan mengadakan kutipan tol, adakah Kementerian memperbaiki lagi Jalan Lebuhraya Senai.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato' Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan dengan mengadakan kutipan tol Kementerian Kerjaraya akan terus memperbaiki jalan Lebuhraya Senai dan kita telah menganggarkan bahawa lebih kurang \$180,000 kos penyelenggaraan untuk dibuat dalam satu tahun.

**Tuan Khadri bin Sabran:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, berapa bayaran yang patut dikenakan bagi tiap-tiap

kenderaan yang akan melalui Lebuh raya Senai—kereta berapa ringgit, lori, motosikal dan yang seumpamanya.

**Dato' Zainul Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah memutuskan bahawa ada tiga jenis bayaran yang akan dikenakan iaitu kenderaan yang mempunyai 2 kandar dan 3 atau 4 roda sebanyak \$1, kenderaan yang mempunyai 2 kandar atau 5 atau 6 roda sebanyak \$2, kenderaan yang mempunyai 3 kandar atau lebih sebanyak \$3.

### UNIT UDARA POLIS DIRAJA

3. **Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) keberkesanan Unit Udara Polis Diraja bagi mengesan bot-bot pukut tunda asing yang mencerobohi perairan kita;
- (b) apakah tugas-tugas yang tertentu yang dipertanggungjawabkan kepada unit ini; dan
- (c) tidakkah ada rancangan untuk memperbesarkan unit ini dengan mengadakan pasukan helikopternya seperti yang terdapat di negara-negara lain guna mengesan dan mencegah jenayah dengan lebih berkesan lagi.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, Unit Udara Polis sentiasa menjalankan rondaan di perairan negara kita dan kekesanannya hingga kini amatlah mengalakkan. Hasil daripada laporan penglihatan dari udara unit ini dengan kerjasama Polis Marin dan lain-lain Jabatan Kerajaan telah berjaya menahan beberapa buah bot pukut

tunda asing bersama dengan anak-anak kapalnya. Mereka kemudian dihadapkan ke mahkamah dan bot-bot tersebut dirampas.

Tugas-tugas Unit Udara Polis ialah membuat rondaan keseluruhan kawasan perairan negara kita, membantu Jabatan Perikanan, Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen, Jabatan Penerbangan Awam dan cawangan polis yang lain dalam usaha membanteras kejadian-kejadian jenayah seperti penyeludupan, kemasukan rakyat asing dan pencerobohan kapal-kapal asing. Kerajaan sememangnya ada rancangan untuk membesarkan unit udara dan sekarang ini sedang berusaha untuk membeli 7 buah pesawat kepak kaku satu enjin dan 2 buah pesawat kepak kaku 2 enjin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan juga bercadang untuk menggunakan pesawat helikopter bagi Unit Udara Polis pada masa yang akan datang.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau penguatkuasaan Unit Udara Polis Diraja ini berkesan, macam mana kita masih lagi mendapati bahawa pencerobohan nelayan-nelayan asing malahan baru-baru ini pencerobohan kapal ronda Vietnam pun sampai boleh masuk ke perairan kita, sampai boleh menembak nelayan kita, mengakibatkan kecederaan kepada nelayan kita. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah pihak beliau bercadang hendak menempatkan Unit Peninjau Polis Udara ini di Pantai Timur khususnya supaya rondaan sepanjang tahun sentiasa tidak putus-putus dan hentinya dapat diadakan untuk menjaga kepentingan kita di sana. Terima kasih.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, kekesanan mengadakan Unit Udara Polis Diraja ini bukanlah bermakna tidak ada pencerobohan di dalam perairan negara kita malah banyak yang berlaku. Oleh kerana terdapatnya Unit Udara Polis Diraja ini maka banyak laporan hasil dari rondaan yang dibuat oleh Unit ini telah dapat disalurkan kepada agensi-agensi tertentu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perangkaan tangkapan hasil daripada maklumat yang diberi oleh Unit ini pada tahun 1984 pukat tunda haram yang ditahan ialah sebanyak 82 dan pukat tunda asing ialah sebanyak 20, penyeludupan sebanyak 120 kes, pendatang haram sebanyak 107 kes, senjata/bahan letupan 23 kes, mengebom ikan 15 kes dan termasuk kes dadah—9 kes.

Kejadian yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi menyebabkan Unit Udara di kawasan Pantai Timur dipertingkatkan lagi dengan dibantu oleh Pasukan Polis Merin.

Saya ingin menjelaskan di sini sepertimana yang telah dijelaskan melalui sebaran am bahawa perairan negara kita adalah terjamin supaya pihak-pihak nelayan tidak merasa takut untuk keluar ke laut.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Soalan tambahan. Oleh kerana laut yang menjadi jarak di antara Pantai Timur Malaysia dengan sebelah Vietnam terlalu luas yang dikira payah bagi pihak pengawal hendak meronda maka adakah pihak Kementerian bercadang untuk membuat satu pejabat terapung macam kapal besar atau feri untuk dijadikan pejabat dan serentak dengan itu dijadikan tempat persinggahan helikopter peronda.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, buat sekarang ini kita dibantu oleh Pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia bukan sahaja

Pasukan Polis hanya yang ditugaskan untuk mengawal perairan di sana. Pada anggapan kami memadaih rondaan yang dibuat oleh Pasukan Polis Diraja Malaysia melalui Pasukan Udara Polis Merin dan juga Pasukan Tentera Laut Diraja Malaysia.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan pertama saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah keberkesanan yang didapati daripada perjanjian sempadan di antara Malaysia/Thai yang menyebabkan acap kali boleh berlaku serangan-serangan lanun ataupun pencerobohan-pencerobohan nelayan asing ke negara kita.

Soalan yang kedua, saya ingin minta penjelasan adakah nelayan-nelayan kita juga pernah ditangkap kerana menceroboh di kawasan perairan negara jiran.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekiranya Yang Berhormat tak olah tiap-tiap soalan Yang Berhormat supaya berkait dengan soalan asal iaitu mengenai Unit Udara Polis Diraja Malaysia, sila kemukakan semula soalan Yang Berhormat.

**Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan sejauh manakah keberkesanan kerjasama Pasukan Keselamatan kita dalam mengendalikan perairan di sempadan di antara dua buah negara ini termasuk apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Pasukan Keselamatan negara jiran bagi mencegah daripada berlakunya penyeludupan ataupun berlakunya serangan-serangan lanun terhadap kedua-dua nelayan di negara jiran ini.

Soalan yang kedua tadi, saya rasa boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat mahu menjawab berkait dengan konteks soalan asal iaitu mengenai Unit Udara Polis Diraja?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan itu terkeluar sedikit daripada soalan asal, inginlah saya menjelaskan di sini bahawa pencerobohan ataupun berlakunya kes-kes jenayah di laut tidak ada kena mengena dengan perjanjian di antara Malaysia dengan negara-negara jiran.

Walau bagaimanapun, kerjasama di antara kedua pihak amatlah memuaskan sebab kejadian ini dilakukan oleh orang-orang ataupun anasir-anasir yang tidak diinginkan.

**Tuan Sim Kwang Yang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pertamanya bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sama ada dengan perkataan "perairan" ia bermakna zon ekonomi eksklusif dan jika ya, bolehkah ia memberitahu Dewan ini sama ada pihak Kerajaan mempunyai kemampuan yang mencukupi untuk mempertahankan hak-hak negara kita untuk menguatkuasakan Akta Zon Ekonomi Eksklusif

Soalan kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri juga menerangkan usaha dan kejayaan yang dicapai oleh Polis Udara dan Polis Merin untuk mempertahankan perairan negara kita dekat negeri Sabah supaya mencegah pandangan haram daripada Filipina dan Indonesia untuk masuk ke negara kita.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekali lagi soalan asal ialah berkenaan dengan keberkesanan Unit Udara Polis Diraja yang mana berkaitan, terserahlah kepada Yang Berhormat menjawab.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk

menjawab soalan yang pertama jawapannya ya, memang kita berkemampuan untuk mengawal zon ekonomi eksklusif yang telah pun dibahaskan panjang lebar dalam Dewan yang mulia ini. Soalan yang kedua, berkenaan dengan berlakunya kemasukan pendatang haram di Sabah, inginlah saya menjelaskan di sini bahawa buat sekarang ini kita mempunyai hanya 4 pesawat sahaja yang di bawah Unit Udara Pohns, tetapi dengan tambahan 7 unit lagi, insya-Allah, perkara-perkara ini dapat dikawal.

Walau bagaimanapun, bukanlah kita bergantung semata-mata kepada Unit Udara Polis Diraja Malaysia sahaja untuk mengawal kemasukan pendatang-pendatang haram di negeri Sabah ataupun di Semenanjung Malaysia. Kita mempunyai banyak lagi pertolongan daripada agensi-agensi yang lain seperti Pasukan Polis Hutan yang telah ditempatkan di kawasan-kawasan yang sensitif terutama sekali di Sabah.

**Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang saya maksudkan ini sama seperti soalan tambahan yang dibuat oleh Wakil Ulu Nerus iaitu mengenai dengan bekalan Unit Udara ini pada masa sekarang ini kalau tidak silap saya ditempatkan di Kuala Lumpur. Jadi, soalan menempatkan dijawab iaitu adakah Kementerian bercadang untuk memusatkan Unit ini di Pantai Timur supaya dekat lagi dengan tempat-tempat yang senantiasa dilanda oleh lanun-lanun oleh kerana kalau tidak silap saya kapal terbang Cessna ini kalau daripada Kuala Lumpur ke Kuantan/Kuala Terengganu memakan masa lebih satu jam.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang setuju bahawa perjalanan Cessna ini akan mengambil masa yang panjang.

Tetapi buat sekarang ini dari segi ekonominya kita terpaksa menandatangani Pusat Unit Udara Polis kita di Kuala Lumpur. Dengan adanya penambahan 7 buah pesawat lagi, insya-Allah, akan dipertimbangkan supaya ditempatkan bukan sahaja di kawasan Kelantan/Terengganu bahkan juga di Sabah atau di Malaysia Barat.

#### **MAKTAB TENTERA DIRAJA SUNGAI BESI—TARAF**

**4. Tuan Andrew Janggi Muiyang** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan taraf Maktab Tentera Diraja, Sungai Besi setanding dengan taraf Universiti-universiti tempatan; berapa ramaikah pegawai-pegawai kedet yang telah ditauliahkan dari tahun 1980 hingga sekarang sama ada jangka pendek atau panjang dan sebutkan pegawai-pegawai kedet dan pegawai Tentera yang telah dihantar ke luar negeri untuk melanjutkan pelajaran mereka termasuk yang berkursus daripada tahun 1980 hingga 1985.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kerajaan belum bercadang untuk menaikkan taraf Maktab Tentera Diraja Sungai Besi setanding dengan taraf Universiti-universiti tempatan.

Jumlah pegawai kedet yang telah ditauliahkan dari tahun 1980 hingga Julai 1985 ialah seramai 2,735 orang. Dari jumlah ini seramai 237 orang telah ditauliahkan Tauliah Tetap, manakala 2,498 untuk Tauliah Jangka Pendek.

Dari tahun 1980 hingga 1985 terdapat seramai 395 pegawai kedet yang melanjutkan pelajaran ke luar negeri dan seramai 84 orang pegawai tentera yang telah dihantar berkursus ke luar negeri.

**Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa Kementerian ini tidak bercadang untuk menaikkan taraf Maktab Tentera Diraja Sungai Besi setanding dengan Universiti-universiti tempatan. Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Maktab Tentera Diraja Sungai Besi ini disegi pelajarannya setanding pula dengan Maktab Tentera Diraja British di Sandhurst ataupun Maktab Tentera West Point di United States?

**Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya buat masa ini Kerajaan belum bercadang—bukan tidak bercadang. Sekarang kita membuat satu kajian hendak memberi ijazah kepada kadet-kadet yang lulus dari Maktab Tentera Diraja pada satu masa kelak. Dari segi pelajaran Maktab Tentera Diraja Sungai Besi setanding dengan misal kata Sandhurst dari United Kingdom dan West Point dari Amerika Syarikat.

#### **PELARIAN DARI VIETNAM**

**5. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah masih berlaku peperangan di Vietnam, atau apa-apa masalah politik dalam negeri yang besar di negara tersebut. Mengapa rakyat Vietnam masih melarikan diri daripada negara tersebut. Mengapa Pulau Bidong sangat terkenal di kalangan rakyat Vietnam yang hendak melarikan diri.

**Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen AI-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, peperangan di Vietnam berakhir pada tahun 1975 dengan bersatunya negara Vietnam di bawah pemerintahan sosialis, tetapi sehingga ini nampaknya masih ada rakyat Vietnam khususnya

mereka dari selatan Vietnam yang tidak dapat menyesuaikan diri dengan sistem pemerintahan yang baru itu. Mereka inilah yang berusaha untuk meninggalkan Vietnam. Mereka mengenali Pulau Bidong daripada saudara mara dan rakan-rakan yang pernah tinggal sementara di Pulau tersebut. Salah satu sebabnya adalah oleh kerana lokasinya yang paling hampir dengan pantai selatan Vietnam.

**Tuan Ismail bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawatan tadi Yang Berhormat Mulia Menteri mengatakan bahawa peperangan Vietnam telahpun tamat pada tahun 1975. Jadi, saya ingin bertanya mengapakah orang-orang Vietnam yang mendarat di pantai negara kita masih lagi kita iktirafkan sebagai orang-orang pelarian dan mendapat layanan yang istimewa? Kenapa mereka ini tidak dianggapkan sebagai pendatang haram dan dengan yang demikian saya percaya Pulau Bidong yang dijadikan sebagai khemah pelarian sementara ini dapat ditutup terus?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sama ada Yang Berhormat Mulia Menteri sedar ataupun tidak bahawa Pulau Bidong sudah sekian lama dijadikan khemah pelarian sementara bagi orang-orang Vietnam, dan ini telahpun menimbulkan kegelisahan dan kesusahan kepada nelayan-nelayan tempatan yang susah untuk mendapat perlindungan di Pulau ini semasa kecemasan.

Jika Yang Berhormat Mulia sedar, adakah Yang Berhormat Mulia bercadang mencari tempat yang lain yang lebih sesuai lagi?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen AI-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, pada fikiran saya pendatang haram ini tidaklah perlu mengadakan

peperangan dahulu mensifatkan ataupun ditakrifkan sebagai pendatang haram.

Walau bagaimanapun, oleh sebab terdapatnya orang-orang ini masih lagi datang ke negara kita maka kita perlulah mensifatkan mereka sebagai pendatang haram atau illegal immigrants, dengan izin.

Jadi, dengan keadaan ini perlulah kita setakat mana yang boleh oleh sebab untuk memberikan perlindungan yang sementara sebelum mereka dapat dipisahkan ataupun ditempatkan kepada negara yang ketiga, kita memberikan tempat-tempat perlindungan ini sementara.

Pertanyaan kedua bersabit dengan adakah tempat lain untuk mencari pulau atau luar daripada negara kita sekarang ini oleh sebab mereka ada di sini maka di sinilah yang saya rasa yang sesuai sekali sungguhpun dekat dengan Kuala Terengganu, dekat dengan Dungun ataupun Kemaman tetapi oleh sebab pendatang haram ini selalunya suka sangat ke Terengganu, saya pun tidak tahu sebabnya, barangkali itulah tempat yang dekat sekali dengan Vietnam. Dan kalau kita tengok peta Malaysia pun itu yang "buncit" sedikit yang dekat sekali dengan Vietnam (*Ketawa*). Maka buat masa sekarang kita perlulah terima mereka di Pulau Bidong. Itulah sahaja jawapan saya.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana dinyatakan oleh Yang Berhormat Mulia Menteri Luar Negeri tadi bahawa Terengganulah menjadi tempat tumpuan pendatang-pendatang haram ini. Ini adalah disebabkan oleh cahaya-cahaya pelantar minyak yang ada di Terengganu, ini boleh menjadikan sasaran ataupun tujuan matlamat yang lebih hampir mereka datang ke Terengganu, itulah kemungkinan sebabnya. Apakah ikhtiar Kerajaan

supaya jarak lampu itu tidak boleh dilihat daripada jauh ataupun apakah ikhtiar lain supaya Terengganu ini tidaklah dijadikan sebagai tempat tumpuan pendatang-pendatang haram?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya mohon maaf kerana tidak boleh membenarkan soalan itu, pertamanya Yang Berhormat buat andaian, kemudian Yang Berhormat persoalan atas andaian itu.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya memang lampu itu disaksikan daripada vietnam. *(Ketawa)*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat hendak menjawabnya?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen AI-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlulah kita kalau boleh "switch off" sekejap kalau boleh tidak begitu menarik pendatang haram ke sana. Tetapi tidak mengapalah pandangan Yang Berhormat itu saya akan memberitahu kepada PETRONAS dan kalau boleh dia juga padamkan sekejap dan buka sekejap supaya dia hilang. *(Ketawa)*

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan , Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Mulia Menteri apakah perjanjian Kerajaan Malaysia dengan mana-mana pihak tentang penerimaan Malaysia terhadap pelarian atau pendatang haram Vietnam kerana nampaknya oleh kerana begitu larut dan panjang masanya beradanya orang-orang Vietnam di Pulau Bidong seolah-olah menunjukkan suatu perkara yang sangat sulit kepada Kerajaan Malaysia untuk hendak menghapuskan daripada penerimaan itu. Itulah sebab saya hendak tahu apakah perjanjian

Kerajaan Malaysia dengan mana-mana pihak tentang penerimaan pendatang haram itu? Adakah perjanjian dengan Bangsa-bangsa Bersatu ataupun perjanjian dengan pihak mana?

Yang kedua, biasanya negara-negara yang menerima pendatang-pendatang ini ialah sebuah negara yang bersahabat baik, maka apakah persahabatan negara Malaysia dengan negara Vietnam sehingga kita begitu ihsan kepada pendatang-pendatang haram itu?

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen AI-Haj:** Tuan Yang di-Pertua, bukanlah kita begitu sangat ihsan hendak menerima mereka ini, oleh sebab demi peri kemanusiaan ataupun dengan Bahasa Inggeris "humanitarian reason", dengan izin, telahpun kita terpaksa oleh sebab mereka ini begitu banyak sekali, bahkan kalau kita lihat kalau tidak salah lebih daripada 120,000 orang-orang pelarian Vietnam ini telahpun diberi tempat di negara-negara ketiga.

Soalan yang pertama ialah adakah perjanjian antara kita dengan siapa-siapa iaitu termasuklah Bangsa-bangsa Bersatu. Kita tidak ada perjanjian, hanya di atas demi seperti saya kata tadi peri kemanusiaan yang kita telahpun buat sementara menerima mereka untuk mencari tempat yang sebenar yang akhir kepada mereka ini.

Jadi, kalau kita tahu buat masa sekarang, kalau tak silap saya ada lebih kurang di antara 9,000 sahaja, kalau dahulu di Pulau Bidong ini terdapat sampai 25,000.

Ini salah satu daripada tekanan ataupun daya usaha Malaysia yang telah pun membawa masalah orang-orang pelarian ini ke sidang antarabangsa, United Nations (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) dan juga kita telah pun mengemukakan masalah ini dalam

tahun 1979 di Geneva di persidangan antarabangsa orang-orang pelarian ini yang mana kita telah menekankan supaya negara-negara yang ketiga khususnya dengan negara yang telah maju sentiasa menerima dan mencarikan tempat kepada mereka ini, janganlah meninggalkan orang-orang ini kepada negara-negara yang sementara seperti Malaysia ini. Ini membebankan semua masalah.

Jadi, boleh dikatakan kejayaan ini begitu menekankan masalah yang boleh mendapatkan lebih kurang 120,000 orang tempatan ini.

Walau bagaimanapun, saya sukalah memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini iaitu kita sentiasa hendak mencari jalan supaya orang-orang yang ada di sini dapat ditempatkan dan untuk mereka senang mendapat tempat di negara-negara ketiga, kita sentiasa bekerjasama dengan Suruhanjaya Orang-orang Pelarian (High Commission for Refugees) memberikan latihan-latihan kepada orang-orang muda supaya senang mereka ini dapat kerja dan mendapat tempat di negara-negara ketiga.

#### **PERSIDANGAN PATA— PERSIAPAN/PUBLISITI**

**6. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah rancangan atau acara yang Kerajaan telah siapkan untuk menyambut Persidangan PATA ke 35 yang akan diadakan di negara kita pada 1986 dan bagaimanakah publisiti mengenai persidangan ini dijalankan. Adakah publisiti yang dijalankan di luar negeri dan dalam negeri pada masa sekarang adalah mencukupi untuk menarik pelancongan.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang Ahli

Yang Berhormat sedia maklum, Malaysia telah pun diberi penghormatan sekali lagi untuk menjadi tuan rumah kepada Persidangan PATA dan "Pacific Travel Mart" di dalam bulan April, 1986.

Kedua-dua aktiviti ini adalah dianggap amat penting, terutama sekali kepada negara-negara yang berkeinginan untuk memajukan lagi industri pelancongan. Malaysia, sebagai sebuah negara yang membangun akan seterusnya mengambil kesempatan ini, lebih-lebih lagi dengan terdapatnya berbagai-bagai perkembangan di dalam industri pelancongan negara sekarang.

Sebagai negara tuan rumah, Malaysia mempunyai tanggungjawab bagi menentukan agar penganjuran Persidangan PATA dan "Pacific Travel Mart" kelak dapat dijalankan secara teratur dan sempurna. Ini penting bukan sahaja dari segi untuk menjaga imej baik negara bahkan untuk meningkatkan lagi kesedaran mengenai tarikan dan kemampuan negara ini sebagai sebuah destinasi pelancongan dan pusat konvensyen di rantau ini.

Dengan menyedari hakikat ini, maka Kerajaan telah pun menubuhkan dua (2) Jawatankuasa yang bertanggungjawab atas semua aspek perancangan dan penganjuran:

- (1) Jawatankuasa Kebangsaan Persidangan PATA 1986 bertanggungjawab mengenai perkara-perkara dasar berkaitan dengan penganjuran yang sama, di samping menjadi penyelaras mengenai kesemua aspek perancangan dan persediaan yang dilaksanakan di peringkat kebangsaan dan negeri; dan
- (2) Jawatankuasa Penganjur Persidangan PATA 1986

bertanggungjawab bagi merancang, melaksana serta mengaturkan segala persediaan berkaitan dengan Persidangan, Pacific Travel Mart serta lain-lain aspek ada kaitan dengan kedua-dua aktiviti tersebut.

Di samping itu bagi menjamin agar segala persiapan berjalan dengan licin dan teratur, sebelas (11) Jawatankuasa Kecil juga telah ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Penganjur Persidangan PATA 1986.

Setakat ini berbagai-bagai program dan aturcara telah dan akan seterusnya dirancang dengan tujuan untuk menjadikan Persidangan PATA dan "Pacific Travel Mart" tahun 1986 sebagai satu peristiwa yang akan menjadi kenangan, bukan sahaja kepada semua para delegasi PATA, bahkan juga kepada penduduk-penduduk tempatan. Ini meliputi, di antara lain, mengaturkan:

- (a) Acara sambutan istimewa semasa ketibaan semua para delegasi;
- (b) Mengindahkan jalan-jalan, bangunan-bangunan serta kawasan-kawasan yang akan dilalui dan dilawati oleh para delegasi;
- (c) Acara-acara kebudayaan dan keraian di sepanjang tempoh Persidangan untuk memeriehkan lagi suasana Ibu Kota dan tempat-tempat yang bakal dikunjungi oleh para delegasi;
- (d) Program-program khas untuk pasangan delegasi termasuk cara membuat satay;
- (e) Program-program lawatan sebelum dan selepas Persidangan ke tiap-tiap negeri khusus untuk membolehkan para delegasi melihat serta menikmati keindahan dan tarikan negara ini; serta

(f) Program-program tertentu untuk kira-kira 80 pemberita-pemberita dan penulis-penulis perjalanan luar negeri termasuk pemberita-pemberita tempatan bagi tempoh sebelum, semasa dan selepas persidangan.

Di bidang publisiti dalam negeri, beberapa aturcara telah pun dirancang untuk menimbulkan kesedaran di kalangan rakyat tempatan mengenai pelancongan dan faedah Persidangan PATA kepada negara. Ini termasuk menganjurkan tidak kurang dari 10 kursus sivik bagi kira-kira 1,000 pemandu-pemandu teksi di Wilayah Persekutuan dan Petaling Jaya, mencetak dan membahagi-bahagikan bahan-bahan publisiti mengenai Persidangan serta mengadakan ceramah-ceramah mengenai pelancongan menerusi televisyen dan radio. Kesemua program publisiti ini dijangka akan dilancarkan mulai bulan Ogos, 1985.

Di luar negeri pula, sebanyak 18 kempen penggalakan khas telah dan akan dilaksanakan sepanjang tahun 1985 hinggalah ke tarikh Persidangan diadakan kelak. Di antaranya ialah:

- (1) Penganjur program penggalakan "Semalam Bersama Malaysia (A Night with Malaysia)" sempena Persidangan PATA di Auckland, New Zealand dalam bulan April, 1985. Program ini telah dihadiri oleh 1,500 para delegasi PATA dan menjadi "highlight" persidangan yang sama; dan
- (2) Penghantaran satu misi penggalakan ke Amerika Syarikat dan Kanada mulai 19hb Ogos hingga 8hb September, 1985.

Kesemua kempen-kempen penggalakan khas dan publisiti ini adalah sebagai tambahan kepada

program-program pemasaran biasa yang telah dan sedang dijalankan oleh TDC ke arah menarik pelancongan ke Malaysia. Kejayaan pelaksanaan kempen-kempen ini dipercayai akan dapat:

- (a) meningkatkan lagi bilangan ahli-ahli PATA bagi menghadiri Persidangan dan "Pacific Travel Mart" di Kuala Lumpur dalam tahun 1986; dan
- (b) memperluaskan lagi publisiti dan meninggikan imej negara sebagai sebuah destinasi pelancongan dan pusat konvensyen di rantau ini.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa adalah menjadi hasrat Kementerian untuk memastikan kejayaan Persidangan PATA pada tahun 1986 kelak, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri berkenaan, apakah langkah-langkah berkesan oleh pihak Kementerian hendak mengambil untuk mengatasi berbagai-bagai masalah yang dialami oleh industri pelancongan, khasnya industri pelancongan tempatan dan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan lebih banyak dailog dengan badan-badan pelancongan tempatan untuk mendapat tahu maklum balas (feedback) daripada associations ini supaya pihak Kementerian dapat mengambil satu strategi yang lebih positif untuk memastikan bahawa apabila sidang PATA ini diadakan pada tahun 1986, segala masalah yang dialami oleh industri pelancongan ini akan dapat diatasi.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, PATA ini merupakan satu persidangan di mana kita berharap akan menarik perhatian dunia pelancongan terhadap Malaysia. Ianya adalah satu peristiwa yang agak istimewa, berasingan daripada usaha-usaha yang berjalan terus menerus.

TDC dan lain-lain agensi terus akan menjalankan kegiatannya supaya dapat menarik lebih ramai pelancongan ke dalam negara ini. Bahkan Kerajaan sekarang ini menganggapkan bahawa industri pelancongan ini sebagai industri priority. Itulah sebab Kabinet baru-baru ini telah pun menubuhkan satu jawatankuasa Galakan Pelancongan di bawah pengawasan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri untuk merangka garis panduan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang mungkin dihadapi oleh para pelancong yang datang dan ingin datang ke negara kita.

Jadi, banyak perkara yang sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan supaya dapat memudahkan kemasukan pelancongan ke negara kita, di samping membuat segala persediaan supaya menambahkan keselesaan apabila mereka tinggal di tempat-tempat yang mereka lawat semasa berada di negara kita.

Di luar negeri, kita menjalankan gaiakan supaya memperkenalkan negara kita dengan memperbaiki imej kita di luar sama ada menerusi media massa ataupun menerusi pertemuan-pertemuan yang dilakukan bukan sahaja oleh TDC tetapi juga oleh para pemimpin dan rakyat seluruhnya yang berkunjung ke luar negeri. Pendek kata, segala usaha dalam segala bentuk rupa sedang diusahakan supaya dapat kita tambah para pelancong melawat ke negara kita dan ini sedang diteliti oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai Pelancongan. Memang kita mengadakan dailog. Kita telah pun mengadakan dailog bukan sahaja dengan para hotel dan tour operators tetapi juga dengan banyak lagi golongan-golongan yang kita fikir boleh membantu negara bagi menghasilkan tujuan yang baik ini supaya menambahkan jumlah pelancong yang kita ingin datang ke negara kita.

Di samping itu kita juga akan melancarkan kempen secara besar-besaran di luar negeri sepanjang tahun ini dan tahun hadapan bersempena dengan Persidangan PATA tetapi juga oleh kerana kita fikir dengan pelancaran kempen yang hebat seumpama itu, ianya boleh menarik lebih ramai pelancong ke negara ini. Segala insentif sedang disediakan supaya dapat didirikan hotel bukan yang bertaraf "Lima Star," dengan izin, tetapi yang sederhana yang boleh digunakan oleh mereka yang mempunyai budget-size expenditure, dengan izin, kalaulah pelancong-pelancong yang tidak berkemampuan tinggi datang ke negara semoga mereka dapat pula tinggal di tempat-tempat yang ongkosnya sederhana dan dalam bidang kemampuannya. Di samping itu kita mahu menyediakan rakyat seluruhnya supaya menerima pelawat-pelawat ini dengan baik semoga dapat menjaga imej negara serta menjaga nama baik keperibadian Malaysia itu sendiri. Jadi, kita percaya segala usaha yang dijalankan ini sudah tentu akan membawa faedah bukan sahaja kepada mereka yang terlibat dalam industri pelancongan tetapi selain daripada menambahkan pendapatan negara dari segi tukaran wang asing, ia juga akan dapat menambahkan pekerjaan kepada rakyat yang akan mengikuti semua industri-industri yang ada kaitan dengan industri pelancongan.

**Tuan Ismail bin Said:** Saya hendak tanya satu soalan sahaja kepada Yang Berhormat Menteri mengenai perbelanjaan iaitu mengenai perbelanjaan sebagai tuan rumah ini. Adakah Yang Berhormat Menteri mempunyai angka di sini ataupun adakah peruntukan telah pun diluluskan oleh Kerajaan, jumlah perbelanjaan yang harus dapat dibelanjakan bagi menjadi tuan rumah bagi Persidangan PATA ini? Terima kasih.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini merupakan satu peristiwa yang istimewa dan akan digunakan oleh kita sebagai satu usaha untuk menarik dunia kepada Malaysia, maka sudah tentu tidak dapat tiada kita membelanja wang dengan banyak. Mengikut anggaran yang dibuat sehingga hari ini, kita akan membelanjakan lebih kurang \$7 juta. Tetapi usaha sedang dijalankan supaya sebahagian daripada peruntukan itu akan ditanggung oleh pihak swasta dan penderma-penderma yang lain yang kita fikir akan mendapat faedah daripada usaha Persidangan PATA ini. Saya rasa apabila tarikh itu berhampiran dengan Persidangan PATA nanti mungkin dapat saya memaklumkan bahawa banyak daripada wang yang terpaksa dibelanja bagi menyediakan Persidangan PATA ini akan ditanggung oleh pihak luar dari Kerajaan.

**Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Mulia sedar bahawa di atas meja saya ini ada satu kalendar dibahagi bertulis "PATA 1986" mengandungi kira-kira 15 keping kertasnya dan tiap-tiap kepingnya mengandungi gambar perempuan cantik semua sekali sedangkan baru minggu lepas kita dengar kenyataan daripada pihak Kementerian Dalam Negeri menyebut bahawa punca utama maksiat dan rogol di negeri ini berpunca daripada wanita, perempuan. Adakah bererti ini satu kempen menggalakkan maksiat dalam masa PATA ini bersidang? Tidak adakah makhluk lain untuk dijadikan perhiasan kalendar selain daripada hamba Allah perempuan?

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Semua barang baik memang kekal menjadi baik tetapi ianya bergantung kepada iman dan niat seseorang itu.

Jadi, kalau kita pamer gambar gadis-gadis cantik, pandang ianya sebagai satu kurniaan Tuhan atas kecantikan alam. (*Ketawa*). Jangan kita mempunyai niat yang berlainan daripada itu (*Ketawa*). Kalau kita mempunyai pandangan dan niat yang lain, maka tergugatlah iman kita (*Ketawa*).

### **PERWIRA HABIB BANK— SIASATAN BANK NEGARA**

**7. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) sejak bilakah Bank Negara menyiasat hal ehwal Perwira Habib Bank;
- (b) apakah dasar dan tujuan penyiasatan itu;
- (c) adakah penyiasatan itu telah selesai, jika ya, nyatakan hasil penyiasatan tersebut; dan
- (d) berapakah bilangan bank-bank lain yang telah disiasat oleh Bank Negara dalam tempoh 3 tahun yang lepas.

#### **Tinibalan Menteri Kewangan**

**(Dato Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang di-Pertua, Akta Bank 1973 mengehendaki Bank Negara Malaysia menjalankan pemeriksaan ke atas bank-bank berlesen dari masa ke semasa. Pemeriksaan ke atas Perwira Habib Bank dilakukan oleh Bank Negara Malaysia mengikut kehendak Akta itu dan paling terakhir bank tersebut diperiksa oleh Bank Negara Malaysia ialah dalam tahun 1984 iaitu bermula pada bulan Ogos tahun berkenaan.

Pemeriksaan ke atas bank-bank berlesen adalah dengan tujuan menentukan bahawa urusan-urusan dan hal ehwal bank-bank tersebut dikendalikan mengikut lunas-tunas yang sihat demi menjamin dan

menjaga kepentingan penyimpan-penyimpan wang dan juga memupuk kepentingan negara amnya. Pemeriksaan itu telah mendedahkan berlakunya penyalahgunaan kuasa oleh beberapa pegawai bank tersebut. Hasil pemeriksaan itu telah disampaikan oleh Bank Negara Malaysia kepada Lembaga Pengarah Bank berkenaan untuk tindakan sewajarnya. Pihak Lembaga telah mengarahkan pegawai-pegawai yang terlibat supaya meletakkan jawatan masing-masing dan mereka telah pun berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, Bank Negara telah menjalankan 62 pemeriksaan ke atas bank-bank berlesen semenjak awal tahun 1982.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu berapa orang pegawai Perwira Habib Bank telah diarah untuk meletak jawatan dan adakah benar bahawa antara perakuan daripada siasatan Bank Negara ialah bahawa ada, dengan izin, "non-performing loan", yang agak besar dan apa tindakan telah diambil mengenai perkara ini?

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, tiga pegawai telah terlibat.

Berhubung dengan soalan kedua, kajian bagi mengambil tindakan oleh Bank Negara sedang dibuat.

**Tuan Chan Kok Kit:** Soalan tambahan. Sama ada kejadian yang berlaku dalam bank itu menunjukkan bahawa Bank Negara telah lalai dalam tugasnya untuk mengawal perjalanan bank itu?

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang di-Pertua, sebaliknya ini menunjukkan bahawa Bank Negara amat cekap maka dapat menunjukkan kesalahan-kesalahan yang telah berlaku di dalam bank-bank berlesen.

## KWSP—AKAUN YANG TIDAK DIMASUKKAN

**8. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa kira-kira \$100 juta yang ada dalam akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja tidak dapat dimasukkan ke dalam akaun pencarum-pencarum berkenaan seperti didedahkan oleh Ketua Audit Negara dalam laporannya mengenai penyata kira-kira KWSP bagi tahun 1983; apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah tersebut untuk memastikan pencarum-pencarum tidak dinafikan wang yang sepatutnya dikreditkan ke dalam akaun mereka, dan apakah tindakan yang diambil untuk memastikan perkara seumpama ini tidak berulang lagi pada masa akan datang.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang di-pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat jumlah kira-kira sebanyak \$100 juta yang belum dapat dimasukkan ke dalam akaun pencarum-pencarum berkenaan pada akhir tahun 1983 adalah termasuk faedahnya sekali. Jika jumlah faedah ditolak, caruman sebenar yang tidak dapat dimasukkan ke dalam akaun pencarum masing-masing pada akhir tahun 1983 ialah \$81 juta. Pada asasnya keadaan seperti ini di mana caruman-caruman tidak dapat dimasukkan ke dalam akaun ahli masing-masing timbul oleh kerana majikan-majikan tidak memberi butir-butir yang lengkap tentang ahli-ahli tersebut dalam borang "A" yang dihantar ke KWSP tiap-tiap enam bulan sekali. Butir-butir seperti nama, nombor keahlian dan nombor kad pengenalan adalah dikehendaki daripada majikan sebelum pihak KWSP dapat mengkreditkan wang caruman yang diterima ke dalam akaun ahli masing-masing. Jika satu daripada butir-butir tersebut didapati tidak betul, ini bermakna pihak KWSP

tidak dapat mengkreditkan caruman tersebut ke dalam akaun ahli masing-masing pada sesuatu masa. Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan bahawa pencarum-pencarum tidak akan kehilangan faedah akibat daripada keadaan tersebut kerana tindakan akan diambil untuk mengkreditkan caruman ini bersama-sama dengan faedahnya sekali ke dalam akaun ahli-ahlinya sebaik sahaja pihak KWSP menerima segala butir-butir yang diperlukan.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan susulan dalam bentuk surat-menyurat, lawatan-lawatan oleh Inspektor serta menubuhkan pasukan petugas khas sedang dan senantiasa dijalankan oleh KWSP untuk mengawal masalah ini. Selain daripada itu, pihak KWSP juga sedang mengkaji cara-cara untuk memperbaiki lagi sistem dan format borang "A" yang ada sekarang supaya kawalan ke atas caruman yang tidak dapat dimasukkan ke dalam akaun pencarum-pencarum berkenaan dapat dibuat dengan lebih berkesan lagi.

## TEMBOK KONKRIT SEMPADAN MALAYSIA-THAILAND

**9. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Perdana Menteri menyatakan benarkah Kerajaan akan membina Tembok Konkrit setinggi 2.7 meter sepanjang 27 km dan jarak 100 meter dari garisan sempadan Malaysia-Thailand, iaitu di kawasan Bukit Berapit ke Bukit Kubeh, jika benar:

- (a) bilakah pembinaan tembok itu akan dimulakan dan berapakah jumlah kos pembinaannya;
- (b) apakah tujuannya pembinaan tembok itu; dan
- (c) adakah Kerajaan bercadang akan meneruskan pembinaan tembok itu di sepanjang-panjang perbatasan itu di mana tempat yang difikirkan perlu; jika ada di mana dan bila.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengesahkan bahawa Kerajaan memang bercadang membina tembok atau pagar di sepanjang 25 km dengan jarak 4.5 meter dari garis sempadan Malaysia-Thailand.

- (a) Kerja-kerja pembinaan tembok ini akan bermula sebaik sahaja Lembaga Tawaran membuat keputusannya tidak lama lagi. Jumlah kos pembinaan tembok atau pagar ini dianggarkan \$43.3 juta.
- (b) Tujuan pembinaan tembok atau pagar ini ialah untuk mencegah penyusupan pengganas-pengganas komunis dari Thailand ke Malaysia dan juga mencegah aktiviti-aktiviti penyeludupan amnya dan khususnya penyeludupan senjapati dan dadah;
- (c) Kerajaan memang mempunyai hasrat jangka panjang untuk membina tembok atau pagar di tempat-tempat yang difikirkan perlu berasas kepada faktor-faktor di atas di sepanjang sempadan Malaysia-Thailand.

Tuan Yang di-Pertua, sayogia diingatkan bahawa pembinaan tembok atau pagar ini ialah berasaskan kepada faktor keselamatan dan kepentingan negara, dan ianya bukanlah bererti bahawa Kerajaan berhasrat untuk memisahkan atau merenggangkan hubungan erat yang telah sedia terjalin di antara Malaysia dengan Thailand. Malahan tindakan ini telah diterima oleh kedua-dua pihak Malaysia-Thailand sebagai satu tindakan positif yang menguntungkan kedua-dua negara. Adalah difikirkan inilah cara berkesan bagi membanteras kedua-dua ancaman ini. Sebenarnya, persefahaman telah pun dicapai oleh kedua-dua pihak mengenai perkara ini melalui berbagai saluran

Jawatankuasa-jawatankuasa Kerjasama di antara Malaysia-Thailand.

**Tuan Haji Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, apakah peruntukan sebanyak \$43.3 juta yang diperuntukkan itu daripada Kerajaan kita sahaja, kerana sebagaimana jawapan Yang Amat Berhormat tadi bahawa dengan pembinaan tembok ini akan menguntungkan kedua-dua pihak. Apakah Kerajaan Thailand tidak sanggup membiayai sama projek seperti itu dan apakah penyusupan bukan sahaja daripada Thailand ke Malaysia tetapi tidakkah terdapat penyusupan daripada negara kita ke Thailand, oleh penjenayah-penjenayah yang mungkin akan merugikan Thailand juga. Jadi, apakah pembiayaan ini akan dibiayai sama oleh Thailand.

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, pembiayaan ini akan dibuat oleh Kerajaan Malaysia sahaja. Satu daripada sebabnya ialah idea ini dan pelaksanaannya mengikut sejarah ialah semata-mata datangnya daripada Malaysia walaupun ianya menguntungkan kedua-dua pihak. Kita di pihak Malaysia telah membuat keputusan awal-awal lagi bahawa langkah ini perlu kita ambil dan apa juga keuntungan yang didapati oleh Thailand itu merupakan keuntungan bersama, dan lagi kita pun tidak berasa berkecil hati sekiranya Thailand membiayai ataupun tidak membiayainya.

Soal penjenayah-penjenayah adalah satu soal yang barangkali berbeza sedikit dengan tujuan asal kita membina tembok ini.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Kita terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat

Timbalan Perdana Menteri dan telah difahami tentang maksud dan tujuannya. Memandangkan banyak manfaat yang akan diperolehi bagi kepentingan rakyat dan negara seluruhnya dan belanja yang begitu besar, saya ingin bertanya apakah usaha-usaha, rancangan-rancangan atau program-program yang positif yang telah difikirkan oleh Kerajaan bagi menjamin keselamatan tembok ini, sama ada Kerajaan telah memutuskan untuk menempatkan satu unit khas pasukan pengawal bagi menjamin keselamatan sepanjang tembok itu.

**Dato Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, khususnya bagi pembinaan tembok ini dan juga pagar-pegar di mana difikirkan perlu, memang ada rancangan-rancangan seperti rondaan ataupun pasukan-pasukan keselamatan yang khas ditempatkan di tempat-tempat yang dianggap sebagai strategik. Selain daripada itu, pada kesuluruhannya untuk menjaga keselamatan kawasan yang kita bina tembok ini, kedua-dua pihak Kerajaan juga sedang merancang berbagai-bagai rancangan pembangunan dari segi aktiviti ekonomi dan sebagainya supaya kedua-dua belah lebih-lebih di pihak Malaysia, akan memainkan peranan menjaga keselamatan negara. Tembok ini bukan sahaja akan merupakan satu ampuangan yang akan memberi keselamatan, tetapi akan dapat memberi makna kepada penduduk-penduduk negara kita di sepanjang kawasan sempadan. Saya suka menyebutkan bahawa satu daripada projek yang terbesar dan terkenal yang sedang dirancang dan dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia ialah projek yang dikenal sebagai projek KESBAN yang meliputi berbagai-bagai rancangan pembangunan ekonomi di sepanjang sempadan yang berkenaan.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, soalan

ambahan. Saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri adakah pembinaan-pembinaan tembok ini sudah dikaji dan sudah ditapis dengan sehalus-halusnya bagi pihak Kerajaan Malaysia untuk mengadakan tembok-tembok ini yang begitu memakan belanja yang begitu banyak?

Yang kedua, untuk menjauhi daripada penyeludupan ataupun daripada orang-orang jahat, komunis misalnya daripada Thailand, tidakkah ada suatu jalan yang lebih daripada tembok ini yang boleh mengurangkan belanja daripada perbelanjaan yang dianggarkan itu, misalnya membersihkan tepi kawasan tebing-tebing yang boleh dipandang saujana mata memandang sebab . . . . .

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya ingat soalan itu sudah lengkap, tepat dan saya rasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri faham benar maksud soalan Yang Berhormat itu.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Ini ada satu lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada satu lagi soalan?

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Ada satu lagi soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Yang Amat Berhormat telah mengatakan mungkin pembinaan tembok ini akan dibina di dalam masa jangka yang panjang iaitu sejauh sempadan negara Malaysia-Thailand ini. Adakah Yang Amat Berhormat telah menghalusi dalam segi betapakah Malaysia berhajat kepada

kewangan yang begitu lebih untuk dibelanjakan kepada yang lebih perlu terutama untuk membasmi kemiskinan?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Soalan yang ketiga sama dengan soalan pertama (*Ketawa*).

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, memang tujuan saya hendak menjawab soalan ketiga dan pertama sekali gus iaitu jawabnya sudah diteliti dan didapati wajar serta memberi keuntungan kepada negara. Sayogia diingat bahawa perbelanjaan untuk memerangi anasir-anasir komunis dan penyeludupan dadah merupakan satu exercise, dengan izin, satu tugas dan tanggungjawab yang memakan belanja yang lebih berlipat-ganda lagi daripada harga yang dicadangkan itu.

Soalan yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, sebab banyak sangat soalan, saya lupa. Kalau dapat tolong ulang.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bolehkah Yang Berhormat ulangi soalan kedua tadi? Saya harap Yang Berhormat pun tidak lupa juga (*Ketawa*).

**Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:** Tuan Yang di-Pertua, adakah itu suatu langkah penghabisan bagi Kerajaan Malaysia? (*Ketawa*).

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, saya baru teringat, itu bukan soalnya! (*Ketawa*) Soalnya tadi, adakah rancangan hendak membersihkan kawasan (*Ketawa*). Jawabnya sudah dijawab tadi (*Ketawa*).

**Tuan Lim Kit Siang:** Oleh kerana keputusan untuk membina tembok ini atau Tembok Malaysia semacam Tembok Berlin dibuat oleh Kerajaan Malaysia sendiri yang akan dibayar

oleh Kerajaan Malaysia sendiri, adakah ini bermakna bahawa kerjasama antara pasukan-pasukan atau Kerajaan-kerajaan Malaysia dan Thai dalam sempadan tidak begitu memuaskan hati sungguhpun ada beberapa kali selalu ada mesyuarat Jawatankuasa Sempadan (Border Committee) dan dengan keputusan untuk membina tembok di sempadan Malaysia dan Thai, adakah, Kerajaan berhasrat untuk membina tembok di sempadan Malaysia dan Indonesia khususnya di Sabah dan Sarawak oleh kerana adanya masalah-masalah penyeludupan dan juga pendatang haram?

**Dato' Musa Hitam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan yang penghabisan itu tidak relevant dengan soalan yang asal. Soalan pertama berhubung dengan kekesanan kerjasama di antara Malaysia dengan Thailand dari segi keselamatan, saya suka menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia berpuas hati di atas kerjasama kedua-dua negara lebih-lebih lagi kekesanan kerjasama kita di dalam lingkungan Jawatankuasa Bersama Malaysia-Thailand.

Harus diingat di sini bahawa apabila kita menyatakan kerjasama di antara kedua-dua pasukan keselamatan bagi kedua-dua negara, kita memang ada cara-cara yang tertentu yang barangkali tak wajar saya sebutkan di sini di mana kita menjalankan operasi kita. Jadi, Kerajaan berpendapat bahawa pembinaan tembok ini ialah merupakan satu exercise yang complementary, dengan izin, yang akan dapat membantu dan memperkuatkan lagi apa juga rancangan-rancangan kerjasama di antara kedua-dua buah negara.

**Timbalan Yang di-Pertua** Saya setuju soalan kedua itu tidak relevant. Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 10 hingga 57 adalah diberi di bawah ini).

### PELANCONG-PELANCONG KE MALAYSIA

**10. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop** Majlis minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, di sepanjang tahun 1984 dan sehingga 30-6-85, berapa banyakkah bilangan pelancong-pelancong atau pelawat-pelawat dari negara asing telah membuat lawatan ke negara ini. Daripada bilangan tersebut, berapa banyak bilangannya yang telah menyalahgunakan Permit kemasukan mereka dengan tujuan seperti melakukan kegiatan-kegiatan subversif, pelacuran dan sebagainya. Nyatakan bilangan-bilangan tangkapan yang telah dilakukan serta kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Sepanjang tahun 1984 seramai 5,115,077 orang pelawat asing telah membuat lawatan ke negara ini dan seramai 2,403,939 orang pelawat asing telah mengunjungi Malaysia dalam tahun 1985, iaitu sehingga 30-6-85. Dari jumlah pelawat-pelawat sebegitu besar yang telah melawat negara ini, hanya segelintir sahaja daripada mereka yang melakukan perbuatan-perbuatan bertentangan dengan syarat-syarat lawatan mereka itu dibenarkan. Jumlah pelawat-pelawat asing yang telah melakukan kesalahan-kesalahan itu adalah seperti berikut:

	1984	1985
(i) Tinggal lebih masa	586	127
(ii) Pelacuran . . .	208	467
(iii) Kes Polis . . . .	24	15
(iv) Menggunakan Cop palsu	9	95
(v) Melanggar syarat Pas Lawatan	147	30

### INDUSTRI BIJIH

**11. Dato Michael Chen Wing Sum** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- jumlah pam kelikir kini dan bandingkannya dengan jumlah yang ada dalam 1980;
- jumlah kapal korek kini dan bandingkannya dengan jumlah yang ada dalam 1980;
- jumlah eksport yang dibenarkan di bawah kuota; dan;
- pengharapan industri bijih timah dan juga menyatakan apakah langkah yang diambil untuk menentukan bahawa industri ini dapat dikekalkan.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):**

- Jumlah pam kelikir yang masih beroperasi sekarang (pada penghujung bulan Mei 1985) ialah 364 buah berbanding dengan 746 buah pada (penghujung) tahun 1980.
- Jumlah kapal korek yang aktif sekarang (pada penghujung bulan Mei 1985) ialah 29 buah berbanding dengan 54 buah pada (penghujung) tahun 1980.
- Jumlah kuota eksport yang ditentukan adalah didasarkan kepada setiap suku tahun penguatkuasaan kawalan eksport. Bagi tempoh suku tahun 1 Julai hingga 30 September 1985, kuota eksport bagi Malaysia ialah 9,428 tonnes.
- Industri bijih timah pada ketika ini sememangnya di perseimbangan jalan, melalui liku-liku cabaran dan kesulitan. Kawalan eksport yang dikenakan sekarang adalah merupakan buat kali keduanya

selepas perang di mana langkah kawalan seketat ini terpaksa diambil dan mengakibatkan penutupan lombong-lombong, pemberhentian pekerja-pekerjanya, pengurangan pendapatan daripada pelaburan di dalam industri timah serta juga kehilangan hasil negara dan pula membantutkan pembangunan industri yang berkaitan dengannya.

Walaupun kita menyaksikan satu gambaran yang kurang menyenangkan pada masa ini, suka saya nyatakan bahawa keadaannya akan menjadi lebih buruk lagi jika tidak kerana Perjanjian Timah Antarabangsa (ITA). Melalui Majlis Timah Antarabangsa (ITC), kita telah berjaya di dalam mempertahankan keruntuhan harga dan melindungi kebajikan keseluruhan industri timah dan juga pendapatan negara. Di dalam mencapai matlamat jangka panjang yang disebutkan, tidak dapat tidak ianya melibatkan satu pengorbanan yang besar daripada pihak pelombong-pelombong bukan sahaja di Malaysia, malahan juga di negara-negara pengeluar bijih timah yang lain.

Kemerosotan pasaran timah ketika ini adalah akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia yang dialami sejak tahun 1980 yang mana telah melembabkan industri pembuatan pada keseluruhannya. Kesan negatifnya ke atas industri timah juga tidak dikecualikan di mana permintaan timah merosot sedangkan bekalan telah meningkat berpunca daripada negara-negara pengeluar bukan anggota ITC. Di dalam keadaan yang tidak seimbang ini, lebih bekalan/penawaran yang terkumpul menyebabkan pasaran

timah menjadi lemah dan mengakibatkan tekanan hebat ke atas harga timah. Pada masa yang sama penggunaan timah juga menghadapi persaingan daripada kemajuan teknologi dan bahan-bahan gantian seperti aluminimum, plastik dan kertas minyak di bidang teknologi bungkusan. Oleh yang demikian jelaslah bahawa masa depan perusahaan timah adalah bergantung kepada pemulihan ekonomi dunia sepenuhnya dan peningkatan usaha-usaha penyelidikan dan kemajuan serta perluasan penggunaannya. Ini memerlukan kerjasama yang rapat di kalangan negara-negara pengeluar anggota ITC dan juga lain-lain negara pengeluar untuk secara jujur dan bersungguh-sungguh mengurangkan pengeluaran dan membanteras penyeludupan supaya bekalan timah yang masuk ke pasaran dunia adalah sejajar dengan permintaan.

Selain daripada langkah-langkah yang diambil di bawah Perjanjian Timah Antarabangsa untuk menstabilkan harga dan mengawal bekalan, Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah (ATPC) pula adalah ditubuhkan untuk mempercepatkan kerjasama bagi meningkatkan dan memperluaskan penggunaan timah. Langkah-langkah penyelidikan dan kemajuan penggunaan timah akan dipergiatkan melalui Institut Penyelidikan Timah Antarabangsa (ITRI) yang mana akan dijadikan sebagai jentera penggerak mencapai matlamat ini. Dengan perkembangan ini, saya mempunyai penuh harapan dan berkeyakinan bahawa masa depan timah akan kembali cerah.

#### PADI DI KILANG LPN

**12. Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa kilang-kilang LPN yang

membeli padi menambahkan lagi potongan hingga kepada 45% dan tindakan ini membunuh minat pesawah-pesawah sehingga ramai di antara mereka yang minta tukar syarat tanah sawah kepada kelapa sawit.

**Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz):** Harga padi yang ditawarkan sekarang adalah tertakluk kepada padi yang baik, bersih, masak, kering (wap basah tidak melebihi 14%) dan dibeli di pintu kilang. Padi yang tidak memenuhi syarat-syarat permutuan tersebut akan dikenakan potongan mutu. Kadar potongan mutu adalah mengikut jadual mutu yang telah ditetapkan. Dengan demikian sama ada tinggi atau rendahnya potongan mutu adalah bergantung kepada keadaan dan mutu padi yang dijual. Asas-asas penentuan mutu padi yang digunakan sekarang ini telah digunakan semenjak sebelum LPN ditubuhkan dan bahkan juga diamalkan di negara-negara lain.

Daripada pemeriksaan ke atas jualan padi tuaian musim Kedua 1985 khususnya bagi kawasan Sawah Sempadan dan Ulu Tiram Buruk di kawasan Tanjung Karang, purata potongan adalah 19.4% sahaja. Daripada jumlah tersebut potongan disebabkan kekotoran dan hampa adalah yang tertinggi iaitu 11.4%, manakala potongan-potongan lain ialah wap basah 5%, padi muda 2% dan padi rosak 1%. Daripada sejumlah 1,031 petani yang menjual padi sebanyak 2,212 tan metrik berat kasar bagi tempoh 26-6-1985 hingga 10-7-1985 di kawasan tersebut, sejumlah 633 petani dengan jumlah jualan padi 1,337.5 tan metrik dikenakan potongan 20% ke bawah manakala bakinya seramai 398 petani adalah terlibat dengan potongan melebihi kadar purata kerana keadaan padi mereka yang mengandungi kotoran dan hampa yang banyak.

Adalah difahamkan bahawa penghasilan padi di kawasan ini bagi musim yang lalu mengandungi banyak hampa akibat dari keadaan kering semasa penanaman dan kekurangan bekalan air. Di samping itu penuaian di kawasan ini banyak menggunakan jentuai kecil yang tidak boleh mengasingkan sampah, hampa dan kotoran daripada padi mengakibatkan padi yang dijual itu mengandungi bahan-bahan tersebut.

### PENDAFTARAN PEMBORONG DENGAN PUSAKABUMI

**13. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron** minta Perdana Menteri menyatakan berapakah bilangan pemborong yang sedang memohon pendaftaran dengan PUSAKABUMI dan setakat hari ini berapa telah didaftar mengikut kelas serta berapa yang mendapat pengiktirafan Bumiputera.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Jumlah permohonan untuk didaftarkan sebagai kontraktor kerja dengan PUSAKABUMI ialah 2,233. Daripada bilangan itu sebanyak 840 adalah untuk berdaftar dari Kelas C dan ke atas dan 1,301 untuk berdaftar dengan Kelas D dan ke bawah. Bakinya sebanyak 92 ialah untuk berdaftar sebagai kontraktor elektrik.

Setakat ini sebanyak 717 permohonan diluluskan pendaftarannya, di kelas C ke atas, sebanyak 608 permohonan diluluskan untuk daftar di Kelas D ke bawah dan 52 diluluskan bagi kontraktor letrik. Dengan ini jumlah permohonan yang diluluskan dengan PUSAKABUMI adalah sebanyak 1,377.

Selanjutnya sebanyak 3,313 syarikat atau kontraktor telah diiktirafkan sebagai kontraktor Bumiputera mengikut syarat-syarat yang ditetapkan oleh Surat Pekeliling Perbendaharaan 7/74.

## PENDERMA DARAH—KAJIAN

**14. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada sebarang rancangan memulakan ujian "rutin" penderma-penderma darah bagi Acquired Immune Deficiency Syndrom (AIDS), jika tidak adakah beliau sedar bahawa Pusat-pusat kawalan penyakit Amerika Syarikat (U.S. Centres for Diseases Control) telah membuktikan bahawa virus AIDS yang harus menyebabkan kematian mungkin tinggal "dormant" di dalam badan hingga 6 tahun tanpa melakukan syptom tetapi pembawa yang dijangkit masih boleh menghantar AIDS kepada orang lain melalui perpindahan darah;
- (b) adakah darah yang disimpan di Bank Darah di hospital-hospital selain dari di Hospital Besar Kuala Lumpur akan diuji dengan sistematik bagi AIDS dan jika ya, bilakah ujian-ujian seperti ini dijalankan khususnya di Hospital Besar Ipoh.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato K. Pathmanaban);** Kementerian Kesihatan sedang menjalankan satu kajian di peringkat kebangsaan (national survey) di mana sampel-sampel darah yang didermakan diperiksa untuk menentukan sama ada ianya mengandungi antibody terhadap kuman AIDS serta mendapatkan "population profile" terhadap penyakit AIDS di kalangan penderma-penderma darah. Maklumat-maklumat yang akan diperolehi daripada kajian ini akan digunakan untuk membuat keputusan sama ada ujian rutin (routine screening) penderma-penderma darah bagi penyakit AIDS perlu atau tidak. Jika didapati perlu, maka ujian rutin akan

diadakan di semua tabung-tabung darah di seluruh negara, termasuklah tabung darah Hospital Besar, Ipoh.

Kementerian saya telah pun meneliti masalah penyakit AIDS ini dan satu rancangan "contingency" telah pun digubal. Kementerian juga sedar bahawa penyakit AIDS mempunyai tempoh "incubation" yang panjang dan senantiasa berhubung dengan pusat kawalan penyakit "Centre for Disease Control" di Atlanta, U.S.A. secara terus-menerus dan juga melalui Pertubuhan Kesihatan Sedunia di Geneva, Switzerland, untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang terakhir berkenaan dengan penyakit AIDS.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan juga telah membuat beberapa kenyataan akhbar berkenaan dengan AIDS. Kenyataan-kenyataan ini adalah dibuat dengan tujuan untuk memberi makluman kepada orang ramai berkenaan dengan penyakit AIDS dan juga tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan untuk mengawal penyakit ini.

## MAJLIS SYURA—PENUBUHAN

**15. Tuan Othman bin Abdul** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa Majlis Syura yang ditubuhkan oleh Kerajaan diletakkan di bawah satu unit kecil di Jabatan Perdana Menteri, sedangkan tugasnya adalah besar; adakah Kerajaan bercadang untuk meletakkan Majlis Syura ini ke tingkat yang lebih tinggi setaraf dengan tugasnya sebagai penasihat dalam hal-hal yang berkaitan dengan agama Islam pentadbiran negara. Kalau tidak mengapa.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohammad Noor):** Majlis Syura yang ditubuhkan adalah sebuah majlis yang dianggotai oleh beberapa ahli yang mahir dalam hal ehwal agama dan kemasyarakatan yang peranannya adalah sebagai penasihat kepada Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, dalam meningkatkan mutu pentadbiran dan sumbangan perkhidmatannya kepada rakyat. Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri sendiri bertanggungjawab sebagai urusetia kepada Majlis ini.

Tugas Majlis ini tidaklah sebagai penasihat dalam hal-hal pentadbiran yang berkaitan agama Islam dalam pentadbiran negara kerana usaha penasihatian yang Ahli Yang Berhormat maksudkan dijalankan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan dan Jawatankuasa Fatwa Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri-negeri.

#### **PROJEK TURNKEY OLEH KONTRAKTOR ASING**

**16. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah beliau sedar akan sungutan-sungutan para kontraktor tempatan, badan-badan professional pembinaan dan konsultan tempatan terhadap projek-projek turnkey yang kebanyakannya dibolot oleh kontraktor-kontraktor asing;
- (b) memandangkan kemelesetan ekonomi, apakah dasar mengenai projek-projek turnkey akan dikaji semula demi menjimatkan aliran pertukaran wang asing ke luar negeri.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Sungutan-sungutan yang disuarakan oleh pihak-pihak tempatan sentiasa diberikan perhatian oleh Kerajaan. Malahan maklumat-maklumat itu merupakan makluman balas yang dijadikan panduan oleh agensi-agensi Kerajaan dalam merangka arah-tindakan mengenai cara-cara yang sesuai bagi mempertingkatkan kekesanan penyertaan dan penglibatan sektor-sektor tempatan dalam projek-projek pembinaan sama ada yang dilaksanakan secara turnkey atau sistem konvensional.

Untuk makluman Yang Berhormat, tidaklah tepat sungutan yang mengatakan projek-projek turnkey telah dibolot oleh kontraktor-kontraktor asing sepenuhnya. Daripada 15 projek yang telah dilaksanakan secara turnkey, sebanyak 9 projek telah ditawarkan kepada syarikat-syarikat tempatan. Bagi projek-projek yang ditawarkan kepada kontraktor-kontraktor asing, mereka dikenakan syarat-syarat usahasama dengan rakan tempatan, memberikan kerja-kerja sub-kontrak kepada kontraktor-kontraktor tempatan di samping menggunakan perkhidmatan perunding tempatan dalam melaksanakan kerja-kerja kontrak. Mereka juga dikenakan syarat supaya menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan syarikat-syarikat pengangkutan negara, menggunakan bahan-bahan tempatan, 'counter trading' dan sandaran bank dengan menggunakan bank-bank dalam negeri. Langkah-langkah ini di samping dapat menjamin penyertaan sektor-sektor tempatan, malahan juga dapat mengawal pengaliran keluar wang negara.

Penggunaan sistem turnkey ialah satu pilihan yang ada pada Kerajaan dalam usaha mempertingkatkan keupayaan pelaksanaan. Kerajaan akan menggunakan pilihan ini

sekiranya perlu bagi projek-projek tertentu setelah berpuas hati ianya menguntungkan.

#### **RANCANGAN TANAH— MENGELAKKAN KEKACAUAN**

**17. Tuan Baharom bin Haji Bakar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa adakah Kerajaan sedar tentang perlunya diwujudkan suatu akta di rancangan-rancangan tanah yang membolehkan Kerajaan bertindak kepada mana-mana pihak yang terlibat mencetuskan kekacauan atau suasana yang tidak diingini di rancangan-rancangan tanah tersebut.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa sedar dan bertanggungjawab dalam menjaga ketenteraman awam dan keselamatan negara dari segala bentuk ancaman yang ditimbulkan oleh golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab dan subversif militan.

Selaras dengan tanggungjawab kerajaan tersebut berbagai peraturan dan undang-undang telah diadakan bertujuan bagi menjamin ketenteraman awam dan keselamatan negara di mana-mana sahaja sekalipun termasuklah di rancangan-rancangan tanah kerajaan. Oleh itu Kerajaan berpendapat peraturan-peraturan dan undang-undang yang ada dan sedang berkuatkuasa sekarang sudah mencukupi bagi memelihara ketenteraman awam dan keselamatan negara. Kerajaan tidak teragak-agak untuk mengambil sebarang tindakan terhadap mana-mana pihak atau golongan' yang cuba menimbulkan kekacauan yang mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara.

#### **RANCANGAN PERTANIAN KOMERSIAL**

**18. Tuan Omar bin Abdullah** minta Menteri Penanian menyatakan bagaimanakah prestasi pencapaian projek-projek pertanian di bawah rancangan Negeri Sembilan Timur (NST). Adakah benar projek ini telah terlewat dalam pelaksanaannya dan tidak dapat memberikan kesan seperti yang dirancangan. Adakah Kerajaan bercadang mengkaji semula pelaksanaan rancangan ini untuk membolehkan ianya disesuaikan dengan rancangan pertanian komersial seperti yang disarankan melalui Dasar Pertanian Negara.

**Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim):** Sejak projek Negeri Sembilan Timur dilancarkan pada tahun 1981 beberapa kemajuan telah dicapai. Di antaranya ialah seperti pemulihan skim pengairan seluas 340 hektar di daerah Kuala Pilah, Rembau dan Jelebu, pembinaan jalan ladang sepanjang 55 km, pemulihan tanah terbiar dengan tanaman kelapa sawit seluas 236 hektar penanaman semula getah seluas 5,207 hektar, pembinaan 358 buah kolam ikan air tawar dan lain-lain lagi. Projek ini telah dilaksanakan sepertimana yang dirancangan iaitu pada tahun 1981 tetapi menghadapi beberapa masalah pada peringkat awal pelaksanaan seperti pengisian jawatan-jawatan penting, kekurangan data-data hidrologi dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, masalah-masalah berkenaan telah diatasi, dan setelah itu, Kerajaan dan Bank Pembangunan Asia menyusun semula projek pada awal tahun 1984. Penyusunan semula ini dibuat bertujuan untuk mempercepatkan penggunaan pinjaman dari Bank Pembangunan Asia dan selaras dengan kehendak Dasar Pertanian Negara.

Di antara program-program di bawah penyusunan semula projek ini ialah pengwujudan estet padi seluas

1,200 hektar, penanaman koko di kawasan seluas 600 hektar penanaman kelapa sawit seluas 3,000 hektar, tanaman semula getah seluas 9,450 hektar dan membina jalan ladang sepanjang 272 km. Pada masa ini aktiviti-aktiviti di bawah projek ini sedang giat dilaksanakan dan dijangka siap pada tahun 1987.

### **GAS CECAIR KENDERAAN MOTOR**

**19. Tuan Ling Sie Ming** minta Perdana Menteri menyatakan sejak penggunaan gas cecair untuk menggantikan petrol kenderaan berapakah kenderaan motor telah menggunakan gas cecair sekarang, mengapakah gas cecair tidak digunakan pada umumnya; sama ada benar Kerajaan berdasarkan konsep "Pimpinan Melalui Teladan", telah mengarahkan semua kenderaan Jabatan Kerajaan supaya menggunakan gas cecair.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili):** Pada akhir tahun 1984, sebanyak 426 kenderaan bermotor telah menggunakan gas cecair untuk menggantikan petrol. Kerajaan telah memutuskan untuk tidak memaksa syarikat-syarikat minyak dan pengguna-pengguna untuk menggunakan gas cecair, sebaliknya membiarkan penggunaan ditentukan oleh kuasa pasaran atau, dengan izin, "market forces".

Walau bagaimanapun, Kerajaan sedang mengkaji secara lebih mendalam isu penggunaan gas cecair terutama dari segi implikasi terhadap kos dan hasil Kerajaan. Hanya selepas kajian ini selesai barulah Kerajaan mengadakan dasar untuk menggalakkan penggunaan gas cecair secara meluas.

Pada masa ini Kerajaan memang menggalakkan kenderaan Kerajaan

supaya menggunakan gas cecair di mana sesuai.

### **TANAH TERBIAR KERETAPI TANAH MELAYU**

**20. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah jumlah hektar tanah yang dimiliki oleh Keretapi Tanah Melayu (KTM) di seluruh negara, dari jumlah tersebut berapa hektarkah tanah (KTM) menjadi tanah terbiar, memandangkan ini adakah pihak KTM mempunyai apa-apa cadangan yang positif bagi memajukan tanah-tanah tersebut lebih berkesan.

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):** Keretapi Tanah Melayu mempunyai 6,699.3497 hektar tanah di seluruh negara. Kebanyakan daripada tanah ini adalah terletak di sebelah menyebelah landasan yang perlu diadakan sebagai rezab untuk memenuhi keperluan operasi. Sungguhpun boleh dikatakan tanah rezab keretapi yang ada sekarang ini nampak terbiar tetapi ianya adalah penting sebagai simpanan untuk pembangunan masa depan keretapi dan oleh hal yang demikian tidaklah seharusnya dimajukan semata-mata untuk maksud pembangunan am.

### **PELAJARAN KANAK-KANAK CACAT**

**21. Dr Koh Tsu Koon** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa di negara kita terdapat ramai kanak-kanak cacat yang memerlukan pelajaran khas yang tidak dapat dipenuhi oleh sistem sekolah kita sekarang. Apakah program-program dan langkah-langkah spesifik yang sedang diambil oleh Kementerian untuk memenuhi keperluan khas ini; berapakah amaun dan nisbah dalam perbelanjaan di bawah Rancangan

Malaysia Keempat yang diperuntukkan untuk program-program seumpama ini setakat ini.

**Datuk Dr Ling Liong Sik:** Kementerian Pelajaran memang sedar terdapat ramai kanak-kanak cacat pendengaran dan cacat penglihatan yang memerlukan pelajaran khas. Bagi memenuhi keperluan tersebut, Kementerian ini telah dan sedang mengambil beberapa langkah untuk menambahkan lagi kelas-kelas khas dan sekolah-sekolah khas dan menambah bilangan guru khas untuk menampung keperluan tenaga pengajar. Kementerian ini juga sedang merancang untuk mengadakan kemudahan latihan kemahiran vokasional kepada pelajar-pelajar cacat pendengaran, menyediakan Pusat Percetakan dan Perpustakaan Braille dan memulakan persekolahan lebih awal bagi kanak-kanak cacat ini.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat sejumlah \$25,798,954.00 (0.7%) telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek-projek pelajaran khas.

#### **PERUSAHAAN GETAH— PENDAPATAN PEKEBUN KECIL**

**22. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada beliau sedar kemerosotan perusahaan getah telah sampai ke peringkat genting, bahawa langkah-langkah yang diambil setakat ini untuk membaiki pendapatan pekebun-pekebun kecil getah tidak berjaya dan telah mengakibatkan beribu-ribu ekar kebun-kebun kecil terbiar, dan sama ada penyelidikan yang lebih rapi akan dilancarkan untuk mencapai pengeluaran yang lebih tinggi di kalangan-kalangan pekebun-pekebun kecil.

**Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam):** Kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat dari Seremban berhubung dengan kedudukan perusahaan getah yang genting dengan memberikan gambaran bahawa langkah-langkah yang diambil setakat ini untuk membaiki pendapatan pekebun-pekebun kecil getah tidak berjaya adalah kurang tepat. Sebenarnya kemerosotan perusahaan getah yang wujud pada hari ini adalah kerana harga pasaran getah dunia tidak stabil.

Di samping itu harga hasil jenis tanaman lain seperti kelapa sawit, koko dan kopi adalah lebih lumayan daripada harga getah. Oleh yang demikian ramai pekebun kecil telah menukar jenis tanaman getah kepada jenis tanaman lain yang lebih menguntungkan jika keadaan iklim dan tanah mengizinkan.

Selain daripada itu pendapatan yang rendah akibat daripada kemerosotan harga getah menyebabkan penghijrahan ramai tenaga-tenaga buruh kepada sektor perusahaan lain yang lebih menjamin pendapatan yang tinggi seperti perusahaan kilang-kilang dan rancangan perumahan di bandar-bandar.

Mengenai pertanyaan Yang Berhormat berhubung dengan sama ada penyelidikan yang lebih rapi akan dijalankan untuk mencapai pengeluaran yang lebih tinggi di kalangan pekebun-pekebun kecil; di sini ingin saya menegaskan bahawa sebenarnya usaha ke arah meningkatkan daya pengeluaran hasil getah telah banyak dijalankan dan masih giat dijalankan di negara kita. Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) Sistem "enviromex" telah dilaksanakan di mana jenis-jenis klon yang terbaik dan sesuai untuk sesuatu kawasan

telah digalakkan dan diamalkan oleh pekebun kecil.

- (ii) Penggunaan benih lanjutan dengan tujuan memendekkan tempoh masa muda atau mempercepatkan masa pengeluaran hasil telah dilaksanakan dan diamalkan oleh pekebun kecil.
- (iii) Sistem tanaman padat (density planting—247 pokok satu ekar atau 610 pokok satu hektar) telah lama diamalkan oleh pekebun kecil dengan tujuan meningkatkan lagi pengeluaran hasil pada peringkat mula ditoreh.
- (iv) Sistem cantuman muda dan cantuman hijau juga diamalkan oleh pekebun kecil supaya dapat memendekkan tempoh masa menoreh.
- (v) Sistem cantuman terkawal (control pruning) adalah digalakkan kepada pekebun kecil dengan tujuan supaya wujud keseragaman penumbuhan pokok-pokok dan dengan ini dapat meningkatkan lagi pengeluaran hasil.
- (vi) Kemudahan subsidi baja dan input pertanian lain seperti kacang penutup bumi dan bahan-bahan kimia adalah diberikan kepada pekebun kecil yang layak dengan tujuan menjamin pengeluaran hasil yang tinggi melalui penjagaan kebun yang teratur.
- (vii) Perancangan yang lebih teratur dan menepati keperluan pekebun kecil adalah dijalankan oleh RISDA melalui sistem pengembangan yang lebih tepat dan menyeluruh iaitu sistem "TRIDELTA" yang mana usaha pengembangan

adalah ditumpukan kepada pemindahan teknologi hasil daripada penyelidikan rapi oleh RRI kepada kumpulan sasaran iaitu pekebun kecil getah yang miskin.

#### **SIJIL BERANAK PENDATANG HARAM INDONESIA/ FILIPINA**

**23. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kementerian akan menghendaki semua hospital memasukkan kewarganegaraan (nationality) ibu bapa dalam sijil beranak untuk memastikan pendatang-pendatang haram Indonesia dan pelarian-pelarian Filipina tidak memperolehi kewarganegaraan Malaysia dengan cara tipu.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Adalah sukar bagi seseorang untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan secara tipu kerana anugerah taraf ini ditetapkan oleh perkara-perkara tertentu dalam Perlembagaan Malaysia. Dalam pada itu, Kementerian Dalam Negeri sedang mengkaji perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

#### **SEMPADAN MALAYSIA— SINGAPURA DI SELAT TEBRAU**

**24. Datuk Mohamed bin Rahmat** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan bilakah kerja kerja menentukan sempadan yang nyata antara Malaysia dan Singapura di Selat Tebrau akan diselesaikan. Apakah asas yang digunakan bagi penentuan sempadan tersebut dalam perbincangan dengan pihak Singapura.

**Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Sempadan Maritime antara Malaysia dan Singapura di Selat

Johor telah ditentukan mengikut "Straits Settlements and Johore (Territorial Waters) Agreement" bertarikh 19hb Oktober, 1927. Sempadan ini adalah mengikut pertengahan terusan air dalam (centre of the deep water channel).

Lanjutan dari mesyuarat rasmi di antara pegawai-pegawai Malaysia dan Singapura yang telah diadakan di Johor Baharu pada 29hb Januari, 1980. ukuran hidrografi bersama telah dimulakan pada 10hb Mac, 1980 dan disiapkan pada 3hb Oktober, 1981. Pengukuran hidrografi ini ialah untuk mendapatkan maklumat yang khusus bagi tujuan menentukan dengan tepatnya sempadan maritime di antara Malaysia dan Singapura, bersesuaian dengan Perjanjian 1927. Laporan ukuran hidrografi bersama ini telah pun diterima oleh kedua-dua belah pihak. Hasil pengukuran hidrografi dan pendirian Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dalam perkara ini, telah pun dibincangkan di peringkat Jawatankuasa 'S' di mesyuaratnya pada 4hb Jun, 1985.

Satu draf 'Kertas Kabinet' mengenai Sempadan Maritime di antara Malaysia dan Singapura di Selat Johor yang mengandungi syor-syor dari Jawatankuasa 'S' telah pun diedarkan kepada semua Kementerian/Jabatan yang berkaitan untuk pandangan/ulasan mereka. Pihak Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah akan mengemukakan Kertas Kabinet yang berkenaan untuk kelulusan Kabinet sebaik sahaja menerima pandangan/ulasan terakhir dari Jawatankuasa 'S'.

Asas-asas yang akan dipertimbangkan dalam perbincangan dengan Kerajaan Singapura, selain dari mengambilkira kepentingan Malaysia pada keseluruhannya, merangkumi aspek-aspek teknikal dan pengkajian Perjanjian 1927.

## PROJEK PERUMAHAN YANG TERBENGGKALAI

25. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapa banyak projek perumahan yang terbengkalai di seluruh negara sehingga 30-6-85 dan berapa banyak unit rumah yang terlibat dan purata kos yang terbabit.
- (b) apakah sebab utama projek-projek perumahan ini terbengkalai.
- (c) berapa banyak projek perumahan yang terbengkalai yang telah dihidupkan semula oleh Kementerian sehingga 30-6-85 dan apakah langkah yang Kementerian bercadang untuk mengambilnya bagi mengurangi kejadian projek perumahan yang terbengkalai dengan tujuan untuk melindungi kepentingan pembeli-pembeli rumah.

### Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30-6-85, sebanyak 43 projek perumahan yang terbengkalai telah dikenalpasti. Jumlah rumah yang terlibat ialah sebanyak 4,855 unit dan purata kos bagi tiap-tiap rumah ialah sebanyak \$32,000.00;
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab utama yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai di seluruh negara adalah seperti berikut:
  - (i) Pemaju menghadapi masalah pengurusan kewangan oleh kerana

menyalahgunakan wang syarikat dan sebagainya.

- (ii) Pemaju baru mula menceburkan diri dalam bidang industri perumahan dan dengan yang demikian, pemaju tidak mempunyai pengalaman, kepakaran serta pengurusan yang cekap.
- (c) Untuk makluman Yang Berhormat, hasil dari campurtangan Kementerian saya, sebanyak 23 buah projek perumahan yang terbengkalai telah berjaya diteruskan semula, 10 daripada projek ini telah siap dibina, manakala 13 projek lagi sedang dalam peringkat pembinaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian saya sentiasa berusaha untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh projek-projek perumahan sebelum masalah-masalah tersebut membebaskan pemaju sehingga menyebabkan projek perumahan yang dimajukan terbengkalai. Kementerian saya mengambil langkah-langkah berikut bagi menyekat kejadian serupa ini dari berlaku:

- (i) Membuat pengawasan rapi terutama ke atas projek yang baru diluluskan.
- (ii) Mengawasi pemaju baru yang menceburkan diri dalam bidang industri perumahan.
- (iii) Meminta kerjasama kepada pemaju yang menghadapi masalah supaya menghubungi Kementerian dengan segera.

## PROJEK PERUMAHAN SWASTA

**26. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa banyak projek-projek perumahan terutamanya projek-projek Perumahan swasta tidak mengikut peraturan-peraturan dan arahan-arahan Kementerian, seperti mengadakan parit besar (main drain) diprojek-projek perumahan tersebut, sebagai contoh. Projek Swasta Taman Kota Jaya, di Simpang dalam Daerah Larut, Matang di Negeri Perak, yang mana projek perumahan di Taman Kota Jaya di Simpang ini tidak mempunyai longkang besar (main drain), yang mana mengakibatkan banjir apabila tiba musim hujan. Jika sedar, apakah langkah-langkah tertentu beliau mengatasi masalah ketiadaan longkang besar (main drain) di projek perumahan Taman Kota Jaya di Simpang ini.

**Puan Napsiah binti Omar:** Projek-projek Perumahan di negara ini adalah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan iaitu Penguasa-penguasa Tempatan. Dalam proses meluluskan projek-projek perumahan pihak-pihak yang berkenaan akan merujuk kepada Akta-akta, Undang-undang Kecil, peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang sedia ada. Kelulusan sesuatu projek perumahan adalah tertakluk kepada projek itu menemui kehendak-kehendak dan syarat-syarat dalam Akta-akta, Undang-undang Kecil, peraturan-peraturan dan arahan-arahan yang dikeluarkan dari masa ke masa.

Walaupun demikian, Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan mungkin boleh memberi pengecualian. Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Perumahan di Taman Kota Jaya di Simpang dalam Daerah Larut, Matang telah

diluluskan sebelum Majlis Perbandaran Taiping ditubuhkan dan pada masa itu belum ada Pihak Berkuasa Perancang Tempatan dan kelulusan telah diberi oleh Pihak Berkuasa Negeri. Majlis Perbandaran Taiping telah menyedari berlakunya banjir di kawasan ini dan telah menyasat masalah dan akan mengambil tindakan tidak lama lagi untuk mengatasi masalah banjir.

Kementerian saya juga telah mengubal satu Undang-undang Kecil Saliran, Kebersihan dan Pemasangan Paip Kebersihan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Undang-undang kecil ini telah pun diedarkan untuk pelaksanaan di Penguasa-penguasa Tempatan. Undang-undang kecil ini ada peruntukan yang memerlukan penyediaan paip-paip, parit-parit dan saluran-saluran bagi pembuangan kumbahan dan air permukaan daripada bangunan itu.

Selam daripada ini Kementerian saya sedang mengkaji penggubalan satu dasar perparitan untuk seluruh negara dan dasar ini akan mengambilkira masalah banjir dan saliran air dari kawasan-kawasan perumahan.

### **BUKIT TINGGI SEBAGAI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**27. Dr Tan Seng Giaw** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sebab-sebab mengapa Janda Baik digantikan dengan Bukit Tinggi sebagai Wilayah Persekutuan. Apakah yang akan terjadi dengan penduduk-penduduk termasuk kampung-kampung baru di Bukit Tinggi. Apakah sebenarnya jumlah pampasan wang yang perlu diberi kepada Kerajaan Negeri Pahang untuk pengambilan alih Bukit Tinggi. Bilakah pengambilan alih Bukit Tinggi akan dilaksanakan. Apakah syarat-syarat perjanjian pengambilan alih

Bukit Tinggi yang dibincangkan dan yang telah dipersetujui semasa perundingan pada 17hb Jun dibuat.

**Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad):** Sebenarnya Janda Baik dan Bukit Tinggi adalah di dalam kawasan yang sama yang telah dikenalpasti pada masa lepas sebagai tapak bandaraya baru. Bukit Tinggi adalah tapak yang sebenarnya yang akan dijadikan sebagai Bandaraya Baru Persekutuan selepas sempadan bandaraya itu ditetapkan oleh Kerajaan Pusat dan Negeri Pahang. Janda Baik akan tetap dalam Negeri Pahang tetapi termasuk dalam kawasan perancangan pembangunan (development planning area) bandaraya baru itu.

Jumlah pampasan yang akan dibayar serta syarat-syarat perjanjian masih lagi dirundingkan dengan Kerajaan Negeri Pahang.

### **PASARAN PENGELUARAN BAHAN MENTAH MALAYSIA**

**28. Tuan Yahya bin Haji Zakaria** meminta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara pengeluar dan pengeksport bahan-bahan mentah dan separuh siap di sesebuah negara yang tertentu kerana dengan cara ini akan memberi lebih faedah pasaran.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum iaitu negara kita adalah sebuah negara pengeluar dan pengeksport barangan utama di pasaran dunia. Masa kini negara kita adalah pengeksport utama kepada barangan utama seperti getah asli, minyak kelapa sawit, kayu-kayan, timah, koko dan lada hitam. Selain

daripada itu negara kita juga telah berusaha untuk memperoses dan memasarkan barangan separuh siap untuk mengurangkan pergantungan negara kita kepada pengeksportan bahan-bahan mentah sahaja, di mana harga barangan ini selalunya tidak stabil. Kerajaan telah mengambil langkah tertentu iaitu supaya barang utama dan separuh siap keluaran Malaysia terus mendapat pasaran yang baik di luar negeri. Antara langkah-langkah yang telah, diambil ialah:

- (i) Memperkukuhkan penyelidikan dan pembangunan secara bersepadu untuk pengeluaran, pemerosesan dan pemasaran barang-badang mentah;
- (ii) Bekerjasama dengan sektor swasta bagi mencapai kecekapan, mutu pengeluaran yang baik dan mengurangkan kos pengeluaran;
- (iii) Melibatkan diri secara aktif dalam peraturan barang utama di peringkat antarabangsa untuk mencapai kestabilan harga barang utama kita.
- (iv) Mempergiatkan usaha untuk mengukuhkan pasaran yang sedia ada dan mencari pasaran baru bagi barangan utama dan barangan separuh siapnya, atau yang telah diproses secara sepenuhnya, melalui pengurangan dan penghapusan halangan-halangan perdagangan di luar negeri;
- (v) Menggalakkan pemerosesan barangan utama dengan meluas di dalam negeri untuk mendapat nilai tokoh yang lebih tinggi di samping meningkatkan pendapatan gunatenaga dan pertukaran wang asing; dan

- (vi) Memperbaiki, lain-lain kemudahan seperti pengangkutan, perkapalan insuran dengan menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada di Malaysia dan memperkukuhkan institusi dan operasi KLCE (BURSA KOMODITI KUALA LUMPUR) bagi membolehkan ianya berfungsi secara lebih berkesan untuk barangan utama di masa hadapan.

Dalam pemasaran barangan keluaran negara kita di luar negeri, kita tidaklah menumpukan dan memperkenalkan barangan eksport kita kepada satu negara sahaja. Kita telah memasarkannya ke seluruh dunia, melalui Pejabat-pejabat Perdagangan di luar negeri dan penghantaran rombongan perdagangan ke negara tertentu dan usaha-usaha persendirian oleh pihak swasta untuk menjamin jumlah eksport kita akan terus bertambah, dan untuk mengurangkan risiko perdagangan yang mungkin timbul dari penumpuan kepada satu pasaran sahaja.

#### **PEKERJA INDONESIA DI MALAYSIA**

**29. Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) berapa ramai pekerja Indonesia setakat hari ini, yang dibenarkan masuk ke Malaysia selaras dengan perjanjian bekalan pekerja antara Malaysia dan Indonesia dengan memberi butir-butir lanjut mengenai tempat bekerja di sektor ladang dan sektor pembinaan;
- (b) sama ada Kementerian ini telah mengkaji implikasi pelaksanaan perjanjian

tersebut dan kesannya ke atas pekerjaan rakyat tempatan terutamanya di sektor pembinaan; dan

- (c) walaupun usaha dibuat untuk mengadakan peraturan kemasukan pekerja-pekerja Indonesia ke Malaysia, tetapi berapa ramaikah pekerja Indonesia yang memasuki Malaysia secara haram yang telah dihantar balik ke Indonesia bermula Mac, 1985 hingga 30-6-85.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Setakat hari ini, seramai 257 orang buruh dari Indonesia telah dibenarkan bekerja di United Plantation Berhad iaitu di Ulu Bernam Estate dan Changkat Menteri Estate. Sebelum Kerajaan menandatangani perjanjian pengambilan buruh Indonesia, kajian teliti telah dibuat dari semua sudut bagi memastikan bahawa pengambilan buruh dari Indonesia tidak akan menjejaskan peluang-peluang pekerjaan rakyat Malaysia di dalam industri pembinaan dan perladangan. Pengambilan buruh-buruh dari Indonesia itu ialah semata-mata untuk menampung kekurangan tenaga pekerja di sektor pembinaan dan perladangan yang dihadapi oleh negara. Pada masa ini, adalah terlalu awal untuk menilai keberkesanan pelaksanaan perjanjian ini.

Mana-mana warganegara asing yang memasuki negara ini secara haram adakah melakukan kesalahan di bawah Undang-undang Imigresen tanpa mengira tujuan mereka berbuat demikian. Kementerian Dalam Negeri tidak mengklasifikasikan tangkapan pendatang haram mengikut tujuan atau pekerjaan yang mereka lakukan semasa mereka ditangkap. Dari bulan Mac hingga 30-6-85, seramai 379 orang pendatang haram Indonesia telah dihantar balik ke negara mereka.

### UNIT PENCEGAH PENYELUDUPAN/KAWALAN DI SEMPADAN

**30. Tuan Ng Cheng Kuai** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) adakah unit-unit Pencegah Penyeludupan dan unit-unit Kawalan Keselamatan di negeri-negeri sempadan dikawal dari segi menghindarkan penyalahgunaan kuasa terhadap para pelancong;
- (b) adakah mereka dikehendaki menyediakan rekod-rekod rasmi mengenai barangan yang dirampas. Jika ya, adakah rekod-rekod itu pernah diaudit; dan
- (c) apakah peraturan-peraturan mengenai pelepasan barangan yang dirampas.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:**

- (a) Semua anggota Unit Pencegah Penyeludupan terdiri daripada anggota-anggota Polis, Kastam, Imigresen dan Lembaga Padi dan Beras Negara adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan tetap Jabatan dan perkhidmatan masing-masing semasa menjalankan tugas. Setiap penyalahgunaan kuasa di kalangan anggota Unit Pencegah Penyeludupan, jika didapati benar, akan dikenakan tindakan tatatertib berdasarkan peraturan tatatertib yang sedia terpakai. Bagi anggota-anggota perkhidmatan awam seperti anggota Kastam dan Imigresen, peraturan tatatertib adalah berdasarkan Perintah Am Bab "D" (Kelakuan dan Tatatertib) 1980 dan bagi anggota Polis pula ianya tertakluk kepada Akta Polis 1967.

- (b) Semua anggota Unit Pencegah Penyeludupan dikehendaki menyediakan rekod-rekod rasmi mengenai barangan yang dirampas. Semua rekod-rekod ini tertakluk kepada auditan dalam Jabatan masing-masing dan auditan luar oleh Jabatan Audit Negara.
- (c) Peraturan-peraturan mengenai pelepasan (pelupusan) barang-barang yang dirampas adalah mengikut undang-undang yang sedia ada. Ini terkandung di dalam Seksyen-seksyen 114, 115 dan 128 Akta Kastam 1967, Seksyen 406A, 407, 413 dan 415 Kanun Acara Jenayah dan Seksyen 22 (2) (a) dan (b) Akta Lembaga Padi dan Beras Negara 1971.

#### RISDA—PENUBUHAN MINI ESTET

**31. Tuan Mokhtaram bin Rabidin** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan apakah ciri yang diberi keutamaan bagi RISDA untuk menubuhkan sesebuah Mini Estet di sesuatu kawasan atau kampung.

**Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Untuk makluman Yang Berhormat tujuan Kerajaan melaksanakan program Mini Estet adalah untuk menyatukan kebun-kebun kecil yang berselerak di bawah satu pengurusan ala estet yang cekap dan moden. Ciri-ciri kawasan yang diberi keutamaan bagi RISDA melaksanakan Mini Estet ialah:

- (i) Kebun-kebu kecil yang tidak ekonomik untuk dibangunkan secara moden seperti penggunaan jentolak, trektor dan lain-lain. Keutamaan diberi kepada kebun-kebun di bawah 10 ekar. Kebun-kebun

ini hendaklah dicantumkan supaya keluasannya tidak kurang daripada 100 ekar bagi sesebuah mini estet demi mencapai "economy of scale".

- (ii) Keutamaan juga diberikan kepada para pekebun kecil yang layak menerima bantuan tanam semula/baru, tetapi mereka menghadapi masalah sosial seperti uzur, sakit, kekurangan tenaga kerja dan kekurangan kewangan. Di samping itu mereka ini tidak bermastautin di dalam kawasan kebun masing-masing.

#### KADAR PENGANGGURAN

**32. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Buruh menyatakan secara terperinci sebab-sebab utama bahawa kadar pengangguran di negara ini terus meningkat dan apakah tindakan Kerajaan bagi mengatasinya.

**Menteri Buruh (Dato' Mak Hon Kam):** Sebagai sebuah negara yang mengamali ekonomi yang terbuka (Open economy). Malaysia tidak berkecuali daripada kesan kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku sejak tahun 1980. Ini telah sedikit sebanyak mengakibatkan kadar pengangguran di negara kita meningkat daripada 5.7% dari tahun 1980 ke paras 6.2% dalam tahun 1984. Sungguhpun peraturan ini adalah rendah jika dibandingkan dengan kadar pengangguran di kebanyakan negara, namun kita perlu mengawasi kedudukan ini supaya kadar pengangguran di negara-negara kita tidak bertambah buruk sehingga mengakibatkan masalah-masalah kemasyarakatan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah peningkatan kadar pengangguran antara lain adalah seperti berikut:

- (i) Pihak Kerajaan sentiasa berusaha untuk menarik lebih ramai pelabur asing untuk membuka perusahaan-perusahaan di negara ini supaya mewujudkan peluang-peluang pekerjaan.
- (ii) Menumpukan perhatian untuk menggalakkan pembangunan-pembangunan industri tempatan.
- (iii) Berusaha untuk membuka rancangan-rancangan tanah baru dan pembesaran sektor perladangan yang ada.
- (iv) Memberi tumpuan kepada latihan kemahiran supaya pekerja-pekerja yang dilatih dapat diserapkan ke dalam sektor-sektor industri baru.
- (v) Menggalakkan penganggur-penganggur supaya mendaftarkan diri menerusi perkhidmatan pekerjaan yang sesuai dapat ditawarkan kepada mereka.

Akhir sekali saya ingin menegaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa pekerja-pekerja kita haruslah mengikis sama sekali kecenderungan bagi pilih-memilih pekerjaan-pekerjaan bercorak Kolar Puteh sahaja.

#### LEMBAGA TENDER—SISTEM TAWARAN

**33. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan mengkaji semua sistem tawaran yang wujud sekarang untuk memastikan rasuah dari segi moral, undang-undang atau dalam

apa-apa bentuk sekalipun tidak akan berlaku dan apakah jaminan yang sedia ada untuk memastikan ahli-ahli Lembaga Tender tidak tertakluk kepada terpengaruh atau tekanan "politik".

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Sistem tawaran yang wujud sekarang ini adalah mencukupi untuk tidak mendedahkan ahli-ahli Lembaga tender kepada pengaruh atau tekanan politik di dalam sesuatu tender. Di bawah sistem ini, ahli-ahli tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak atau penender kerana keputusan adalah dibuat secara "collective". Sekiranya keputusan sebulat suara tidak diperolehi tender tersebut adalah dirujuk kepada Kementerian Kewangan untuk keputusan muktamad.

Proses kerja yang biasa diambil untuk memanggil sesuatu tender mengandungi tujuh (7) peringkat. Peringkat-peringkat tersebut adalah seperti berikut:

- 2.1 Perancangan tender/ menentukan keperluan.
- 2.2 Menyediakan perincian tender (specification).
- 2.3 Mengiklan tender.
- 2.4 Penilaian tender.
- 2.5 Mesyuarat Lembaga Tender.
- 2.6 Menyetujui terima Tender.
- 2.7 Menandatangani Kontrak.

Semua peringkat-peringkat ini adalah mempunyai kepentingan-kepentingan tertentu dan mesti dilalui. Masa yang diambil bagi sesuatu tender adalah berbeza mengikut rumit atau tidak sesuatu barang yang ingin ditender.

Proses perancangan tender adalah penting untuk ditentukan supaya surat setuju terima (Letter of Acceptance) dikeluarkan kepada penender yang

berjaya; di dalam tempoh sahlaku tender. Untuk tujuan ini jabatan-jabatan hendaklah menyediakan carta/jadual bagi menentukan jangkaan proses tender. Jabatan-jabatan hendaklah mendapatkan anggaran keperluan yang realistik dan memastikan terdapat peruntukan yang mencukupi sebelum tender dipanggil.

Penentuan yang tepat adalah perlu bagi menentukan kelicinan sesuatu tender. Satu Jawatankuasa teknikal perlulah diwujudkan terutama bagi Kementerian/Jabatan yang membuat perolehan secara besar-besaran untuk menyediakan penilaian teknik tiaptiap barang rumit (sophisticated) atau barang-barang modal (capital equipment). Ahli-ahli Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada orang-orang yang mahir dan berkelayakan di dalam bidang yang berkenaan. Jangkamasa bagi memanggil tender adalah tetap iaitu 21 hari bagi tender bertaraf tempatan dan 56 hari bagi tender bertaraf antarabangsa. Jangkamasa ini adalah untuk memberi peluang yang luas kepada penender yang layak mengambil bahagian supaya Kerajaan mendapat tawaran yang paling baik.

Manakala penilaian tender adalah peringkat yang paling penting dan mengambil masa yang paling lama: hanya terdiri dari dua peringkat, iaitu peringkat penilaian teknikal dan peringkat penilaian kewangan. Penilaian teknikal adalah untuk menentukan bahawa item yang ditawarkan adalah menepati penentuan yang ditetapkan. Penilaian kewangan adalah untuk menganalisa tawaran-tawaran harga yang dikemukakan oleh penender supaya tawaran-tawaran yang akan diterima benar-benar menguntungkan Kerajaan.

Mesyuarat Lembaga Tender diadakan untuk menimbang tender-tender. Ahli-ahli Lembaga Tender

adalah dilantik oleh Menteri Kewangan. Tiaptiap Lembaga Tender Kementerian/Jabatan hendaklah mengandungi wakil dari Bahagian Pengurusan Kontrak dan Bekalan, Kementerian Kewangan. Keanggotaan Lembaga Tender ini diwartakan di dalam *Warta Kerajaan*.

Keputusan sesuatu tender yang bernilai kurang dari \$5 juta boleh diluluskan sendiri oleh Lembaga Tender dengan syarat mesyuarat dipengerusikan sendiri oleh Ketua Setiausaha atau Timbalan Ketua Setiausaha bagi tender-tender Kementerian dan Ketua Pengarah atau Timbalan Ketua Pengarah bagi tender jabatan dan keputusan hendaklah sebulat suara. Bagi beberapa Kementerian/Jabatan/Badan-badan Berkanun yang melakukan perolehan yang besar kelulusan khas telah juga diberi kepada Lembaga Tender untuk menyetujui tender kerja sehingga nilai \$10 juta. Lain-lain keputusan hendaklah dirujuk kepada Kementerian Kewangan.

Selepas sesuatu tender diputuskan pegawai yang menguruskan tender akan mengeluarkan surat setujuterima kepada penender yang berjaya serta meminta mereka mengemukakan cagaran prestasi. Setelah cagaran prestasi diterima, kontrak rasmi akan ditandatangani oleh pegawai yang diberi kuasa oleh Menteri-menteri yang berkenaan selaras dengan peruntukan di dalam Seksyen 2, Government Contract Ordinance 1949 (Revised 1973).

### **PELARIAN FILIPINO/ PENDATANG HARAM INDONESIA**

**34. Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk hentikan

pembanjiran pelarian-pelarian Filipino dan pendatang-pendatang haram Indonesia ke Sabah; sama ada beliau sedar kehadiran mereka telah menimbulkan masalah pemeliharaan undang-undang dan ketenteraman awam yang serius di Sabah dan jika ya, nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan masalah tersebut disebabkan masalah pelarian Filipino kini adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Seperti yang pernah saya maklumkan di Dewan yang mulia ini, sebenarnya tidak pernah berlaku kebanjiran pelarian Filipino atau kebanjiran pendatang haram dari Indonesia atau dari mana-mana negara jua ke negeri Sabah. Ini adalah disebabkan oleh kawalan ketat serta tindakan tegas yang diambil oleh Kerajaan untuk mencegah kemasukan mereka yang tidak diingini itu. Dalam pada itu, mana-mana warganegara asing yang memasuki negara ini secara haram akan tetap ditangkap, didakwa dan diusir ke negara asal mereka sekiranya mereka dikesan.

Kerajaan memberi kemudahan singgah sementara kepada pelarian-pelarian dari negara-negara asing semata-mata berasaskan kepada perasaan perikemanusiaan serta menghormati Piagam Bangsa-bangsa Bersatu. Pelarian-pelarian itu diberi kemudahan singgah sementara di negara ini sehingga mereka merasa bahawa keadaan di negara asal mereka adalah sesuai untuk mereka pulang. Kerajaan tidak menyekat mana-mana pelarian yang berhasrat untuk balik ke negara asal mereka bila-bila masa juga.

Kehadiran pelarian-pelarian Filipino dan pendatang haram yang dikesan di Sabah tidak menimbulkan masalah kepada keselamatan negara atau menjejaskan ketenteraman awam pada masa ini.

## KES ROGOL

**35. Tuan Tan Kok Hooi** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) pecahan jumlah besar kes-kes rogol bagi tahun-tahun 1981, 1982, 1983, 1984 dan sehingga bulan Jun, 1985;
- (b) pecahan jumlah besar bagi kes-kes rogol yang disertai dengan pembunuhan bagi tahun-tahun 1981, 1982, 1983, 1984 dan sehingga bulan Jun, 1985. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Menteri berkenaan untuk mengelakkan kejadian-kejadian sedemikian dari berlaku atau mengkaji semula supaya Kanun Kesiksaan memperuntukkan hukuman-hukuman yang lebih berat ke atas perogol.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:**

- (a) Perangkaan kes-kes rogol yang dilaporkan bagi tahun 1981, 1982, 1983, 1984 dan tempoh Januari hingga Jun 1985 adalah seperti berikut:

1981	—	360
1982	—	442
1983	—	460
1984	—	470
1985	—	240

(Jan-Jun)

- (b) Sementara itu kes-kes rogol yang disertai dengan pembunuhan bagi tempoh yang sama adalah seperti berikut:

1981	—	7
1982	—	7
1983	—	7
1984	—	13
1985	—	9

(Jan-Jun)

Walaupun hukuman yang diperuntukkan di bawah Seksyen 376 Kanun Kesiksaan bagi sabitan kesalahan kes rogol amatlah berat, namun kejadian rogol masih merupakan suatu jenayah yang sukar untuk dicegah. Langkah pencegahan yang penting adalah terletak kepada individu itu sendiri dan Kerajaan belumlah berhasrat untuk mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas perogol.

### PELARIAN MUSLIM VIETNAM/ KAMPUCHEA

**36. Tuan Chan Kok Kit** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah pelarian-pelarian Muslim bagi Vietnam dan Kampuchea yang dibenarkan sehingga ini untuk menetap di negara ini; sama ada mereka sudah pun dikurniakan dengan taraf kewarganegaraan Malaysia ataupun pemastautin tetap; sama ada benar seramai 20,000 orang Muslim dari Vietnam telah memohon untuk memasuki negara ini seperti didakwa oleh Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj; jika ya, beri butir-butir lanjut.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kerajaan tidak membenarkan pelarian-pelarian Islam Vietnam dan Kampuchea untuk menetap di negara ini. Oleh yang demikian soal mengurniakan taraf kewarganegaraan Malaysia atau pemastautin tetap kepada mereka tidak timbul. Kerajaan tidak pernah menerima sebarang permohonan dari orang-orang Islam di Vietnam untuk memasuki negara ini.

### SIARAN TV3

**37. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan** minta Menteri Penerangan menyatakan:

(a) mengapakah siaran TV3, hanya dapat dinikmati oleh penonton-penonton sekitar bandaraya dan

Ibukota sahaja sedangkan cukai-cukai peti TV dibayar dengan pembayaran yang sama keseluruhannya, adakah ada dalam rancangan untuk siaran TV3, itu akan diselaraskan ke seluruh Negeri dalam Malaysia;

- (b) mengapakah filem-filem tempatan amat sedikit ditayangkan dalam kaca TV Malaysia; adakah menunjukkan sebilangan besar rakyat Malaysia berminat dengan filem-filem asing seperti filem-filem barat;
- (c) mengapakah pembaca berita di kaca TV Malaysia dengan berduaan sepasang pembaca iaitu seorang lelaki dengan seorang perempuan, apakah faedah dan sebab-sebabnya dan adakah itu yang paling baik bagi pandangan rakyat Malaysia; dan
- (d) mengapakah berita sukan dimasukkan dalam masa warta berita; adakah perkara sukan suatu berita penting hingga ketahap mustahak didengar oleh kesemua rakyat ataupun ada sesuatu tujuan besar disebaliknya melalui berita sukan; jika ya, apa dia.

### Menteri Penerangan (Dato' Rais Yatim):

- (a) Kerajaan telah pun mengeluarkan lesen tambahan kepada Sistem Televisyen Malaysia Berhad (STMB) untuk memperluaskan siaran TV3 ke 4 kawasan di Semenanjung. Kawasan-kawasan tersebut ialah;
- (i) Lembah Kinta, Perak;
- (ii) Kuantan. Pahang dan sekitarnya;
- (iii) Melaka dan sebahagian kawasan di Johor Utara; dan

## (iv) Kawasan Barat Daya, Johor.

Walau bagaimanapun, tarikh yang tetap bagi TV3 memulakan siarannya ke kawasan-kawasan tersebut belum lagi diketahui kerana pihak STMB perlu menguruskan persiapan-persiapan yang sewajarnya terlebih dahulu sebelum dapat melaksanakan siarannya.

## (b) Pada ketika ini perbandingan purata rancangan tempatan dengan rancangan asing (kebanyakannya rancangan dari barat) ialah sekitar 55% dan 45%.

Ini tidaklah bermakna sebilangan besar rakyat Malaysia berminat dengan filem-filem barat. Malah perangkaan dari soal selidik Survey Research Malaysia (SRM) menunjukkan sebilangan besar dari rancangan-rancangan TV yang paling mendapat sambutan ramai ialah rancangan-rancangan tempatan seperti Gambar Melayu, Drama Minggu Ini, Tekaria, Isu dan Berita Perdana.

Rancangan-rancangan dari barat masih tinggi peratusnya dalam tayangan TV Malaysia adalah semata-mata kerana keadaan memaksa, kerana soal bekalan dan permintaan (supply and demand). Bahan-bahan tempatan belum cukup untuk mengisi peratusan ruang masa tayangan di TV Malaysia.

Walau bagaimanapun, baru-baru ini RTM telah giat mengusahakan projek-projek pengswastaan dengan syarikat-syarikat luar untuk memperbanyak dan mempelbagaikan lagi rancangan-rancangan tempatan

di samping memberi peluang kepada industri perfileman berkembang dalam bidang ini. Setakat ini lebih 60 rancangan drama telah ditempah dari syarikat-syarikat swasta, dan banyak lagi yang dalam proses pertimbangan oleh Kementerian saya. Adalah diharapkan bahawa pengembelian tenaga RTM dengan syarikat-syarikat swasta ini akan menambahkan bilangan dan meningkatkan lagi mutu rancangan-rancangan tempatan di TV Malaysia.

## (c) Mengenai pembacaan Berita oleh seorang pembaca lelaki dan seorang pembaca wanita, itu adalah cuma satu teknik persembahan yang diamalkan oleh kebanyakan stesen TV di dumba. Antara sebab-sebabnya ialah:

- (i) Persembahan Berita itu lebih menarik.
- (ii) Persembahan Berita itu kurang membosankan dari segi pandangan (visual) penonton.
- (iii) Beban pembacaan selama setengah jam itu dibahagi kepada dua pembaca. Ini akan meningkatkan konsentrasi, dan memberi peluang "bernafas" antara satu pembaca dan pembaca yang lain.
- (iv) Jika ada berita yang khusus untuk wanita ini boleh diberikan kepada pembaca wanita.
- (v) Boleh diwujudkan suasana "perbualan" antara satu pembaca dengan pembaca yang lain bagi berita-berita ringan.
- (vi) Dan lain-lain sebab yang bertujuan untuk satu

persembahan berita yang lebih menarik.

- (d) Mengenai Berita Sukan yang dimasukkan dalam Berita, ini juga adalah amalan yang terdapat hampir di semua stesen TV di dunia, Berita Sukan, sama ada di dalam atau di luar negeri amat diminati oleh penonton-penonton. Antara tujuan TV Malaysia menyiarkan berita sukan ialah untuk menarik penonton dan menggalakkan minat serta penyertaan rakyat Malaysia dalam bidang sukan dan riadah. Berita sukan hanya meliputi dua atau tiga minit saja dalam Berita Perdana yang berjangkama setengah jam.

#### KEMPEN BELI BARANGAN BUATAN MALAYSIA

**38. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat mana keberkesanan, sambutan dan hasil kempen "Beh Barang-barang Buatan Malaysia" di kalangan pembuat dan pengguna-pengguna dalam negara. Setakat mana kesannya ke atas import, pertukaran wang asing dan pusingan wang dalam negara (internal circulation of money).

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia dilancarkan dengan tujuan menyedarkan dan menarik perhatian pengguna-pengguna sama ada orang persendirian, atau pengguna industri kepada wujudnya barang-barang dan perkhidmatan yang dibuat atau dibekal oleh pengeluar-pengeluar dalam negeri. Ia juga bertujuan menyedar dan menggalakkan pengusaha atau pekilang-pekilang tempatan supaya meningkatkan mutu keluaran masing-masing dan menjualnya dengan harga yang berpatutan.

Untuk mencapai objektif ini, beberapa aktiviti telah disusun dan dijalankan, seperti aktiviti-aktiviti penerangan, publisiti, pameran, pendidikan dan peningkatan mutu. Kesemua aktiviti itu mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Melalui 'aktiviti seranta yang dijalankan menerusi media massa kita telah disedarkan tentang kempen ini, seperti yang dapat dilihat daripada laporan-laporan berita, rencana-rencana khas dalam akhbar. Kementerian saya juga menerima maklum balas berupa pandangan, ulasan dan cadangan dari pelbagai pihak tentang kempen ini dan bagaimana mereka dapat memberi sumbangan menjayakan kempen ini.

Pekilang-pekilang tempatan juga telah memberikan sambutan positif kepada seruan supaya meningkat mutu keluaran masing-masing. Suatu usaha ke arah menggalakkan pekilang-pekilang tempatan meningkatkan mutu barangan dan menggunakan bahan dan teknologi tempatan berupa pertandingan untuk merebut gelaran "Anugerah Barangan Cemerlang" mendapat sambutan dan penyertaan yang baik daripada pihak pekilang. Sementara itu, pasaraya-pasaraya atau "supermarket" di seluruh negara mengadakan promosi dan pameran barangan buatan Malaysia.

Manakala, dari segi pendidikan pula yakni membentuk nilai-nilai kepenggunaan dan semangat kebanggaan terhadap barangan tempatan. usaha-usaha ditumpukan kepada penuntut-penuntut sekolah. Aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti pertandingan melukis poster, mengarang essei dan syarahan telah membangkitkan kesedaran para penuntut sekolah mengenai Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia ini.

Oleh yang demikian, setakat ini saya berpuas hati bahawa berdasarkan "response" yang kita terima, objektif

kita menimbulkan kesedaran tentang perlunya membeli barangan buatan Malaysia tercapai.

Mengenai soal kesan kempen ini ke atas import, pertukaran wang asing dan pusingan dalam negara ingin saya nyatakan bahawa ia sukar diketahui atau ditentukan. Menentukan kesan kempen dari sudut-sudut itu memerlukan satu kajian mendalam dijalankan terlebih dahulu bagi memastikan wujudnya perhubungan atau pertalian, sama ada positif atau negative, (positive or negative correlation) di antara kempen dan angkubah-angkubah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Kalau pun terdapat perubahan pada angkubah-angkubah tadi, umpamanya, import telah menurun atau kadar pusingan wang telah naik, namun tidak boleh juga dibuat kesimpulan secara langsung bahawa perubahan-perubahan itu adalah semata-mata disebabkan oleh kempen ini saja kerana ada faktor-faktor lain juga dalam environment ekonomi yang boleh dan akan mendatangkan kesan ke atas angkubah-angkubah itu. Tambahan pula, perubahan-perubahan seperti itu mengambil masa yang lama sebelum dapat dilihat atau dikesan.

Oleh yang demikian usaha untuk menilai keberkesanan kempen ini, atau apa kempen sekalipun, dengan berdasarkan hipotesis bahawa ada kesannya kempen ini ke atas angkubah-angkubah tertentu bukan hanya akan melibatkan suatu kajian mendalam yang rumit, malah besar kemungkinannya kajian seumpama itu tidak akan setimpal dengan masa, tenaga kerja dan perbelanjaan yang digunakan.

Walaupun tidak dapat diukur kesan kempen dengan cara demikian, saya penuh yakin bahawa usaha-usaha kempen yang melibatkan proses pendidikan dan yang dijalankan secara

berterusan akan mengujud dan meningkatkan kesedaran pengguna-pengguna, sama ada orang perseorangan maupun industri dan lama kelamaan akan membawa kepada perubahan nilai dan sikap kepenggunaan di kalangan rakyat ke arah menyokong dan melanggan barangan dan perkhidmatan tempatan dengan adanya usaha-usaha industri tempatan meninggikan mutu keluaran dan menjual barangan atau membekalkan perkhidmatan mereka dengan harga berpatutan.

*(Soalan No. 39. Sila lihat Jawapan No. 19 pada 16-7-85).*

#### **BANK TEMPATAN—KADAR KAEDAH PINJAMAN**

**40. Tuan Patrick Anek Uren** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa pada masa ini terdapat tekanan kredit dan kadar faedah yang tinggi ke atas pinjaman oleh bank-bank tempatan dan jika ya, adakah ini tidak mengganggu usaha hendak memajukan perniagaan kecil terutamanya di kalangan anak negeri Sarawak dan apakah beliau bercadang hendak buat dengan keadaan ini.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Tidak ada sekatan ke atas pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank tempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam masa lima bulan pertama tahun 1985 jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank tempatan telah meningkat sebanyak \$1,622.5 juta. Bagi pinjaman yang dikeluarkan oleh bank-bank tempatan di Sarawak, perangkaan terakhir menunjukkan bahawa terdapat pertambahan sebanyak \$101.9 juta dalam masa lima bulan pertama tahun 1985, berbanding dengan pinjaman dalam tempoh yang sama dalam tahun 1984. Mengenai kadar faedah yang dikenakan oleh bank-bank, kadar

faedah purata wajaran (weighted average rate) bagi semua bank telah turun dari 13.14% pada akhir tahun 1984 kepada 12.99%. Di samping itu pula mulai daripada 24hb, Jun 1985, semua bank telah menurunkan Kadar pinjaman Asas (Base Lending Rate) mereka sebanyak 1% setahun.

Mengenai perusahaan-perusahaan kecil, kadar faedah tertinggi yang dikenakan sekarang ialah 10% setahun. Oleh itu, saya rasa ini tidak memberi kesan yang buruk ke atas perkembangan perusahaan-perusahaan kecil jika dibandingkan dengan kadar-kadar faedah yang lebih tinggi untuk pinjaman-pinjaman lain.

#### INSTITUSI OMBUDSMAN— MENUBUHKAN

**41. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan hendak mengadakan institusi "Ombudsman" di negara ini. Jika tidak mengapa. Adakah Kerajaan cenderung menubuhkan jawatankuasa untuk mengkaji sesuatu Rang Undang-undang utama, penting, kontroversial dan yang menyentuh kepentingan orang ramai sebelum dibawa ke Parlimen.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang menubuhkan institusi "Ombudsman". Berbagai saluran sudah pun diadakan bagi memudahkan orang ramai mengemukakan kesulitan mereka berhubung dengan perkhidmatan Kerajaan atau mengenai sesuatu tindakan pentadbiran yang dirasai tidak adil. Sebenarnya Kerajaan telah pun menubuhkan Biro Pengaduan Awam semata-mata untuk tujuan tersebut dan Kerajaan akan menumpukan perhatian bagi memperkuatkan lagi peranannya.

#### SETIAUSAHA JAWATANKUASA TERBITAN MODAL— PERLETAKAN JAWATAN

**42. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Kewangan beri sebab-sebab mengapa Setiausaha Jawatankuasa Terbitan Modal, C. Rajendram terpaksa meletak jawatan dalam tempoh 24 jam bulan lalu.

**Dato Sabbaruddin Chik:** Dakwaan Ahli dari Kota Melaka bahawa Encik C. Rajendram, Setiausaha Jawatankuasa Terbitan Modal (CIC) telah dipaksa meletak jawatan dalam tempoh 24 jam adalah tidak benar.

Apabila saya mengambilalih Kementerian Kewangan, saya telah mengarahkan supaya Jawatankuasa Terbitan Modal dipindahkan dari Bank Negara ke Perbendaharaan. Pada masa itu anggota-anggota Sekretariat CIC telah diberitahu bahawa mereka akan kembali bertugas sepenuh masa dengan Bank Negara apabila pengganti diperolehi. Pengganti kepada Encik Rajendram telah pun dikenalpasti. Oleh itu Encik Rajendram telah kembali bertugas sepenuh masa dengan Bank Negara, iaitu sebagai Penasihat.

*(Soalan No. 43. Sila lihat Jawapan No. 13 pada 15-7-85)*

#### PERGADUHAN PENDUDUK TEMPATAN—TENTERA

**44. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada satu penyiasatan telah dijalankan ke dalam insiden yang berlaku di Kuching pada 19-4-85 di mana beberapa orang anggota angkatan tentera terbabit dalam pergaduhan dengan penduduk-penduduk tempatan dan jika ya, sila beritahu hasil siasatan tersebut dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk membaiki perhubungan antara angkatan tentera dan penduduk-penduduk tempatan.

**Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha:** Selepas kejadian tersebut tindakan segera telah diambil oleh pihak polis awam. Hasil dari penyiasatan awal oleh polis awam beberapa orang pemuda tempatan yang disyaki terlibat dalam kejadian tersebut telah ditahan untuk soal siasat. Siasat lanjut masih lagi diteruskan oleh pihak polis awam. Walau bagaimanapun, pergaduhan yang berlaku ini adalah pergaduhan biasa dan tidak menjejaskan hubungan baik yang wujud di antara orang-orang awam tempatan dengan anggota-anggota pasukan tentera. Keadaan sekarang telah pun pulih seperti sedia kala.

#### **SISTEM UNDI "ONE MAN ONE VOTE"**

**45. Tuan Gooi Hock Seng** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak menubuhkan suatu Suruhanjaya bebas untuk mengkaji sistem undi di negara Malaysia supaya memastikan prinsip demokratik iaitu "one man one vote one value" dimaktubkan dalam sistem undi kita.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tidak. Dari mana datangnya prinsip demokratik "one man one vote one value" ini? Ahli Yang Berhormat itu dinasihatkan supaya jangan ada-adakan perkara yang tiada.

#### **SISTEM RADIO, TELEFON OTOMATIK (ATUR)**

**46. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sehingga setakat ini sudah berapa buah telefon yang menggunakan Sistem Radio Telefon Otomatik atau ATUR yang dipasang di kawasan luar bandar. Nyatakan secara berasingan berdasarkan negeri-negeri di Malaysia ini dan berapakah kosnya sekali.

**Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Leo Moggie anak Iroke):** Saya bercadang untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Pontian yang dijadualkan pada 25-7-85 yang kedua-duanya bersabit dengan ATUR (Automatik Telephone Using Radio).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sistem ATUR telah diujikan di dua kawasan luar bandar. Satu daripadanya ialah di kawasan Karam Bunai, Sabah pada 29-3-1985 dan satu lagi di kawasan Kg. Temenggong, Sarawak pada 17-5-85. Sistem ATUR ini tidak dapat digunakan seluas-luasnya kerana sistem tersebut baru sahaja dimulakan pada awal tahun ini dan pelaksanaan projek ini dibuat secara berperingkat-peringkat dan sehingga masa ini perkhidmatannya masih belum meliputi semua kawasan di negara kita. Mengikut jadual perancangan, adalah dijangka pelaksanaan sepenuhnya sistem ini di seluruh negara akan siap pada pertengahan bulan Oktober, 1985 akan datang ini.

Kerajaan bercadang untuk membeli sebanyak 500 set telefon berjenis ATUR tetapi alat ini tidak semestinya akan dipasang di kawasan-kawasan luar bandar sahaja. Sekiranya didapati adalah lebih ekonomik memberi perkhidmatan telefon awam melalui cara biasa iaitu melalui pemasangan kabel sistem ATUR tidak akan digunakan dalam keadaan seumpamanya itu.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, ciri-ciri kawasan yang akan dipertimbang untuk menggunakan perkhidmatan sistem ATUR bagi mengadakan pondok telefon awam di kawasan-kawasan luar bandar adalah:

- (a) Kawasan berkenaan sukar diberi perkhidmatan secara pemasangan talian kabel

"overhead" biasa oleh sebab-sebab teknikal.

- (b) Kos untuk mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan secara talian kabel biasa tinggi kerana jarak jauh dari ibusawat berdekatan.
- (c) Kos menyelenggarakan talian kabel biasa juga tinggi berbanding dengan kos menyelenggara sistem ATUR.

#### SKIM BANTUAN SARA HIDUP/INSURAN PERLINDUNGAN

**47. Tuan Baharom bin Haji Bakar** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan tentang kenapakah skim bantuan sara hidup dan insuran perlindungan yang dijanjikan oleh RISDA kepada pekebun-pekebun kecil masih belum dilaksanakan.

**Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam:** Untuk makluman Yang Berhormat, Bantuan Elaun sara hidup adalah salah satu komponen di bawah Skim Penggalak Tanaman Semula (SEPENTAS) yang telah pun dilaksanakan mulai 5hb Mac, 1981. Mengenai insuran Perlindungan yang Yang Berhormat bangkitkan, suka saya maklumkan bahawa sebenarnya rancangan ini telah pun dilancarkan pada 28hb Februari, 1984 di bawah Skim Pampasan Kemalangan Pekebun Kecil.

#### POLIS MERIN—PERLINDUNGAN KAPAL PANTAI

**48. Tuan Peter Chin Gan Oon** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Polis Merin nampaknya tak terdaya dalam melanjutkan perlindungan kepada kapal-kapal dalam melanjutkan perlindungan kepada kapal-kapal

pantai kita yang berdagang dan menangkap ikan di Selat Melaka:

- (a) bolehkah wang yang lebih diperuntukkan kepada pihak Polis Merin supaya mereka dapat menambah kedua-dua tenaga kerja dan bilangan bot-bot rondaan agar kapal-kapal pantai kita boleh diberikan perlindungan 24 jam dari lanun-lanun yang sangat berani kerana ketakcukupan perlindungan;
- (b) apa kesimpulan-kesimpulan telah pun didapati pada perjumpaan-perjumpaan Jawatan-kuasa Sempadan Bersama dan perjumpaan-perjumpaan antara pihak angkatan Polis Indonesia dan Malaysia untuk membuat Selat Melaka satu laluan laut yang lebih selamat bagi kedua-dua kapal pantai dan antarabangsa; dan
- (c) sama ada anggota berpakaian seragam yang bersenjata yang seringkali menyusahpayahkan nelayan-nelayan kita di Selat Melaka telah dikenalpastikan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Polis Merin pada masa ini adalah berkemampuan untuk mengawal dan melindungi kapal-kapal yang berdagang dan menangkap ikan di seluruh perairan kita termasuklah Selat Melaka:

- (a) Bilangan bot ronda Polis Merin yang terdapat pada masa ini adalah mencukupi mengikut keperluan sekarang. Walaupun ada sebilangan bot ronda itu terutamanya bot ronda pantai yang berkeadaan tidak memuaskan disebabkan umur perkhidmatan yang telah lama dan lewat pengantiannya, namun keadaan ini akan dapat diatasi dengan terlaksananya program penggantian, di dalam

Rancangan Malaysia Kelima kelak. Program penggantian bot ronda di bawah Rancangan Malaysia Kelima itu adalah seperti berikut:

<i>Jenis Bot ronda</i>	<i>Kuantiti</i>	<i>Peruntukan</i>
PX	7 buah	\$ 91.000.00
PA	35 buah	\$101.000.00
PC	20 buah	\$ 42.000.00
Jumlah	6 buah	\$234.000.00

Pada masa ini keanggotaan tenaga untuk mengendalikan bot ronda (boat crew) adalah mencukupi, tetapi keanggotaan tenaga pengurusan di pengkalan-pengkalan masih kurang. Semenjak 1976 bilangan bot ronda telah ditambah dengan pesatnya manakala pengurusan di pengkalan-pengkalan tidak berkembang seimbang dengan tugas yang dilaksanakan oleh bot ronda. Bagaimana usaha-usaha untuk memperbaiki keadaan ini akan diambil terutama apabila keadaan kewangan mengizinkan.

- (b) Hasil daripada perjumpaan-perjumpaan Jawatankuasa Sempadan Bersama dan perjumpaan-perjumpaan antara pihak Polis Diraja Malaysia dan Polis Republik Indonesia untuk membuat Selat Melaka satu laluan yang lebih selamat kepada kapal-kapal pantai dan antarabangsa, satu sistem penyampaian maklumat yang teratur telah pun diwujudkan dan diselenggarakan dengan berkesan melalui saluran-saluran tertentu seperti melalui Pegawai-pegawai Perhubungan Kepolisian masing-masing yang ditempatkan secara pertukaran mcwakili negara masing-masing. Di samping itu kedua-dua pihak telah bersetuju untuk

meningkatkan rondaan mengikut kemampuan di kawasan masing-masing.

- (c) Beberapa kejadian tangkapan ke atas bot-bot nelayan tempatan telah dilakukan oleh pihak berkuasa Indonesia di dalam usaha mereka untuk mempertingkatkan rondaan dan kawalan keselamatan. Kejadian-kejadian ini mungkin telah disalahanggap oleh nelayan-nelayan kita sebagai pencerobohan dan kekerasan oleh pihak berkuasa berkenaan. Dari siasatan didapati pada keseluruhannya kejadian-kejadian tersebut berlaku di dalam kawasan perairan Indonesia yang mana nelayan-nelayan tempatan kita telah memasuki dan menangkap ikan secara haram di perairan Indonesia. Justeru itu nelayan-nelayan kita haruslah menyedari bahawa negara-negara jiran juga mempunyai undang-undang tersendiri. Perlu ditegaskan bahawa di Selat Melaka tidak wujud kawasan perairan antarabangsa atau "buffet zone" tetapi hanya wujud ruangan laluan antarabangsa.

#### **KERTAS OBJEKTIF PELAJARAN STPM**

**49. Tuan Lim Kit Siang** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar Majlis Peperiksaan Malaysia akan memperkenalkan kertas-kertas objektif untuk berbagai matapelajaran STPM dalam tahun-tahun akan datang ini; jika ya, beri butir-butir lanjut dan asas mengapa akan berlakunya pertukaran dalam cara peperiksaan sekarang kepada cara objektif.

**Datuk Dr Ling Liong Sik:** Kementerian Pelajaran sedang mengkaji kemungkinan untuk

menambah beberapa mata pelajaran dalam senarai mata pelajaran yang menggunakan ujian berbentuk objektif. Setakat ini hanya terdapat empat mata pelajaran saja yang ujiannya berbentuk objektif iaitu Fizik, Kimia, Biologi dan Ekonomi. Kemungkinan menambahkan ujian berbentuk objektif pada matapelajaran-matapelajaran lain adalah bergantung atas adanya kepakaran-kepakaran yang diperuhkan. Ujian berbentuk objektif ini mempunyai kepercayaan (reliability) yang tinggi. Di samping itu ia juga lebih baik dari segi liputannya terhadap bidang pengajian yang diikuti oleh penuntut-penuntut disebabkan banyak dan berjenis-jenis soalan boleh dikemukakan. Selain dari itu kertas-kertas ujian ini boleh dimarkahkan dan diproses dengan lebih cepat dengan menggunakan komputer. Ujian berbentuk essei akan terus digunakan untuk mengukur kebolehan-kebolehan tertentu yang tidak dapat dinilai dan diliputi oleh ujian objektif.

#### PENYAKIT KUKU DAN MULUT

**50. Tuan Omar bin Abdullah** minta Menteri Pertanian menyatakan kenapakah sakit kuku dan mulut masih lagi berleluasa di kalangan ternakan-ternakan di negara ini. Sudahkah Jabatan Haiwan mendapat sebarang ubat untuk memastikan ternakan dapat "diimmunekan". Adakah penyakit ini sebenarnya diimport dari negara jiran dan jika benar adakah Kerajaan bercadang mengharamkan pengimportan ternakan dari negara tersebut.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Adalah tidak tepat penyakit kuku dan mulut itu berleluasa di kalangan ternakan di negara ini. Pada masa ini penyakit kuku dan mulut hanya terjadi di negeri Kelantan sahaja.

Jabatan Haiwan telah pun mendapatkan ubat-ubat veksin untuk memastikan ternakan dapat "diimmunekan". Ubat-ubat veksin ini diperolehi dari negara-negara Thai, Perancis dan England.

Mengikut penyiasatan, perkara ini berpunca dari pertambahan pergerakan lembu/kerbau di kawasan sempadan di musim perayaan Hari Raya Puasa oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang enggan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan. Pada masa ini, pengimportan dari Thailand telah dihentikan. Keadaan ini akan dikaji dari masa ke semasa mengikut kedudukan penyakit.

#### NELAYAN PANTAI TIMUR— BANTUAN KEWANGAN

**51. Tuan V. Govindaraj** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada pihak Kementerian mempunyai apa-apa rancangan untuk memberi bantuan kewangan kepada para nelayan-nelayan di pantai timur di masa musim tengkujuh.

**Tuan Anwar bin Haji Ibrahim:** Untuk makluman Yang Berhormat Kementerian sentiasa mengambil berat di atas kehidupan para nelayan di seluruh negara dan berusaha memperbaiki taraf hidup mereka melalui program-program yang dirancang. Dalam hal ini suka juga dimaklumkan bahawa sungguhpun nelayan-nelayan pantai timur mengalami musim tengkujuh namun demikian pelanggaran kegunaan pukut tambahan dan juga kawasan penangkapan ikan diberi untuk membolehkan mereka terus mencari nafkah di masa tersebut.

#### PENANAMAN KELAPA SAWIT

**52. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada memandangkan pertukaran besar

dari getah kepada kelapa sawit yang berlaku di ladang-ladang, dasar yang sama akan diperakukan kepada pekebun-pekebun kecil supaya dapat mereka menambahkan pendapatan mereka.

**Dato' Paul Leong Khee Seong:**

Seperti yang jelas termaktub di dalam Dasar Pertanian Negara, Kerajaan memberi tekanan ke arah kemajuan penanaman kelapa sawit yang lebih teratur dan cekap melalui sistem pengurusan bercorak estet. Sistem pengurusan bercorak estet telah terbukti berjaya mengurangkan kos pengeluaran, meningkatkan produktiviti di samping memberi pulangan modal yang menggalakkan. Penekanan sedemikian amatlah penting memandangkan minyak kelapa sawit negara sedang bersaing hebat dengan lain-lain minyak dan lemak di pasaran dunia. Di samping itu ia juga sedang menghadapi saingan dari lain-lain negara pengeluar minyak kelapa sawit yang sedang memajukan perusahaan ini. Demi menjamin keutuhan Malaysia sebagai pengeluar dan pengeksport utama minyak kelapa sawit dunia, usaha-usaha positif perlulah diambil; yang antara lain mengekalkan kadar kos pengeluaran di paras yang paling efisien.

Kerajaan sedar tentang pertukaran tanaman di ladang-ladang terutama dari tanaman getah kepada kelapa sawit. Pertukaran tanaman ini telah berlaku sejak tahun 1960an kecuali sejak kebelakangan ini kadar pertukaran ini semakin tinggi atas faktor utama pulangan relatif di antara pelaburan di sektor getah dan kelapa sawit. Memang tidak dinafikan bahawa kemajuan industri kelapa sawit telah dipelopori oleh sektor ladang, yang ketika ini memiliki 51% dari keluasan tanaman kelapa sawit negara (1,361,176 hektar). Sementara itu penglibatan pekebun-pekebun kecil secara teratur di dalam skim-

skim Kerajaan telah turut memberi sumbangan besar kepada kemajuan industri kelapa sawit. Penglibatan pekebun-pekebun kecil di dalam skim-skim FELDA, FELCRA, RISDA dan Kerajaan-kerajaan Negeri merangkumi kawasan tanaman sebanyak 42% dari luas kawasan tanaman kelapa sawit negara.

Luas kawasan tanaman kelapa sawit pekebun kecil persendirian juga turut berkembang khususnya di kawasan-kawasan berhampiran dengan ladang kelapa sawit, di mana mereka dapat menikmati kemudahan-kemudahan tertentu terutama dalam pengangkutan buah yang segera ke kilang-kilang. Pada umumnya terdapat banyak kesulitan yang dialami oleh pekebun-pekebun kecil seperti mutu penghasilan minyak kelapa sawit, manipulasi harga oleh orang-orang tengah; penetapan kadar perahan dan lain-lain masalah pengurusan ladang. Namun begitu, bukan bererti Kerajaan terus mengabaikan sektor pekebun kecil persendirian, beberapa program penyelidikan dan pembangunan (R & D) yang dilaksanakan oleh Kementerian Perusahaan Utama melalui PORIM adalah juga untuk manfaat pekebun-pekebun kecil. Saya juga ingin menyeru agar pekebun-pekebun kecil dapat bergabung tenaga material khususnya dalam pengurusan ladang bercorak estet, agar industri kelapa sawit terus memainkan peranan positif kepada kemakmuran sosial dan ekonomi negara.

**PEKERJAAN MENGIKUT KAUM**

**53. Dr Chen Man Hin** minta Menteri Buruh menyatakan angka-angka pekerjaan mengikut kaum dan sektor setakat 1985.

**Dato' Mak Hon Kam:** Angka-angka pekerjaan mengikut kaum dan sektor

adalah sebagaimana dibentangkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Angka-angka tersebut sehingga tahun 1985 akan dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kelima.

### **PASPORT ANTARABANGSA ENCIK KONG WENG KOK**

**54. Tuan Sim Kwang Yang** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan—

- (i) sama ada benar paspot antarabangsa Encik Kong Weng Kok, No. Kad Pengenalan 3496456 beralamat No. 18, Persiaran Bekok 9, First Garden, Ipoh, telah dirampas; jika ya, sebab-sebab dan tarikh dirampas;
- (ii) kesalahan untuk mana ia dihukum penjara di Amsterdam dan tempoh penjaranya;
- (iii) tempoh beliau ditahan di Kem Tahanan Muar dan Pulau Jerejak masing-masing dan sebab-sebab ia ditahan; dan
- (iv) tempoh beliau diletakkan di bawah "restricted residence" di Kuala Lipis dan sebab-sebabnya.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:**  
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar bahawa paspot antarabangsa Encik Kong Weng Kok No. K/P. 3496456 beralamat di No. 18, Persiaran Bekok 9, First Garden, Ipoh telah dirampas oleh pihak berkuasa.

Setakat ini Kementerian Dalam Negeri belum dapat mengetahui perihal Encik Kong Weng Kok disabitkan kesalahan dan dihukum penjara di Amsterdam.

Encik Kong Weng Kok telah ditangkap di bawah seksyen 3 (1) Ordinan Dharurat No. 5/69 pada 27-5-76. Beliau seterusnya dikenakan Perintah Tahanan di Pusat Pemulihan Akhlak Pulau Jerejak selama 13 bulan mulai 25-7-76 hingga 12-8-77. Walau bagaimanapun Encik Kong Weng Kok telah dipindahkan ke Pusat Pemulihan Akhlak Muar pada 14-8-77 hingga 24-7-78. Selepas mengalami pemulihan selama 2 tahun di dua pusat pemulihan tersebut, Encik Kong Weng Kok telah dikenakan Perintah Sekatan di Bandaran Kuala Lipis, Pahang selama 2 tahun mulai 24-7-78 hingga 24-7-80.

Perintah Tahanan dan Perintah Sekatan di bawah Ordinan Dharurat No. 5/69 yang dikenakan ke atas Encik Kong Weng Kok adalah di atas penglibatan beliau dalam kegiatan pengedaran dadah di Malaysia.

### **Y.B. TUAN SEOW HUN KHIM— ADUAN SERANGAN**

**55. Tuan Gooi Hock Seng** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada pihak polis Pulau Pinang, telah menyelesaikan penyiasatan atas aduan serangan yang dibuat oleh pekerja Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang Encik Abdul Rahim terhadap Y.B. Tuan Seow Hun Khim Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Bukit Mertajam;
- (b) jika ya, apakah tindakan yang Kerajaan bercadang untuk mengambil terhadap Y.B. Tuan Siew Hun Khim.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:**

- (a) Siasatan ke atas aduan yang dibuat oleh Encik Abdul Rahim bin Othman terhadap Y.B. Tuan Sepw Hun Kim, Ahli Parlimen Kawasan Bukit Mertajam yang dikatakan

telah memukul dan mengugutnya dengan senjata telah pun selesai.

- (b) Y.B. Tuan Seow Hun Khim telahpun dituduh di Mahkamah Sesyen Pulau Pinang pada 13hb Julai, 1985 dan telah tidak mengaku salah. Kesnya telah ditetapkan untuk perbicaraan pada 0 hb dan 11hb Disember, 1985.

### ENCIK KONG WENG KOK LAKI—MENGASINGKAN

**56. Tuan Haji Nik Abd. Aziz bin Haji Nik Mat** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah usaha mengasingkan pelajar-pelajar perempuan dengan pelajar-pelajar laki-laki akan dilaksanakan di pusat pengajian di Malaysia sesuai dengan cogan kata Penerapan Nilai-nilai Islam yang disuarakan oleh pihak Kerajaan sekarang ini.

**Datuk Dr Ling Liong Sik:** Setakat ini Kementerian Pelajaran belum ada cadangan untuk mengasingkan pelajar-pelajar perempuan daripada pelajar-pelajar lelaki di pusat-pusat pengajian di Malaysia.

### PERANG IRAN—IRAQ

**57. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sebagai sebuah negara anggota pendamai perang IRAQ—IRAN mengapa Kerajaan Malaysia tidak berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menghentikan perang kedua-dua negara umat Islam itu, sedangkan serangan demi serangan terhadap tempat-tempat awam berdasarkan laporan akhbar-akhbar Malaysia sentiasa dilakukan oleh IRAQ begitu juga IRAQ yang memulakan serangannya terhadap IRAN sehingga IRAN sentiasa

menampung kerugian. Adakah Malaysia bersetuju terhadap sikap ganas Kerajaan IRAQ itu terus-menerus dilakukan terhadap IRAN dan pernahkah Kerajaan Malaysia berusaha merayu kepada negara-negara yang memberi bantuan wang dan senjata kepada Kerajaan IRAQ itu supaya menghentikan bantuan mereka.

**Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj:** Adalah tidak benar dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan Malaysia tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk menghentikan perang antara Iran dan Iraq. Malaysia memandang berat di atas pertikaian antara kedua-dua negara Islam ini iaitu Iran dan Iraq yang kedua-duanya juga merupakan negara sahabat Malaysia.

Seterusnya, Malaysia sebagai sebuah negara yang bersahabat baik dengan Iran dan Iraq dan sebagai sebuah negara yang cintakan keamanan terus menyokong setiap usaha yang dibuat untuk mencapai kedamaian antara Iran dan Iraq seperti yang telah dilakukan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Pertubuhan Negara-negara Berkecuali dan Persidangan Negara Islam (OIC).

Sebagai anggota Jawatankuasa Damai Islam (IPC) yang ditubuhkan oleh OIC Malaysia telah memainkan peranan yang aktif di dalam kerja-kerja Jawatankuasa tersebut sebagai usahanya mencari kedamaian. Persetujuan kita menjadi Ahli IPC sudah jelas membuktikan pendirian kita untuk turut menyumbang bagi mencari penyelesaian perang yang boleh membawa kepada kedamaian.

Jawatankuasa Damai Islam telah tujuh kali bermesyuarat dan kita tidak ketinggalan menghadirinya untuk menyumbang buah fikiran kita. Beberapa rumusan dibuat dan

dikemukakan kepada kedua-dua pihak Iran dan Iraq. Tetapi malangnya perang berterusan disebabkan rumusan-rumusan tersebut tidak dapat dilaksanakan kerana kedua-dua Iran dan Iraq membentangkan syarat-syarat yang tidak dapat diterima oleh pihak yang satu lagi. Namun demikian, Malaysia, terutama sekali melalui IPC akan terus berusaha untuk mencari kedamaian di antara Iran dan Iraq. Dan kita akan terus menyeru kepada Iran dan Iraq agar menerima usaha-usaha damai dan berhenti dan berperang yang tidak menguntungkan ini, malahan ianya membazirkan dari segala-galanya.

## **USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:**

### **PEMBERSIHAN SETINGGAN DI KAMPUNG PISANG, FALIM, IPOH**

5.36 *ptg.*

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Yang di-Pertua, menurut Peraturan Mesyuarat 18 (2) dengan ini saya memberi pemberitahuan bahawa saya ingin meminta untuk menangguhkan Majlis Mesyuarat ini bagi tujuan merundingkan satu perkara yang tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, yakni perintah terakhir yang telah dikeluarkan oleh pihak pentadbir Tanah/Daerah Kinta kepada 19 buah rumah bagi peringkat yang pertama di Lot 36075, 34126 dan 465262, Mukim Hulu Kinta pada 8hb Julai tahun ini, kononnya untuk pembinaan projek jalan raya sebagai jalan masuk ke sekim perumahan.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak perlu cepat-cepat.

**Dr Tan Seng Giaw:** Menurut pihak pentadbir Tanah/Daerah, penduduk-penduduk yang menerima notis ini diarah membuka serta membawa keluar perkakas, harta-benda dan keluarga dari tempat itu pada 23hb Julai tahun ini, iaitu besok. Jika mereka didapati engkar mematuhi perintah itu, rumah-rumah tersebut akan dirobuhkan dan mereka juga akan dibawa ke mahkamah.

Usul saya berbunyi:

"Bahawa Dewan ini mengizinkan di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1), Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw untuk mencadangkan supaya ditangguhkan Majlis Mesyuarat ini bagi tujuan membincangkan tindakan pembersihan setinggan yang akan berlaku di Kampung Pisang, Palim, Ipoh pada 23hb Julai, iaitu besok, dan juga tindakan seterusnya yang akan diambil ke atas 2,040 orang daripada 404 buah keluarga yang menduduki 204 rumah, kerana perkara tersebut adalah satu perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan berasaskan kepada sebab musabab yang berikut:

- (1) Tindakan pembersihan 19 buah rumah setinggan pada 23hb Julai, 1985 akan mencetuskan satu ciri konfrantasi di antara 404 keluarga dengan pihak Kerajaan dan pihak pemaju Syarikat Khar Kheng menyebabkan consequence yang tidak diingini.
- (2) Pada 11hb Oktober tahun lalu Yang Berhormat dari Kota Melaka pernah membawa satu usul di bawah Peraturan tersebut mengenai peristiwa konfrantasi di antara pihak Polis dan FRU dengan penduduk-penduduk di dalam 64 buah rumah setinggan di Kampung Bercham yang terletak

beberapa kilometer sahaja dari Kampung Pisang di Falim, Ipoh. Peristiwa ini telah dicetuskan oleh tindakan pembersihan pihak Kerajaan sehingga bom-bom pemedih mata digunakan. Walaupun pihak yang terlibat masih berusaha untuk memperbetulkan keadaan yang tidak diingini itu, penyelesaian masih belum tercapai. Peristiwa seperti di Kampung Bercham tidak seharusnya dibiar berulang di Kampung Pisang.

- (3) Sentimen 2,040 orang penduduk di Kampung Pisang tersebut boleh difahami. Mereka merasa marah terhadap pihak Kerajaan dan pihak pemaju perumahan, Khar Kheng Sdn Berhad kerana mereka telah bermastautin di situ selama kira-kira 60 tahun iaitu hampir tiga generasi. Pada bulan Mei 1982, 3 tahun yang lepas mereka tiba-tiba menerima notis daripada pihak peguam Khar Kheng Sdn Berhad supaya membuka rumah-rumah serta membawa keluar perkakas, harta-benda dan keluarga mereka daripada tempat itu.

Mereka mempunyai syakwasangka mengapa 16 hektar tanah Kerajaan dengan nombor gran HSD 659/82; 1244/82 Mukim Hulu Kinta di atas lot-lot tersebut telah dipindah milik ke Khar Kheng Sendirian Berhad. Mengapa mereka tidak diberi prioriti?

Keempat, walaupun pertemuan demi pertemuan di antara pihak penduduk dengan Pihak Kerajaan serta pihak pemaju telah diadakan soal pampasan dan penempatan semula masih tidak diselesaikan sebelum projek perumahan di Kampung Pisang dilaksanakan. Pihak penduduk merasa hairan bagaimana projek tersebut dapat diluluskan oleh Pejabat Daerah

Hulu Kinta, Jabatan Perancang Negeri serta Jabatan Perumahan sebelum masalah 2,040 penduduk di atas tanah tersebut diselesaikan.

Kelima, terdapat 7 buah foundaries atau kilang pelaburan, 16 buah kilang kejuruteraan dan 42 buah kilang kecil yang memainkan peranan yang penting dalam sosio ekonomi. Mereka memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di kampung tersebut dan barang-barang yang dikeluarkan adalah barang-barang buatan Malaysia 100%. Sekiranya kilang-kilang tersebut dirobokkan tanpa alternatif banyak orang akan kehilangan kerja selain daripada terjejasnya perusahaan kecil. Pekilang-pekilang dan penduduk-penduduk kampung tersebut merasa keciwa mengapa alternatif yang munasabah tidak dapat diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan ketegangan yang wujud di antara pihak penduduk-penduduk dan pihak Kerajaan dan pemaju rumah, konfrantasi di antara mereka haruslah dielakkan dengan sedaya upaya dan Dewan ini memerintah Kerajaan untuk menarik balik atau menggantungkan dengan serta-merta perintah yang dikeluarkan kepada penduduk-penduduk di Kampung Pisang, Falim, Hulu Kinta dan seterusnya berusaha mencapai penyelesaian secara musyawarah supaya tidak berlakunya konfrantasi yang boleh menyebabkan consequence yang buruk. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Usul Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah pun diterima dan dipertimbangkan mengikut kehendak-kehendak Peraturan Mesyuarat 18. Usul beliau adalah seperti yang dibacakan oleh beliau tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, setelah meneliti perkara tersebut dan mendapati bahawa usul perkara berkenaan mengandungi ciri-ciri perkara yang tertentu dan membabitkan kepentingan orang ramai, tetapi tentang sama ada perkara yang telah pun tersebut mempunyai ciri-ciri sama ada wajar bagi perjalanan mesyuarat ditangguhkan supaya ianya dibincangkan, saya memberi keputusan seperti berikut.

Perkara yang menjadi isi Usul ini adakah perkara di bawah bidang kuasa yang Perlembagaan kita meletakkannya di bawah bidang kuasa pihak-pihak tertentu dan setelah mengkaji Bahagian VI Perkara 73, 76 dan 80 Perlembagaan Malaysia, saya mendapati bahawa adalah tidak wajar Dewan ini membincangkan perkara ini secara satu perkara tertentu yang khusus, lebih-lebih lagi menangguhkan perjalanan mesyuarat untuk membincangkannya.

Berasaskan huraian yang demikian, saya menolak Usul ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KUALITI ALAM SEKELILING (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi meminda Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat akan datang.

### **RANG UNDANG-UNDANG PER- KHIDMATAN-PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI (SYARIKAT PENGANTI)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi meletakkan harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti Kerajaan Malaysia berhubung dengan perkhidmatan telekomunikasi pada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berhubung dengan kakitangan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG TELEKOMUNIKASI (PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat kali ini.

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1985)**

**DAN**

**USUL**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN)(BIL. 3), 1984**

**DAN**

#### **ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1), 1985**

**Jawalankuasa**

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.  
(Timbalan Yang di-Pertua *mem-  
pengerusikan Jawatankuasa*)

3.40 *ptg.*

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik):** Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya wang sejumlah tidak lebih daripada \$162,985,510 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama, 1985 bagi Maksud-maksud Bekalan B. 1, B. 7, B. 20, B. 22, B. 33, B. 39, B. 46, B. 48, B. 50, B. 59 dan B. 62 untuk Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan yang berkenaan dijadikan Jadual dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$173,006,980 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan (Bil. 3) Tahun 1984 bagi Maksud-maksud Pembangunan P. 28, P. 30, P. 53, P. 57 dan P. 62 untuk Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 18/1985 dan wang sejumlah tidak lebih daripada \$226,974,830 yang diperuntukkan dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan (Bil. 1) Tahun 1985 bagi Maksud-maksud Pembangunan P. 7, P. 17 hingga P. 19, P. 23, P. 28, P. 35, P. 41, P. 42, P. 51, P. 52, P. 56 dan P. 59 hingga P. 63 untuk Kementerian-kementerian/Jabatan-jabatan yang berkenaan seperti yang ditunjukkan dalam penyata yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 20/85 dijadikan sebahagian daripada Anggaran Perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, saya telah menerangkan tentang keperluan bagi mengadakan peruntukan-peruntukan tambahan dalam Anggaran-anggaran Perbelanjaan mengurus 1985 dan juga Anggaran-anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 1984 dan 1985.

Di samping itu penjelasan lanjut mengenai cadangan-cadangan Anggaran Tambahan ini adalah juga diberi di dalam Memorandum

Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 17 Tahun 1985 bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama Tahun 1985 dan Kertas Perintah 19 Tahun 1985 dan 21 Tahun 1985 bagi Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Ketiga 1984 dan Tambahan Pertama 1985. Oleh itu saya tidak berhajat hendak memberi apa-apa penerangan tambahan lagi.

Tuan Pengerusi, saya mohon mencadangkan.

**Timbalan Menteri Penerangan (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

*Maksud B. 1 dan B. 7 (Jadual)—*

*Maksud P. 7 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1), 1985—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B. 1 dan B. 7 Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1985 dan Kepala Pembangunan P. 7 Tambahan Pertama 1985 di bawah Jabatan Perdana Menteri terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari UIu Muda.

3.53 *ptg.*

**Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda):** Tuan Pengerusi, saya akan bercakap di bawah Maksud B, 7 di bawah Butiran 5 Pentadbiran Agama Islam, Kod 2000—Perkhidmatan dan Bekalan yang menunjukkan jumlah tambahan sebanyak \$5,340,000.

Sebagaimana biasa di dalam perbincangan mengenai kecekapan Pentadbiran Agama Islam ini rata-rata rakyat masih lagi mengkritik Kerajaan tentang kelemahan-kelemahan mengenai Pentadbiran 'Agama Islam keseluruhannya. Saya hanya akan mengambil ringkasan-ringkasan tertentu di dalam soal untuk menyatakan perkara ini.

Pertama sekali, di dalam soal yang hangat diperbahaskan baru-baru ini ialah mengenai larangan Kerajaan terhadap wanita-wanita Islam daripada memakai purdah, Saya rasa ini adalah suatu langkah Kerajaan yang telah pun melakukan kesilapan. Saya menyatakan rasa tidak bersetuju dengan tindakan Kerajaan itu yang melarang sesuatu hukum yang telah pun diperintahkan oleh Tuhan kepada kita umat Islam keseluruhannya. Mengapa kita memberi sekatan kepada seorang manusia Islam yang sanggup untuk melaksanakan tugas sebagai orang Islam? Sekarang rata-rata tempat pemimpin-pemimpin Kerajaan menyatakan bahawa tidak ada paksaan di dalam agama, dengan izin, Tuan Pengerusi "La ikra hafiddini". Pemimpin-pemimpin kita membacakan, tidak ada paksaan. Dengan itu maka timbullah pula bahawa Kerajaan mengancam untuk menarik balik biasiswa kepada pelajar-pelajar Islam yang memakai purdah. Inilah saya katakan satu ancaman yang termasuk di bawah "La ikra hafiddini", kita memaksa manusia Islam untuk menjalankan tugas dan kewajibannya. Mengapa orang yang berkesanggupan untuk menjalankan tugasnya itu kita paksanya untuk melakukan perkara yang tidak sesuai, tidak sejajar dengan hukum Islam?

Saya berharap kepada Kerajaan dalam soal ini mestilah berhati-hati tidak terlalu mendadak menimbulkan sesuatu perkataan, sesuatu kenyataan yang boleh menjejaskan urusan pentadbiran Kerajaan sendiri. Inilah saya rasa tugas Majlis-majlis yang ditubuhkan oleh Kerajaan sama ada Majlis Fatwa Kerajaan ataupun Majlis Syura Kerajaan, tugasnya itu untuk memberi nasihat kepada Kerajaan tentang sesuatu hal yang tertentu seperti ini. Ini tidak, Majlis Syura Kerajaan diletakkan di bawah satu unit yang kecil di bawah Jabatan Perdana Menteri, di bawah seorang

Timbalan Menteri. Pada hal Majlis Syura itu sepatutnya diletakkan setaraf dengan Majlis Fatwa atas daripada Kabinet di bawah Yang di-Pertuan Agong, barulah betul sebabnya ini adalah badan penasihat kepada Kerajaan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat sila duduk sebentar. Saya masih mencari-cari di dalam Kertas yang banyak ini tidak berjumpa pun lagi program yang berkaitan dengan maksud wang yang diminta. Bolehkah Yang Berhormat bantu saya menunjukkannya.

**Tuan Othman bin Abdul:** Tuan Pengerusi, saya melihatnya di dalam Kertas Perintah 17 Tahun 1985 cuma menyebutkan satu subject sahaja di bawah Bekalan B. 7 iaitu Pentadbiran Institiut Penyelidikan Micro Electronik, itu sahaja sebab-sebab perkara-perkara yang ada dari 1, 2, 3, 4, 5, 6 sampai 10 itu sebabnya saya minta untuk bercakap di bawah perkara Pentadbiran Agama Islam, Butiran 5. Cuma disebutkan di dalam ringkasan Memorandum Perbendaharaan ini hanya satu item sahaja tidak pun menyentuh soal yang lain. Tetapi wang yang diminta adalah sebanyak \$5,340,000.

**Tuan Pengerusi:** Muka surat berapa Yang Berhormat.

**Tuan Othman bin Abdul:** Kertas Perintah 16 Tahun 1985 muka surat 2, Butiran 5.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat berucap mengenai Maksud B. 7 ya?

**Tuan Othman bin Abdul:** B. 7 Butiran 5.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Cuma saya hendak ringkaskan di sini bahawa di dalam mengeluarkan sesuatu

kenyataan berkaitan dengan Agama Islam ini kita mempunyai Majlis Fatwa. Mintalah fatwa-fatwa yang tertentu daripada Majlis Fatwa ini. Majlis Fatwa ini pun kadang-kadang terpaksa diberi teguran. Baru-baru ini satu fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan menjadi bahan gelak ketawa umat Islam iaitu bagi mengharamkan penjualan arak di Mess Tentera. Perkara ini tidak perlu Majlis Fatwa putuskan, arak itu memang haram dan memang tidak boleh dijual kepada orang Islam. Inilah saya katakan bahawa Majlis Fatwa itu perlu berhati-hati dalam usahanya untuk menyampaikan sesuatu pandangan kepada masyarakat sehingga hendak mengharamkan perkara yang telah pun haram, yang diharamkan oleh Allah s.w.t., mengharamkan penjualan arak yang sememangnya telah haram. Jadi, langkah-langkah seperti ini, langkah-langkah yang boleh menjejaskan urusan Pentadbiran Agama Islam yang boleh memalukan Pentadbiran Agama Islam di negara kita ini mestilah diambil tindakan tegas oleh Kerajaan bagi memperkukuhkan urusan Pentadbiran Agama Islam bagi semua peringkat daripada Negeri sehinggalah ke peringkat Persekutuan. Ini yang saya nampak. Urusan Pentadbiran Negerinya lain, urusan Kerajaan Persekutuannya lain di dalam urusan-urusan yang sama. Jadi Kerajaan telah pun menetapkan bahawa Agama Islam itu adalah sebagai Agama Rasmi di negara kita ini. Bila kita telah menetapkan, maka mestilah, wajiblah Kerajaan sendiri mengambil tindakan-tindakan yang konkrit, yang kuat, yang kukuh bagi memperelok, memperbaiki sistem perundangan Islam itu sejajar dengan apa yang dikehendaki.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, dalam urusan Kerajaan hendak menerapkan nilai-nilai Islam ini, saya nampak tidak

ada kegigihan yang begitu mendalam bagi Kerajaan untuk menjalankan penerapan nilai-nilai Islam ini, sehingga menjadi bahan cacian dan bahan ketawa oleh sebahagian besar daripada ahli-ahli masyarakat kita. Soalnya telah pun dikaji oleh pihak Kerajaan bahawa untuk menjalankan pekerjaan ini bukanlah mudah. Tetapi pada pandangan saya, kita mulakan dengan peringkat yang paling rendah di dalam Kerajaan, yang Kerajaan boleh lakukan, semuanya boleh mengambil keputusan, mengambil daya-usaha untuk menjalankannya, bahawa sistem pelajaran yang dijalankan oleh Kerajaan itu boleh menambahkan usaha Kerajaan ini untuk memperbaiki, untuk menambah minat ataupun menambah pengetahuan di dalam Agama Islam ini.

Pada satu ketika dahulu, saya masih ingat apabila seorang penuntut sekolah rendah masuk ke darjah satu sebelah pagi, sebelah petang dia belajar pula mengaji Al-Quran, Tajwid, Sejarah Islam, mengenai Tauhid, mengenai nilai-nilai Islam yang diajar kepada murid-murid darjah satu bermula pada ketika itu, darjah satu telah pun dikhaskan, diarahkan masuk pula mengaji pada sebelah petang untuk diajar. Jadi saya hendak mencadangkan balik perkara ini supaya pihak yang berkenaan kerana tugas pelajaran Quran, Tajwid ini masih lagi di bawah pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam bagi peringkat Negeri, dan saya sudah yakinlah bahawa ini juga masih lagi di bawah urusan Jabatan Perdana Menteri, dalam Hal Ehwal Agama Islam. Kita tentukan, kita khaskan balik, kita adakan balik kelas ini, kita beri pelajaran kepada anak-anak kita daripada darjah satu sehinggalah ke darjah enam. Saya yakin bahawa tiap-tiap seorang daripada murid-murid ini akan mendapat didikan yang sempurna di dalam Al-Quran, di

dalam ilmu Tauhid, dalam nilai-nilai Islam yang lain, yang dipelajari oleh mereka sehinggalah mereka masuk ke sekolah menengah. Ini dalam masa 30 minit satu hari sudah pastilah tidak akan berjaya bagi seorang murid itu untuk mendapat hasil yang memuaskan. Sekarang ini pun kelas Al-Ouran dan Tajwid itu tidaklah diwajibkan ke atas semua murid-murid Islam di sekolah-sekolah rendah, siapa yang suka belajar hadirilah dia ke masjid, ke surau, tidak ada tempat yang tertentu, kanak-kanak yang belajar itu meniarap di dalam masjid untuk mendapatkan sedikit pengetahuan.

Saya hendak mencadangkan supaya kita gunakanlah sekolah-sekolah yang tidak mempunyai kelas di sebelah petang untuk murid-murid ini mempelajari ilmu di dalam Islam ini. Di samping itu juga Kerajaan perlulah menggaji guru-guru Ouran, Tajwid yang begitu ramai, yang boleh memberi pelajaran kepada anak-anak kita, anak-anak Islam ini untuk dipertimbangkan suatu skim perkhidmatan yang lebih baik. Tidaklah dibayar elaun \$120 atau \$130 seperti sekarang ini, supaya mereka ini mempunyai minat yang banyak untuk memberi pelajaran kepada anak-anak kita.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan untuk menyokong perbelanjaan di bawah Maksud B. 7.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.05 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Kertas Perintah 16 Tahun 1985 mengenai Anggaran Perbelanjaan mengurus Tambahan Pertama 1985 dan saya ingin menyentuh muka surat 2.....

**Tuan Pengerusi:** Program?

**Tuan Lee Lam Thye:** Maksud B. 7, Butiran 1 Pentadbiran dan 1.5 mengenai Biro Pengaduan Awam.

Bercakap saya atas program Biro Pengaduan Awam ini, saya ingin menyatakan di sini bahawa rakyat suka melihat Biro Pengaduan Awam dapat memainkan satu peranan yang benar-benar berkesan dalam menyelesaikan dan mengatasi sikap ketidakcekapan dan salah amalan pentadbiran dalam berbagai Jabatan Kerajaan serta agensi-agensi Kerajaan. Adalah menjadi tanggungjawab Biro ini untuk memastikan bahawa aspirasi Kerajaan untuk mewujudkan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah boleh dicapai. Dalam menjalankan tugasnya, Biro Pengaduan Awam hendaklah mudah didampingi oleh rakyat dan dalam hubungan ini, saya suka mencadangkan supaya lebih banyak pejabat hendaklah ditubuhkan termasuk pejabat bergerak dengan tujuan untuk menjadikan perkhidmatannya mudah sampai kepada orang ramai. Di samping perkhidmatan mudah didampingi oleh rakyat, Biro Pengaduan Awam hendaklah dilengkapi dengan kuasa-kuasa yang menjadikannya lebih berkesan dalam menyelesaikan aduan mengenai kesulitan orang ramai tentang masalah-masalah mengenai ketidakcekapan ataupun salah amalan pentadbiran.

Saya ingin menyentuh aspek keberkesanan Biro Pengaduan Awam ini dan saya berpendapat bahawa keberkesanan Biro ini adalah sangat penting kerana ia mestilah memainkan peranan sebagai Badan Penyelesai masalah dan bukan badan penyalur masalah. Biro hanya akan bermakna dan memenuhi sesuatu maksud jika kewujudannya tidak sahaja untuk menerima dan menyalurkan aduan.

tetapi apa yang lebih penting ialah menyelesaikan aduan rakyat dalam hal-hal yang berkaitan dengan ketidakcekapan dan salah amalan pentadbiran. Orang ramai tidak mahu melihat Biro hanya sebagai satu peti surat, tetapi satu badan yang mana rakyat yang tidak berpuashati boleh mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang dialami oleh mereka. Jika Biro Pengaduan Awam ini tidak berupaya memainkan peranan yang berkesan dalam membantu orang ramai untuk menyelesaikan kesusahan dan rasa tidak puas hati mereka berhubung soal pentadbiran, maka adalah baik jika Parlimen ini dapat memilih seorang Ombudsman, mengadakan institusi Ombudsman bagi menggantikan Biro Pengaduan Awam ini.

Oleh itu, saya suka juga mencadangkan di sini bahawa masanya telah tiba bagi Kerajaan supaya memikirkan secara serius untuk mewujudkan Ombudsman Parlimen yang peranannya ialah sebagai pelindung orang ramai terhadap ketidakadilan penindasan dan terhadap salahguna kuasa di pihak berkuasa. Ombudsman tidak sahaja merupakan seorang pelindung golongan kecil, tetapi merupakan satu saluran untuk mengawal dan melindungi setiap orang dalam masyarakat dan dia dibekalkan dengan kuasa yang penuh bagi menyelesaikan berbagai aduan terhadap pihak berkuasa Kerajaan dan Ombudsman itu bukan semestinya Ahli Dewan Rakyat, tetapi hendaklah seorang yang pakar dalam undang-undang.

Tuan Pengerusi, sebenarnya jika Ombudsman boleh dipilih oleh Dewan Rakyat kita untuk bertugas memenuhi kehendak rakyat biasa dan melayani segala masalah mereka berhubung dengan pentadbiran, maka Ahli-ahli Parlimen yang ada di Dewan ini boleh

menumpukan masa mereka untuk mengkaji Rang Undang-undang, memainkan peranan sebagai Legislator, dengan izin, dan juga memainkan peranan untuk mengawasi kewangan negara daripada melibatkan diri mereka dalam kerja-kerja masyarakat yang kebanyakan kami berbuat demikian buat masa ini.

Maka saya suka mengambil kesempatan ini dalam perbahasan saya atas Biro Pengaduan Awam ini untuk menyampaikan syor ini bagi pihak Kerajaan untuk memberi pertimbangan sewajarnya. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Masalah bahawa wang sejumlah \$120,828,400 untuk Kepala B.1 dan B.7 Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Pertama 1985 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$850,200 untuk Maksud B.1 dan \$119,978,200 untuk Maksud B.7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan di bawah Kepala P. 7 Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Pertama Tahun 1985. ....

**Tuan Lec Lam Thye:** Saya ingin bertanya. Tuan Pengerusi, oleh sebab tadi dua wakil, termasuk saya, ada menyampaikan ucapan dan mengapa pihak Menteri yang berkenaan tidak memberi jawapan yang biasanya ada dilakukan?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor);** Tuan Pengerusi. ....

**Tuan Pengerusi:** Saya mohon maaf. Minta duduk sebentar, Yang Berhormat. Saya mohon maaf dan

saya ingin memaklumkan kepada Dewan bahawa persetujuan tadi hcrkenaan dengan Kepala B. 1 dan B.7 dimansuhkan.

Schelum itu, saya bertanya kepada bangku Kerajaan adakah mana-mana Menteri hendak menjawab?

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor):** Tuan Pengerusi, saya ada beberapa perkara yang hendak dijelaskan mengenai dengan perkara yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

*4.15 ptg.*

**Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Pengerusi, saudara Yang Berhormat dari Ulu Muda ada menimbulkan beberapa perkara yang berkaitan dengan urusan-urusan keislaman di Jahatan Perdana Menteri. Di antara perkara-perkara itu ialah mengenai dengan pemakaian purdah. Terdapat sedikit kekeliruan dalam penjelasan itu kerana Kerajaan sebenarnya tidak pernah mengisytiharkan bahawa memakai purdah itu adalah haram. Apa yang pernah berlaku bagaimana yang telah dijelaskan oleh Kerajaan ialah tentang pakaian menutup muka dalam masa menjalankan tugas di waktu pejabat dan sudah tentu dua perkara itu berbeza, iaitu menyebutkan bahawa haram memakai purdah secara mutlak satu perkara yang lain dan tidak dibenarkan menutup muka dalam masa bekerja di waktu-waktu yang tertentu adalah merupakan perkara yang lain pula.

Yang telah dijelaskan oleh Kerajaan ialah tentang pakaian yang menutup muka di masa bekerja, sudah tentu ini dilihat daripada kaca mata pentadbiran yang difikir tidak bercanggah dengan Islam sendiri

kerana Islam telah menctapkan bahawa aurat adalah jelas dan kalau sekiranya seseorang itu mendedahkan muka dan tapak tangannya tidaklah dianggap oleh majority utama dalam Islam sebagai haram. Dan apabila Kerajaan telah mengeluarkan Pekeliling mengatakan kakitangan Kerajaan yang terdiri daripada kaum wanita tidak dibenarkan menutup muka dalam masa bertugas. sebenarnya tidaklah bercanggah dengan pendapat majority para ulama dalam Islam sendiri dan Kerajaan yakin ini adalah tidak bercanggah dengan Islam. Kecuali kalau Kerajaan menyatakan bahawa menutup muka itu haram, maka saya fikir pada masa itu mungkin apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu sebagai perkara yang perlu dikaji, tetapi Kerajaan tidak pernah berbuat demikian.

Mengenai dengan masalah paksaan, Kerajaan Malaysia tidak pernah sejak daripada kita mencapai kemerdekaan menjalankan sistem paksaan, khususnya dalam urusan-urusan yang berkaitan dengan keislaman kerana Kerajaan Malaysia sangat menyedari sempadan-sempadan yang boleh dibuat oleh Kerajaan dan kita tahu bahawa sekiranya kita melakukan perkara yang bertentangan dengan Islam, kita sendiri seolah-olah tidak melaksanakan apa yang telah dicatatkan dalam Perlembagaan bahawa Islam sebagai agama rasmi negara kita.

Perkataan, dengan izin Tuan Pengerusi, firman Allah s.w.t., "la ikra hafiddini" itu sebenarnya tidak dimaksudkan paksaan dalam urusan-urusan pentadbiran. Allah tidak menghendaki paksaan dilakukan dalam Islam dengan maksud kalau hendak kita memaksa orang itu masuk agama Islam, tetapi dalam menjalankan urusan-urusan pentadbiran negara yang berkaitan

dengan keislaman, Islam telah menetapkan bahawa setiap orang yang diberikan tugas memimpin atau mentadbir sesebuah institusi atau Kerajaan, mereka mempunyai landasan-landasan yang tertentu yang boleh digunakan bagi memastikan muslihat umum dan kerana itulah Kerajaan tidak pernah memaksa orang. Dan apabila Kerajaan mengeluarkan Pekeliling tidak membenarkan perempuan menutup muka dalam masa menjalankan perkhidmatan dengan Kerajaan, itu tidaklah boleh diletakkan di bawah pengertian: "la ikra hafiddini", dengan izin, Tuan Pengerusi.

Perkara yang telah ditimbulkan juga oleh Yang Berhormat selain daripada dua perkara tersebut ialah mengenai dengan masalah fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Fatwa yang mungkin sekali pandang seolah-olah Majlis Fatwa itu tidak mempunyai peranan kerana membuat keputusan yang sudah pun diketahui oleh umum. Perlu dijelaskan di sini iaitu Majlis Fatwa adalah merupakan Majlis yang bertanggungjawab dalam urusan-urusan memberikan fatwa dengan memilih perkara-perkara yang telah dikemukakan mengikut saluran biasa, iaitu masalah-masalah yang belum jelas. Kalau sekiranya perkara itu sudah jelas tidak pernah Majlis Fatwa membincangkannya kerana mereka adalah merupakan pakar dalam bidang fatwa dan mereka tahu bahawa kalau sekiranya mereka membuat fatwa dalam perkara yang jelas maka sebenarnya amalan itu tidak dianggap sebagai sesuai kerana fatwa hanyalah mengenai dengan perkara-perkara yang belum jelas. Sekiranya kita merasa syak atau ragu bahawa terdapat perkara-perkara yang telah jelas dan dibincang pula oleh Majlis Fatwa, mungkin kerana kita mempunyai salah tanggapan. . . . .

**Tuan Othman bin Abdul:** (*Bangun*).

**Tuan Pengerusi:** Ya, Yang Berhormat?

**Tuan Othman bin Abdul:** Minta penjelasan.

**Tuan Pengerusi:** Adakah Yang Berhormat hendak beri jalan?

**Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Silakan.

**Tuan Othman bin Abdul:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, soal saya tadi dalam soal mengharamkan penjualan arak di Mess Tentera. Adakah soal ini belum jelas?

**Dato Dr Mohamed Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Tuan Pengerusi, itulah yang hendak saya jelaskan. Majlis Fatwa akan membincangkan perkara-perkara yang difikirkan keliru dan contoh yang disebutkan oleh saudara Yang Berhormat itu sebenarnya berdasarkan kepada satu laporan akhbar dan saya fikir laporan akhbar tidak boleh dijadikan sebagai asas kerana Majlis Fatwa belum mengeluarkan sebarang hasil perbincangan mengenai masalah itu dan akhbar menyebut bahawa ada seorang pegawai mengatakan demikian. Sebenarnya bukan daripada pihak Majlis Fatwa. Jadi, seharusnya kalau itu menjadi tujuannya tidaklah boteh dianggap sebagai praktis yang dilakukan oleh Majlis Fatwa sendiri.

Mengenai dengan masalah pendidikan Islam, urusan pendidikan Islam sebagaimana yang diketahui oleh kita semua ialah satu urusan yang dijalankan oleh negeri-negeri dan negeri-negeri sedang merancangkan berbagai-bagai usaha untuk memperbaiki sistem ini. Dan bagi makluman Yang Berhormat, pada masa ini satu Lembaga yang dikenal dengan kependekan perkataan LEPAI telah ditubuhkan. Lembaga ini adalah satu lembaga yang diletakkan di bawah Majlis Raja-Raja Melayu

dan Lembaga ini akan membuat beberapa perakuan (recommendations) mengenai dengan pendidikan Islam di semua peringkat, lebih-lebih lagi pendidikan Islam yang dikendalikan oleh pihak swasta. Ada pun yang dikendalikan oleh Kementerian Pelajaran maka sudah tentu Kementerian Pelajaran pada masa ini sedang mengatur langkah-langkah yang lebih positif ke arah mencapai matlamat yang berkenaan.

Itulah penjelasan yang hendak dijelaskan.

**Tuan Pengerusi:** Yang Biro Pengaduan Awam tadi. Adakah Yang Berhormat pilih untuk tidak menjawab?

**Dato Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor:** Mengenai dengan perkara itu saya pilih tidak perlu dijawab.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan semula masalah untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$850,200 untuk Maksud B.1 dan \$119,978,200 untuk Maksud B.7 jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$850,200 untuk Maksud B. 1 dan \$119,978,200 untuk Maksud B.7 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$4,958,600 yang disebutkan dalam Maksud P.7 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$4,958,600 untuk Maksud P.7 diluluskan jadi

sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1985.

*Maksud P. 17 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1), 1985—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Pembangunan P. 17 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan sekarang terbuka untuk dibahas.

4.25 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap aspek mengenai Pelan Induk Saluran Najis, tetapi nampak saya tidak ada Menteri ataupun Timbalannya untuk memberi jawapan.

**Tuan Pengerusi:** Sila duduk, Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat tak perlu khuatir kerana bila Yang Berhormat kemukakan masalah dan sama ada Kerajaan hendak menjawab ataupun Kerajaan hendak memilih siapa yang hendak menjawab walaupun tidak memegang portfolio Yang Berhormat hajati supaya menjawabnya adalah dipulangkan kepada keputusan Kerajaan. Sila teruskan, Yang Berhormat.

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Pengerusi, oleh sebab apa yang saya ingin menyentuh adalah berkenaan aspek yang tertentu dan saya harap bahawa pihak Kerajaan dapat memberi satu jawapan mengenai apa yang saya ingin menyentuh di sini. Berhubung dengan Maksud P.17, Kementerian Wilayah Persekutuan, **Bandaraya Kuala Lumpur, Butiran 17—Program Pelan Induk Saluran Najis.**

**Tuan Pengerusi,** berhubung dengan Pelan Induk ini yang telah disiapkan pada tahun 1975 bagi memenuhi keperluan rakyat dalam Kuala

Lumpur dan Wilayah Persekutuan. saya suka mengemukakan dua masalah untuk pengetahuan Kementerian yang berkenaan.

Yang pertamanya, walaupun peringkat pertama (phase one) Pelan Induk Saluran Najis telah disiapkan, akan tetapi banyak kawasan dalam Wilayah Persekutuan yang disediakan dengan kemudahan kesihatan dan pembersihan yang sempurna masih belum menikmati kemudahan kesihatan ini dan ini telah menimbulkan masalah tentang bahaya dari segi kesihatan dan alam sekitar.

Objektif utama Pelan Induk Saluran Najis ialah untuk memperbaiki mutu kesihatan bandar dengan memansuhkan sistem kutipan najis dan sistem pembuangan yang tidak diinginkan adalah patut dipuji. Walau bagaimanapun, saya berharap bahawa pelaksanaan Pelan Induk ini tidak akan terjejas dengan hanya disebabkan tidak mempunyai peruntukan wang.

Sebagaimana yang saya katakan awal tadi, walaupun Fasa I (Phase I) Pelan Induk Saluran Najis ini telah disiapkan untuk memberi perkhidmatan bagi kawasan di Jalan Imbi iaitu yang terletak di dalam kawasan saya di Kuala Lumpur Bandar, Jalan Bukit Bintang, Jalan Ipoh dan Jalan Sentul, begitu juga lain-lain kawasan, tetapi quarters Kerajaan (Government quarters) di Jalan Imbi dan juga di kawasan Jalan Peel, begitu juga quarters keretapi di Sentul tidak dapat menerima kemudahan pembersihan kesihatan ini kerana kekurangan wang untuk membuat sambungan kepada pembentung besar.

Masalah yang kedua yang saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan iaitu bahawa saya suka menyatakan di sini bahawa di bawah Pelan Struktur Kuala

Lumpur, penggunaan tong-tong najis hendaklah dihentikan pada tahun 1990 tetapi saya meragui sama ada objektif ini boleh dicapai. Pada hari ini di Kuala Lumpur masih ada lebihkurang 6,000 buah tandas angkat dan ini ialah satu anggaran yang rasmi. tidak termasuk angka yang tidak rasmi yang saya anggarkan ada lebihkurang 15,000 hingga 16,000 tandas angkat ataupun tong najis yang masih wujud di Kuala Lumpur pada hari ini.

Tandas angkat ini masih digunakan di quarters Kerajaan Jalan Imbi dan Jalan Peel sepertimana yang saya telah katakan tadi dan saya sebagai Wakil Rakyat bagi kawasan itu telah banyak menerima aduan daripada penduduk-penduduk di kawasan itu. dan saya berharap bahawa Kementerian yang berkenaan dapat mengambil perhatian tentang masalah ini yang saya telah sebutkan dan boleh mengambil sesuatu langkah untuk memperbaiki keadaan ini supaya penduduk-penduduk ataupun orang-orang yang tinggal di quarters Kerajaan di kawasan Jalan Imbi dan kawasan Jalan Peel boleh dapat menikmati kemudahan ini ataupun selaras dengan kehidupan moden.

Tuan Pengerusi, Pelan Induk Saluran Najis mencadangkan satu program saluran najis untuk pembangunan pembentungan dan kemudahan pembuangan najis untuk tempoh selama 30 tahun sehingga tahun 2005 dan saya harap bahawa di bawah Rancangan Malaysia Kelima Kerajaan akan mampu menyediakan peruntukan wang yang cukup untuk pelaksanaan fasa 2 ataupun phase 2 Pelan Induk dengan tujuan untuk memenuhi keperluan banyak kawasan dalam Wilayah Persekutuan ini.

Dalam pada itu saya suka menggesa Kerajaan supaya mengambil perhatian berat terhadap keadaan di quarters Kerajaan yang saya sebutkan tadi dan

saya harap bahawa sesuatu tindakan boleh diambil untuk mengatasinya dengan seberapa segera. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

4.35 ptg.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau):** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli dari Kuala Lumpur Bandar yang telah pun menyentuh hanya dua perkara sahaja.

Terutama sekali saluran najis dan juga menyentuh tentang penggunaan tong-tong najis dihentikan pada tahun 1990.

Sukalah saya memaklumkan di sini bahawa Kementerian saya melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memang sentiasa mengkaji sistem saluran najis supaya ia dapat berkesan dan tidak pula membawa masalah yang besar terhadap penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan.

Yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar tadi kawasan-kawasan Jalan Imbi, Jalan Peel dan juga quarters Kerajaan, quarters Keretapi Tanah Melayu dekat Sentul. Kita sedar, Kementerian dan juga Dewan Bandaraya sedar tempat-tempat ini memang sentiasa diawasi, dijaga dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk memperbaiki lagi keadaan yang ada sekarang ini.

Tuan Pengerusi, dalam rancangan jangka panjang, Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga Dewan Bandaraya, kita mempunyai rancangan untuk mengadakan satu sistem yang lengkap yang dapat kita perbaiki sistem yang ada sekarang, dengan itu memanglah hasrat Kementerian saya supaya dapat dari

masa ke semasa meneliti, melihat, mengawasi sistem saluran najis di Wilayah Persekutuan ini supaya dapat diperbaiki dari masa ke semasa. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$2,605,400 yang disebutkan dalam Maksud P.17 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1985 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,605,400 untuk Maksud P.17 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1985.

*Maksud P. 18 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1), 1985—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala P.18 di bawah Kementerian Perusahaan Utama terbuka untuk dibahas.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$9,400,000 yang disebutkan dalam Maksud P.18 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1985 di bawah Kementerian Perusahaan Utama hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$9,400,000 untuk Maksud P.18 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1985.

*Maksud P. 19 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1), 1985—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala P.19 di bawah Kementerian Pertanian terbuka untuk dibahas.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$3,600,000 yang disebutkan dalam Maksud P.19 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1985 di bawah Kementerian Pertanian hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,600,000 untuk Maksud P.19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1985.

*Maksud B. 20 (Jadual)—*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat Kepala Jadual B.20 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.38ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh mengenai Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan saya ingin menarik perhatian Tuan Pengerusi kepada Kertas Perintah 16 muka surat 4 mengenai Program No. 3—Penggalakan Perindustrian 3.2—Kemajuan Perusahaan Kecil.

Tuan Pengerusi, industri kecil ialah satu tajuk yang saya sentiasa menunjuk minat dan yang sebenarnya saya telah beberapa kali menyentuh perkara industri kecil di dalam Dewan ini. Apa yang saya ingin mengesyorkan pada hari ini ialah supaya industri kecil hendaklah diberikan keutamaan dalam pembangunan industri di bawah Rancangan Malaysia Yang Kelima memandangkan industri itu boleh memainkan peranan penting dalam sektor ekonomi di negara kita. Industri kecil ini bukan sahaja dapat memberi banyak peluang pekerjaan kepada

rakyat tetapi ianya merupakan juga satu sokongan kepada pembangunan industri dan juga pembangunan ekonomi negara kita.

Kerajaan bukan sahaja mesti menggalakkan pertumbuhan industri kecil dengan hanya merangka strategi positif untuk pertumbuhannya tetapi Kerajaan hendaklah memberi lebih banyak galakan ataupun insentif kepada pengusaha-pengusaha industri itu. Dan di sini saya meringkaskan untuk perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa buat masa ini golongan pengusaha-pengusaha industri kecil di negara kita masih juga mengalami dua masalah yang besar, yang pertama ialah mengenai kekurangan tapak yang sesuai untuk industri kecil oleh kerana apabila mereka hendak menyampaikan permohonan kepada pihak berkuasa negeri untuk mendapat tapak-tapak yang sesuai mereka sentiasa mengalami banyak kesulitan untuk mendapat kelulusan permohonan mereka untuk mendapatkan tapak ini.

Yang kedua ialah masalah mengenai kesulitan pengusaha industri kecil untuk mendapatkan lesen perniagaan dan khasnya masalah ini wujud di Wilayah Persekutuan di mana ada ramai pengusaha-pengusaha kecil yang telah berdailog dengan saya dan menyatakan kesulitan mereka dalam aspek untuk mendapatkan lesen untuk menjalankan industri mereka. Maka saya berharap bahawa apabila Kementerian yang berkenaan dalam perumusan satu strategi untuk pembangunan industri kecil ini, Kementerian yang berkenaan akan dapat mengambil kira kedua-dua masalah yang saya nyatakan di sini supaya satu jalan ataupun cara dapat diambil untuk mengatasi masalah ini.

Syor yang akhir yang saya ingin menyampaikan di sini untuk perhatian Timbalan Menteri berkenaan bahawa

anggapan saya ialah masanya telah tiba bagi pihak Kerajaan untuk menubuhkan satu perbadanan industri kecil sepertimana yang kita sedia ada satu Perbadanan Industri Berat (HICOM). Saya berharap satu perbadanan seumpama itu dapat ditubuhkan supaya ini dapat menyelaraskan segala aktiviti agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan dalam penubuhan industri kecil. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

*4.43 ptg.*

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus):** Tuan Pengerusi, saya mohon izin hendak bercakap tentang Kepala B. 20, Butiran 2.5 Pendaftaran Perniagaan.

Cuma satu perkara sahaja yang saya hendak bangkitkan di sini iaitu hendak menarik perhatian pihak Kementerian terhadap rungutan yang sentiasa disebutkan oleh orang-orang di Terengganu tentang perlunya dtadakan satu cawangan Pejabat Pendaftaran Perniagaan di Terengganu itu sendiri bagi kemudahan dan kepentingan peniaga-peniaga dan bakal-bakal peniaga di negeri Terengganu.

**Tuan Pengerusi:** Di bawah mana itu? Nombor?

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** B. 20, 2.5 Pendaftaran Perniagaan, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Terima kasih. Perkara yang saya hendak bangkitkan di sini ialah saya hendak minta supaya pihak Kementerian dengan segeranya merancang supaya memastikan

satu Pejabat Cawangan Pendaftaran Perniagaan diadakan di negeri Terengganu.

Pada masa ini rakyat negeri Terengganu terpaksa pergi ke Kota Bharu dan ini memakan masa dan juga memakan belanja, kadangkala dua-tiga kali ulang, belum lagi dapat menyelesaikan masalah mereka.

Saya juga mendapati dan diberitahu bahawa kakitangan Pejabat Cawangan Pendaftaran Perniagaan di Kota Bharu pun sebenarnya sangat kekurangan dan saya mintalah supaya diberikan perhatian supaya Pejabat di Kota Bharu supaya dapat dipertingkatkan dan ditambah kakitangannya supaya dapat lebih berkesan lagi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

*4.47 ptg.*

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dan Ulu Nerus yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan berhubung dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Pertamanya, Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah pun menyentuh satu aspek yang sememangnya diberikan tekanan dan perhatian yang lebih oleh pihak Kerajaan, khususnya Kementerian saya sendiri di dalam tahun-tahun ke hadapan ini iaitu aspek pembangunan industri kecil.

Kita memang menyedari bahawa industri kecil telah pun memainkan peranan yang begitu penting dalam soal pembangunan negara sama ada dari segi penggunaan modal yang terlibat ataupun dari segi penggunaan tenaga dan peluang pekerjaan yang

diwujudkan oleh industri kecil. Malahan lebih daripada 65% daripada peluang-peluang pekerjaan di dalam negara kita semenjak daripada dahulu sehingga sekarang adalah diwujudkan dan dilahirkan daripada sektor perusahaan kecil sendiri. Memandangkan hakikat inilah tindakan dan perhatian sentiasa dibuat oleh pihak Kerajaan dan agensi-agensinya untuk memastikan bahawa sektor perusahaan kecil akan dapat diberi galakan yang lebih dan diberikan sokongan dan usaha-usaha dijalankan bagi mengatasi masalah yang begitu banyak dihadapi oleh sektor perusahaan kecil. Malahan kita telah pun membuat kajian terperinci khususnya satu kajian menyeluruh yang dibuat oleh pihak Bank Dunia berhubung dengan sektor perusahaan kecil dan telah memperakukan beberapa langkah yang patut diambil oleh pihak Kerajaan dan agensi-agensinya untuk memperbaiki sektor ini.

Sektor perusahaan kecil memang menghadapi banyak masalah. Ahli Yang Berhormat itu cuma menyentuh dua sahaja masalah pokok dan lebih khusus disebutkan tadi di dalam hal penyediaan tapak bagi industri kecil dan juga masalah pelesenan. Tetapi sebagaimana yang kita ketahui banyak masalah-masalah lain yang masih lagi dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kecil, khasnya dari segi soal mendapatkan teknologi yang sesuai bagi perusahaan ini. Soal permodalan yang masih belum mencukupi, kepakaran yang masih rendah dan soal pemasaran hasil-hasil pengeluaran pengusaha kecil yang masih menghadapi masalah dan persaingan yang hebat daripada sektor perusahaan-perusahaan besar. Oleh sebab itu kita telah pun mewujudkan di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian atau Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Penyelaras di peringkat kebangsaan

yang saya sendiri mempengerusikan di mana segala agensi-agensi yang terlibat perlu dan dapat menyelaraskan tindakan mereka untuk mengurangkan segala masalah berhubung dengan peraturan dan aturan untuk galakan yang diberi supaya sektor perusahaan kecil ini dapat dibangunkan dengan cara-cara lebih pesat lagi.

Oleh sebab itu, Tuan Pengerusi, saya suka memaklumkan khasnya dari segi tapak yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, memang setakat ini belum ada lagi langkah-langkah yang konkrit yang diambil oleh agensi-agensi Kerajaan walaupun telah dikeluarkan arahan supaya pihak Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri menyediakan tapak-tapak, tetapi langkah-langkah ini belum lagi dapat dihasilkan dengan berkesan, khasnya di peringkat Kementerian kita telah pun usahakan supaya perundingan dengan pihak Kerajaan Negeri dan juga Kementerian Wilayah Persekutuan bagi menambahkan kawasan tapak-tapak yang boleh digunakan untuk perusahaan kecil. Saya sukacita menyatakan bahawa beberapa buah Kerajaan Negeri telah pun bersetuju untuk menyediakan tapak-tapak sebagaimana yang dipohonkan oleh Kementerian saya dan akan dimajukan dengan kerjasama daripada pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA), pihak Bank Pembangunan Malaysia Berhad dan beberapa bentuk bantuan dan segi "grant" yang akan digunakan daripada pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sendiri.

Hasil daripada kerjasama ini kita telah pun dapat mewujudkan beberapa tapak dan kilang seperti di Pengkalan Chepa, Kelantan yang telah pun digunakan oleh pengusaha-pengusaha di sana dalam sektor perusahaan makanan, logam dan sebagainya.

Dan selain daripada itu, tindakan sedang diambil oleh pihak Bank

Pembangunan dengan bantuan Kementerian, satu tapak di Jerantut. Pahang di mana perusahaan kecil juga akan diusahakan di sana dan Kuantan sekarang ini sedang pun dilaksanakan dengan kerjasama Majlis Perbandaran, Kuantan.

Di Ipoh, Perak, dua tapak telah pun dikenalpasti. Satunya di kawasan Menglembu yang sekarang ini telah pun dibahagikan kepada pihak MARA. Dan satu lagi kawasan di Tasik yang telah pun disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri. Khasnya di Wilayah Persekutuan sebagai mana Yang Berhormat sedia maklum, kita telah pun ditawarkan satu kawasan lebih daripada 50 ekar dan kawasan ini sedang pun diusahakan ataupun sedang dirancang untuk dibangunkan melalui konsep penswastan dan kita harap lebih 200 buah kilang akan dapat dibangunkan dalam masa setahun ataupun setahun setengah yang akan datang.

Tujuan kita menyediakan tapak ini khasnya di Wilayah kerana kita dapati sebahagian besar sektor perusahaan kecil terdapat di sekitar Wilayah Persekutuan khasnya di kawasan Yang Berhormat Kuala Lumpur Bandar. Dan rancangan kita ialah selain daripada menempatkan pengusahapengusaha yang sedia ada, kita juga akan menempatkan pengusahapengusaha baru yang dapat dilahirkan di bawah skim bimbingan yang dijalankan oleh pihak Bank Pembangunan Malaysia Berhad. Kita juga sedang mengenalpasti kawasan-kawasan lain.

Di Johor, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) telah pun menawarkan tapak di bandar Penawar dan sekarang ini sedang pun dikenalpasti sama ada ianya viable ataupun tidak oleh pihak Kementerian. Dan Kerajaan-kerajaan Negeri sedang pun kita rundingkan termasuk di Kedah, satu tapak sedang

pun kita kenalpasti dan Kerajaan negeri lain pun sudah memberikan satu pandangan yang positif. reaksi yang positif di atas saranan dan permintaan daripada pihak Kementerian bagi menyediakan kawasan tapak ini.

Tetapi walaupun begitu, kita menyedari bahawa tapak-tapak yang disediakan oleh pihak Kementerian ataupun agensi yang saya sebutkan tadi mungkin tidak mencukupi untuk menghadapi keperluan bcsitu banyak oleh pihak sektor perusahaan kecil sama ada yang baru hendak ditempatkan ataupun yang lama hendak ditempatkan semula. Dan oleh sebab itu kita telah pun bercadang untuk menubuhkan satu badan bertindak bagi membangunkan kawasan perusahaan kecil di peringkat kebangsaan dan kita bcrharap cadangan ini akan diterima dan sekiranya dapat kerjasama daripada pihak Kerajaan Negeri khususnya kerana bidangkuasa tanah terlctak di bawah bidangkuasa Negeri, maka insya Allah saranan Ahli Yang Berhormat supaya disediakan lebih banyak tapak perusahaan kecil ini akan dapat dijalankan dengan lebih jaya.

Masalah kedua yang disebutkan ialah soal perlesenan dan khusus ditumpukan di Wilayah Persekutuan. Saya fikir ada peculiarity sedikit di Wilayah Persekutuan kerana kebanyakan mungkin kilang-kilang kalau pun tidak disebut haram, kilang-kilang makruh yang telah pun dibina begitu lama di dalam bangunan-bangunan yang tidak digezetkan ataupun ditempatkan khas bagi perusahaan kecil. Dan saya fikir Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pun sedia maklum bahawa mengikut peraturan daripada pihak Majlis ataupun pihak Dewan Bandaraya, ini adalah bersalahan.

Walaupun begitu, saya fikir tindakan-tindakan tertentu telah pun

dilaksanakan oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan khususnya dan Dewan Bandaraya dan dari segi pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian khasnya soal perlesenan tidak menjadi masalah. Sebahagian besar daripada peniaga-peniaga kecil ini dibenarkan berniaga dengan ada kelonggaran-kelonggaran tertentu walaupun kadang-kadang ada sekatan-sekatan yang terpaksa dihadapi oleh pengusaha-pengusaha kecil.

Saya fikir dalam soal hendak menggalakkan perkembangan sektor perniagaan dan perusahaan kecil soal perlesenan tidak seharusnya menjadi halangan yang besar. Sebab kalau soal perlesenan itu menjadi halangan yang besar, usaha yang selanjutnya tidak mungkin berjaya. Jadi, oleh sebab itu saya percaya kita sentiasa bersikap realistik dalam menghadapi masalah ini dan cuba sedaya-upaya supaya masalah yang sekecil itu dapat diselesaikan dengan sebaik-baiknya tanpa menyentuh soal-soal prinsip dan undang-undang yang telahpun diwujudkan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang saya sebutkan tadi, memang kita akan terus memberikan perhatian kepada sektor perusahaan kecil. Dan baru-baru ini kita telahpun melancarkan satu skim istimewa dengan kerjasama pihak Bank Dunia sebanyak \$230 juta telah pun diperuntukkan bagi sektor perusahaan kecil yang meliputi empat bidang yang terpenting iaitu sektor makanan, sektor perabot dan bahan-bahan berasaskan kayu, sektor yang berasaskan bahan-bahan logam dan sektor yang berasaskan bahan binaan. Bermakna bahawa ruang bagi mengembang dan membesarkan lagi perusahaan kecil adalah begitu luas sekali. Dan di samping itu agensi-agensi Kerajaan menerusi Bank Pembangunan dan MARA juga menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan dari segi keperluan modal dan sebagainya.

Kita juga telah pun mewujudkan skim pemasaran bersepadu untuk memastikan supaya proses pengeluaran yang telah pun dihasilkan oleh sektor perusahaan kecil dapat dibantu. Dan dalam hal ini kita telah pun menawarkan kemudahan-kemudahan pemasaran menerusi PERNAS Edar Sdn. Bhd. dan Besta Sdn. Bhd. Kedua-duanya adalah anak syarikat yang ditaja oleh agensi Kerajaan sebagai satu usaha permulaan untuk memberikan ruang pemasaran bagi hasil-hasil pengusaha-pengusaha kita.

Dalam aspek teknologi umpamanya, kita juga telah pun mengambil langkah-langkah yang lanjut supaya sektor perusahaan kecil tidak menggunakan teknologi yang kuno, teknologi yang terkebelakang, tetapi mestilah menggunakan teknologi pengetahuan teknik dan saintifik yang sesuai dengan perkembangan semasa. Dengan sebab itu kita telah pun menubuhkan pusat rujukan teknologi di mana pengetahuan-pengetahuan mutaakhir ataupun yang terakhir berkenaan dengan teknologi yang sesuai bagi pengusaha-pengusaha kecil dapat diperolehi melalui pusat ini. Kita telah pun menggerakkannya secara mobile daripada satu negeri ke negeri yang lain. Dan saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada pihak Kerajaan Negeri Perak yang telah pun menubuhkan pusat ini dan kita percaya jika langkah yang sama dibuat oleh pihak Kerajaan negeri-negeri yang lain, insya Allah maka pengetahuan teknologi dari segi meningkatkan mutu dan keluaran pengusaha-pengusaha kecil dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Kedua, cadangan Ahli Yang Berhormat tadi memang amat tepat dan saya ingin memaklumkan bukan ini cadangan yang pertama bahkan kita sendiri telah pun memikirkan mungkin sudah sampai masanya suatu bentuk

perbadanan perusahaan-perusahaan kecil ditubuhkan. Pada prinsipnya Kerajaan telah bersetuju tentang penubuhan perbadanan ini yang telah pun disuarakan lebih daripada dua tahun yang lepas. Tetapi kerana masanya agaknya belum begitu sesuai, lebih-lebih lagi dalam keadaan yang ada sekarang ini maka rancangan ini ditawakufkan buat sementara waktu. Tetapi ini tidak bermakna bahawa rancangan-rancangan untuk membentuk satu badan seperti itu tidak akan dirancangan ataupun dijalankan. Bahkan hasil daripada tinjauan yang telah pun kita buat dengan pihak negara-negara lain di rantau ASEAN dan juga negara-negara lain seperti di Korea, Jepun, India dan lain-lain, kesemuanya telah pun mempunyai satu agensi yang diberikan satu kuasa oleh Akta Parlimen dengan kuasa-kuasa tertentu untuk mentadbirkan dan menyalurkan dan menyelaraskan pembangunan sektor perusahaan kecil. Kita mendoakan, Yang Berhormat pun harus mendoakan mudah-mudahan supaya perbadanan ini dapat diwujudkan seberapa segera.

Berhubung dengan perkara yang kedua Tuan Pengerusi, iaitu pandangan Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus, memang saya ucapkan banyak terima kasih kerana soal yang dibangkitkan adalah soal yang ada berhubung rapat dengan kepentingan rakyat di Terengganu. Perkara ini memang sentiasa dibangkitkan khasnya dalam perjumpaan dengan Dewan Perniagaan Terengganu beberapa bulan yang lepas. Saya menyedari hakikat bahawa sekarang ini kita tidak ada satu pejabat yang mengelolakan soal pendaftaran perniagaan ataupun pendaftaran syarikat di Terengganu dan orang Terengganu terpaksa berkereta pergi ke Kota Bharu untuk mendaftar ataupun mengemukakan permohonan untuk menubuhkan syarikat di Kota

Bharu. Dan oleh sebab itu mungkin ini menimbulkan masalah dan menimbulkan banyak sedikit perbelanjaan.

Pada prinsipnya kita bersetuju bahawa seharusnya setiap negeri mempunyai pejabat-pejabatnya tetapi berdasarkan rekod yang ada di Kementerian dan di Pejabat Pendaftar Perniagaan bahawa jumlah pendaftaran yang kita terima daripada negeri-negeri termasuk Terengganu tidak sebesar yang kita jangkakan. Dan kalau dipandang dari segi ekonominya mungkin belum sampai masa untuk didaftar ataupun ditubuhkan sebuah pejabat khas kerana hendak mengelolakan pendaftaran di Terengganu. Ini berdasarkan daripada rekod beberapa tahun yang lepas. Walaupun memang ada pendaftaran dijalankan tetapi jumlahnya agak kecil. Jadi, walaupun begitu mungkin masalah wujud oleh setengah-setengah pihak yang ingin mendaftarkan syarikat di Kuala Terengganu.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Minta penjelasan sedikit sahaja, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Silakan.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman:** Ini fasal hendak memberi khidmat kepada rakyat bukan hendak kira economic justification sangat sebab perkhidmatan itu penting kepada rakyat. Kalau hendak kira untung daripada segi ringgitnya memanglah tidak ada untung sedangkan khidmat Kerajaan yang lain pun banyak tidak menguntungkan.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Terima kasih, Yang Berhormat. Memang saya bersetuju bahawa kita tidak mengambil perkiraan ekonomik dari segi untung rugi semata-mata tetapi yang saya sebutkan dari segi soal priority iaitu

kalau didapati bahawa jumlah pendaftaran hclum lagi begitu banyak muka mungkin kita terpaksa mengkemudiankan. Jadi, ini tidak bermakna bahawa kita mengenyepikan kepentingan rakyat Terengganu. tidak sama sekali. Tetapi walaupun begitu, sebagai mana yang disebutkan. pertama kita akan mengambil perhatian pandangan Yang Berhormat supaya kita perlu memperteguhkan lagi pejabat kita di Kota Bharu dan kemudiannya kalau kita fikirkan wajar beberapa segera kalau keadaan tidak semeleset yang kita hadapi sekarang ini, insya-Allah, cadangan Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$32,561,21)0 untuk Maksud B.20 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$32,561,200 untuk Maksud B. 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

*Maksud B. 22 (Jadual)—*

*Maksud P. 23 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1985)-*

**Tuan Pengerusi:** Kepala B. 22 dan Kepala P. 23 di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.03 ptg.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berkenaan dengan B. 22 iaitu Muzium Negara. Di sini saya ingin merakamkan tahniah

dan terima kasih atas inisiatif yang dibuat atau dilakukan oleh pegawai-pegawai yang diamanahkan bagi mengendalikan Muzium Ncgara. Banyak kegiatan-kegiatan yang telah dilakukan oleh pihak kakitangan Muzium Negara. Saya suka menyentuh di antaranya ialah di mana pihak Muzium Negara telah membuat penyelidikan dan mengesan serta mengenalpasti tentang kesan sejarah di seluruh tanahair kita. Umpamanya, bagi mengenalpasti kubur pahlawan negara atau kebangsaan ataupun pembesar-pembesar di daerah-daerah di seluruh tanahair kita. Hasil daripada penyelidikan ini, kita nampak terdapat beberapa kubur atau tempat-tempat sejarah di negara ini sudah dikenalpasti.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, duit sebanyak ini ialah untuk cat semula Bangunan Muzium dan kerja-kerja pemuliharaan bahan-bahan jumpaan dari kapal tenggelam di Mersing, Johor, bukan kubur-kubur. Jika hendak bercakap hal mengecat dan berkenaan dengan barang-barang jumpaan di kapal tenggelam itu bolehlah. Kalau bercakap yang lain itu, terkeluar daripada tajuk. Cuba lihat Kertas Perintah 17/85, muka 5 Maksud B. 22, Perkara 4.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Saya hendak menyentuh fasal pengawalan kubur.

**Tuan Pengerusi:** Fasal pengawalan terhadap kubur yang saya maksud tadi. Itu tidak termasuk dalam jadual—tidak termasuk dalam permintaan tambahan.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:** Jadi, tidak boleh sentuhlah?

**Tuan Pengerusi:** Lazimnya mengikut Peraturan Mesyuarat yang

Yang Berhormat sekalian buat itu tidak boleh. Peraturan Mesyuarat itu Yang Berhormat sekalian buat bukan saya buat itu.

**Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah:**  
Terima kasih. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$132,900 untuk Maksud B. 22 di bawah Kementerian Kebudayaan. Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan. dan disetujui.

Wang sebanyak \$132.900 untuk , Maksud B. 22 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$58,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 23 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$58,000 untuk Maksud P. 23 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1985.

*Maksud P. 28 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1984)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala P. 28 di bawah Kementerian Pelajaran terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Perbelanjaan sebanyak \$22,355,830 yang disebutkan dalam Maksud P. 28 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1984 di bawah Kementerian Pelajaran hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$22.355,830 untuk Maksud P. 28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3). 1984.

*Maksud P. 30 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1984)—*

*Maksud P. 28 (Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil 1), 1985)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Pembangunan P. 30 untuk tahun 1984 dan Kepala P. 28 untuk tahun 1985 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas.

5.08 ptg.

**Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman (Ulu Nerus)** Tuan Pengerusi, Kepala P. 28. Butiran 18 peruntukan tambahan 85. Syarikat Takaful Malaysia Sendirian Berhad.

Tuan Pengerusi. perkara yang saya hendak bangkitkan di sini ialah berkenaan dengan pertamanya pelancaran Syarikat Takaful ini sendiri yang nampaknya pada masa ini tertangguh. Pada mulanya dijangkakan syarikat ini dapat beroperasi, jika pada pertengahan tahun ini pada bulan Jun, tetapi sekarang ini syarikat ini dijangkakan akan Beroperasi pada bulan Ogos ataupun September. Jadi, saya berharaplah sangat supaya syarikat ini dapat dilancarkan dengan segera supaya tidak ada masalah-masalah dan kalau ada masalah berhubung dengan pelaksanaan pelancaran syarikat ini akan dapat segera diatasi, Saya mengatakan begitu, Tuan Pengerusi, oleh kerana saya menganggap bahawa penubuhan Syarikat Takaful ini adalah satu program yang ditunggu-tunggu oleh orang Islam sendiri dan saya percaya banyak faedah yang akan diperolehi.

Saya juga percaya bahawa sambutan yang akan diberikan oleh umat Islam di negara ini kepada Syarikat Takaful akan besar dan saya menjangkakan mungkin berlaku satu penukaran skim perlindungan yang diambil oleh orang Islam di negara ini yang pada masa ini dibuat dalam syarikat-syarikat insurans yang lain kepada Syarikat Takaful. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, saya dapati peruntukan pendahuluan yang diminta sebanyak \$1 juta untuk modal, untuk memodali syarikat ini adalah satu peruntukan yang kecil. Saya tidak tahu pula, tidak maklum, banyak mana modal yang akan dikeluarkan, yang akan diberikan oleh Kerajaan untuk membiayai modal Syarikat Takaful ini. Tetapi pada pandangan saya peruntukan \$1 juta ini kecil sangat tidak mencukupi. Saya bimbang kalau syarikat ini dilancarkan di atas asas modal yang kecil, syarikat ini nanti tidak dapat bersaing, tidak dapat competitive dengan syarikat-syarikat insurans yang lain. Dan yang keduanya, saya bimbang juga dengan modal yang kecil ini masalah awalan akan timbul yang akan mendesak syarikat ini dan mungkin Syarikat Takaful ini akan mendatangkan masalah.

Yang ketiganya, Tuan Pengerusi, kalau modal yang kecil ini saya bimbang juga, takut-takut nanti Syarikat Takaful akan berlaku sangat selective di dalam memilih pelanggan-pelanggannya dan di dalam merangka, membentuk skim-skim insurans untuk umat Islam. Misalnya, Tuan Pengerusi, saya beranggapan bahawa Syarikat Takaful ini boleh memainkan peranan yang sangat penting di dalam mengadakan, merangka skim-skim sosio-ekonomi bagi umat Islam, misalnya kepada nelayan dan sebagainya.

Saya mendapati Lembaga MAJUIKAN hendak mengadakan satu skim perlindungan insurans

untuk nelayan iaitu golongan berpendapatan rendah yang pada masa ini sama sekali tidak mengambil apa-apa skim perlindungan oleh kerana kurangnya ataupun tidak ada kemudahan yang disediakan. Saya mengharapkan Syarikat Takaful ini boleh memainkan peranan macam ini tetapi saya mendapat tahu juga bahawa skim yang macam ini yang dianjurkan oleh MAJUIKAN kepada Takaful tidak dapat ditimbang untuk dilaksanakan oleh Takaful ini memandangkan skim ini pada pandangan mereka berbentuk "high risk".

Jadi, saya berharap juga bila syarikat ini berjalan nanti janganlah bertumpu kepada skim-skim insurans yang "low risk" sahaja untuk mencari keuntungan. Sepatutnya dipandang dari sudut kepentingan umat Islam, hatta sekalipun untuk skim-skim insurans yang berbentuk sosio-ekonomi yang macam ini. Saya berharap sangat bahawa nantinya bila dilancarkan Syarikat Takaful ini akan berjaya dan memberikan faedah yang besar kepada umat Islam, malahan dapat berasing dengan syarikat-syarikat insurans yang lain untuk memastikan ia dapat berkembang pada masa yang akan datang.

Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.13 ptg.

**Dato' Sabbaruddin Chik:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus yang telah memberi sokongan terhadap Syarikat Takaful ini.

Yang Berhormat telah mengatakan bahawa barangkali pinjaman \$1 juta ini agak terlalu sedikit. Sebenarnya ini adalah sebahagian daripada yang diperlukan bagi pelancaran yang akan

dibuat pada 1hb Ogos, 1985. Modal yang dibenarkan bagi syarikat ini ialah \$100 juta yang dipegang oleh, antara lain, Bank Islam \$5 juta; Majlis Agama Sabah \$1 juta dan beberapa badan-badan lain di antaranya Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Perak, Yayasan Melaka, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Johor, tiap-tiap satu mempunyai antara \$75,000 kepada \$500,000; menjadikan semua \$10 juta. Jadi, kita harap pada permulaannya \$10 juta ini mencukupi.

Menyentuh sedikit tentang perkara yang disebut berkaitan dengan perjalanan Syarikat Takaful ini nanti supaya tidak hanya mementingkan "low risk" ataupun risiko-risiko yang rendah, sebenarnya Syarikat Takaful adalah sama juga dengan syarikat-syarikat insurans yang lain, cuma Syarikat Takaful menjalankan perniagaan insurans berdasarkan lunas-lunas Islam. Jadi, kita sama-samalah berharap bahawa mereka tidak kerugian. Kalau sekiranya rugi mungkin syarikat itu terpaksa ditutup ataupun terpaksa meminta bantuan-bantuan daripada Kerajaan. Maka oleh itu kita berharap segala perjalanan perniagaannya nanti bergantung kepada budi bicara pihak pengurusan dan juga pihak Lembaga Pengarahnya. Walau bagaimanapun, kita percaya bahawa semestinyalah syarikat ini nanti akan mementingkan juga pelanggan-pelanggan mereka, kalau tidak Syarikat Takaful tidak akan dapat pelanggan.

Yang Berhormat juga telah mengingatkan supaya mereka yang terlibat dengan perikanan ataupun nelayan dan sebagainya diberi juga perlindungan oleh Takaful. Sebenarnya dari masalah nelayan adalah satu perkara lain dan berkemungkinan satu skim insurans yang khusus diadakan bagi melindungi nelayan-nelayan ini, sama ada di bawah Takaful ataupun di bawah

syarikat-syarikat insurans lain kita belum ketahui, malah bukan sahaja setakat nelayan-nelayan tetapi juga kita akan mengadakan, barangkali sedang membuat kajian tentang crop insurance, dengan izin, Tuan Pengerusi. Ertinya dalam segi insurans semua pihak akan diberi perhatian.

Yang lain-lain rasa saya tidak ada yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Maka dengan itu sekali lagi terima kasih di atas sokongan yang telah diberi terhadap Kementerian Kewangan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$150,651,120 yang disebutkan dalam Maksud P. 30 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1984; dan \$5,236,200 yang disebutkan dalam Maksud P. 28 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1985 di bawah Kementerian Kewangan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$150,651,120 untuk Maksud P. 30 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1984; dan \$5,236,200 untuk Maksud P. 28 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tam.) (Bil. 1), 1985.

*Maksud B. 33 (Jadual)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B. 33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,213,100 untuk Maksud B. 33 di bawah Kementerian Perusahaan Awam jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,213,100 untuk Maksud B. 33 dicrintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

*Maksud B. 39 (Jadual)—*

*Maksud P. 35, P. 41 dan P. 42 (Anggaran Pembangtnan (Tamb.) (Bil. 1), 1985)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B. 39 dan Kepala Pembangunan P. 35 di bawah Kementerian Dalam Negeri terbuka untuk dibahas.

*5.19 ptg.*

**Tuan Chan Kok Kit (Sungai Besi):** Saya menyentuh Kepala B. 39 Butiran (1) Jabatan Pendaftaran Negara, Program (1) Pentadbiran Am, Kod 1000—Emolumen.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara berhubung dengan pejabat Pendaftaran Negara yang mana sejumlah \$1,031,000 adalah diperuntukkan sebagai Tambahan Perbelanjaan Pengurusan Pertama bagi tahun 1985.

Pada masa sekarang ramai rakyat kita mendapati kesulitan untuk membetulkan nama-nama mereka yang tersalah ejaan di dalam Surat-surat Beranak mereka. Kebanyakan kesilapan dalam ejaan lama berlaku di hospital-hospital atau Balai Poiis yang mendaftarkan kelahiran seseorang. Seseorang yang namanya disalah-ejakan tidak akan tahu bahawa namanya yang terdapat dalam Surat Beranaknya adalah berlainan dengan nama yang diberikan oleh ibu bapanya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, duit ini ialah untuk dibayar Emolumen kepada 80 orang kakitangan sambilan. Jadi, adakah bersangkutan dengan perkara-perkara nama salah atau nama yang tidak betul itu?

**Tuan Chan Kot Kit:** Tuan Pengerusi, ini Jabatan Pendaftaran.

**Tuan Pengerusi:** Ya, tetapi peruntukan ini ialah untuk pembayaran emolumen bukan bersangkutan paut dengan pendaftaran ataupun bersangkutan paut dengan tulis-tulis nama, tidak bersangkutan itu. Ada butir-butir yang lain?

**Tuan Chan Kok Kit:** Ya, ada. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh tentang masalah yang dihadapi oleh orang-orang yang bukan Melayu yang telah memeluk agama Islam tetapi kini ingin kembali kepada agama asal mereka. Apabila mereka kembali kepada agama asal mereka, maka mereka memohon untuk menukar nama Islam mereka yang tercatat dalam kad pengenalan mereka kepada nama asal mereka ataupun nama lain. Ini tidak dibenarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara. Berbagai masalah, malah tekanan dihadapi oleh orang-orang yang terlibat. Saya difahamkan bahawa. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, itupun tidak bersangkutan, itu adalah perkara tadi juga.

**Tuan Chan Kok Kit:** Tak payahlah.

**Tuan Pengerusi:** Tak payahlah, (*Ketawa*). Saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat baca Kertas Perintah 17, ia ada sebutkan di situ apa kegunaan wang yang dikehendaki tambahan itu, untuk dipergunakan diperbelanjakan. Jika bercakap perkara-perkara lain daripada itu, maka keluarlah asas perbahasan kita.

Ahli Yang Berhormat, tadi saya sebutkan Kepala P. 35, saya tidak sebutkan Kepala P. 41 dan P. 42 juga terbuka untuk dibahaskan. Minta maaf. Sila.

*5.22 ptg.*

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim (Batang Padang):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh mengenai

Kementerian Dalam Negeri, iaitu Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, P. 41—Pelajaran 1985, tambahannya ialah \$1,227,900.

**Tuan Pengerusi:** Yang mana Yang Berhormat? Jabatan Hal Ehwal Orang Asli?

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Ya. P. 41—Dalam ringkasan Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Baiklah.

**Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Tuan Pengerusi, Jabatan Orang Asli ini adalah satu jabatan di dalam Kementerian Dalam Negeri, begitu gigih. Saya mengucapkan tahniah atas layanan Kementerian ini kepada Orang Asli yang mana Orang Asli ini boleh dikatakan keadaannya sudah berbeza daripada beberapa puluh tahun sudah sehinggakan sekarang sudah hampir mirip kepada cara-cara kaedah orang-orang Melayu. Malangnya Orang Asli ini begitu rapi dijagai tetapi ada perkara yang amat penting yang tidak kita sedari bahawa Orang Asli kita ini telah menerima atau menganut agama Kristian.

Semasa penjajahan dahulu kita tidak begitu hirau sangat kerana pemerintahan kita adalah pemerintahan British dan agama mereka agama Kristian. Negara kita telah merdeka. Malang sekali yang Orang Asli ini disaksikan dengan mata kepala saya sendiri iaitu begitu ramai pengembang-pengembang agama Kristian ini masuk ke kawasan pedalaman menemui mereka dengan memberi keistimewaan dan layanan supaya mereka menganut agama Kristian. Bukan sahaja kita dapati mereka menganut agama Kristian, tetapi para pengembang agama Kristian ini terdiri daripada orang Asli sendiri. Saya difahamkan bahawa ada institusi pengajaran agama Kristian di dalam negara kita ini iaitu di Port

Dickson. Di sanalah mereka mempelajari cara-cara mendakwah agama Kristian ini.

Di luar daripada kawasan Batang Padang, apabila dikumpulkan begitu banyak berleluasa, mereka tetap dengan agama Kristian ini. Tetapi di Batang Padang telah pun mula mendirikan gereja-gereja kayu, mengajar Orang Asli cara-cara hidup yang moden iaitu mengorek tanah untuk memelihara ikan, mengajar menanam sayur-sayuran, kebersihan dan sebagainya. Ini adalah menunjukkan kelemahan-kelemahan kita di dalam Jabatan Orang Asli dari segi agama. Kita hendak menerapkan Orang-orang Asli ini menjadi orang Melayu, kerana asal kejadian orang Melayu pun daripada orang Asli ini, tetapi mereka telah terkebelakang. Apabila mereka ke depan, agama mereka tidak dapat kita jaga, kita kawal.

Tuan Pengerusi, sepatutnya pihak Jabatan Orang Asli menyediakan tenaga pengajar untuk membentuk Orang Asli ini supaya menjadi orang Melayu dan menjadi orang yang beragama Islam, tetapi telah ketinggalan dalam soal ini. Kita sedia maklum bahawa Kerajaan Negeri ada berhak dalam hal ehwal agama, sekurang-kurangnya kita menyekat supaya pengembang-pengembang agama Kristian ini jangan masuk, kerana agama dalam negara Persekutuan ini ialah agama Islam. Walaupun agama lain boleh berkembang tetapi jangan ditarik orang Melayu ini kerana Orang Asli ini adalah orang Melayu, jangan dikembangkan kepada mereka. Mereka ini lambat hendak menerima agama, menerima agama Islam cukup lambat. Saya sangat ketahui, apabila kita hendak mengajar agama Islam, mereka kata, "Kami tidak mahu rapat dengan orang Melayu". Memang, kerana jauh sangat kebebasan mereka itu dengan agama itu. Inilah peranan

yang penting, kalau dapat pihak-pihak Jabatan Orang Asli di bawah Kementerian Dalam Negeri ini menjaga, mengawal dan memerhatikan, pergi ke tempat-tempat yang saya nyatakan tadi.

Selain daripada itu, berkenaan dengan sosial atau pelajaran, orang-orang Asli ini sudah meningkat baik di atas layanan Kerajaan yang saya nyatakan tadi. Sebaliknya ada Sekolah Orang Asli tetapi tidak mengembang. Sekolah sudah ada guru-guru Melayu yang duduk di situ 9 tahun, sudah pandai bercakap Orang Asli. Tetapi bila hendak kembang, hendak dibesarkan sekolah itu, apabila ramai murid-murid, murid-murid telah bertambah, ditanya kepada Jabatan Pelajaran, Jabatan Pelajaran kata, "Ini bukan kami punya tanah dan bukan kami punya bangunan". Ditanya Jabatan Orang Asli, mereka kata, mereka tidak tahu. Sedangkan sekolah itu guru-gurunya datang daripada Kementerian Pelajaran. Masing-masing main tendang bola, orang ini tendang bola ke sana, orang sana tendang boleh ke mari. Inilah yang menjadi masalah dan anak-anak Orang Asli yang begitu berminat duduk berapat-rapat.

Ada sebuah sekolah Orang Asli, di bawahnya begitu cantik dan diketahui bahawa sekolah itu Kementerian Pelajaran yang punya iaitu di Batu 14, misalnya. Murid, ramai, guru Melayu sudah jadi Orang Asli untuk menambahkan lagi cintanya murid-murid Orang Asli itu dengan guru yang sudah pandai berbahasa yang bertugas 9 tahun di sana, tetapi tidak tahu siapakah yang punya tanah, peruntukan pagar datang tetapi kebenaran sama ada dari Jabatan Hutan atau Jabatan Orang Asli—tidak dapat diselesaikan masalah tanah?

Tuan Pengerusi, begitu juga penyelesaian tanah. Maklumlah Orang Asli ini bebas di dalam hutan. Dia tahu hak dia ada iaitu rizab

ataupun simpanan Orang-orang Asli. Jadi, sudahlah mereka ini menganggap hutan simpanan ini pun ingatannya simpanan asli juga. Tanah yang hendak diberi kepada orang Melayu pun dia ingat ini adalah kepunyaan Orang Asli juga. Apabila kita beri peruntukan tanah dusun kepada orang Melayu, Orang Asli sudah ada siap sedia di sana. Jadilah sedikit pergeseran, dibayar barulah selesai. Tetapi masalah ini hendaklah diselesaikan daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli untuk menentukan Orang-orang Asli ini supaya mereka tenteram supaya tidak dikatakan perdamaian ini berat sebelah. Ini sensitif kepada Orang Asli. Walhal tidak ada berat sebelah. Bukan hak dia tetapi dia rasa sejak dulu kala lagi ini hak dia. Pokok durian ini dia kata 5 pokok dia bukan kira luas tanahnya, Tuan Pengerusi. Dia kira berapa pokok. Pokok ini, pokok ini orang ini punya. Kalau mati anak dia pula dapat. Inilah masalah yang patut kita selesaikan kepada Orang-orang Asli ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu Orang-orang Asli ini ada juga diberi pangkat. Misalnya di Tapah sana iaitu di kawasan Parlimen Batang Padang diberi gelaran "Datok" supaya mereka itu besar hati, keturunan dia zaman dulu ada. Letaklah Tok Lela Negara—nama bukan main besar. Ada lagi Tok Lela Angsa, Tok Lela Bunga. Tetapi mereka ini tidak ada elaun. Apalah salahnya ambil sebagai penghulu itu elaun penghulu itu diberi penghargaan kepada 3 orang yang telah tiap-tiap tahun diperbaharui oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak surat watikah bagi mengetuai semua penghulu-penghulu. Tetapi mereka percuma. Tidak ada peruntukan langsung. Saya tanya kepada pihak Negeri memang tidak ada, cuma untuk orang-orang besar. Dalam ruangan orang besar-besar Negeri Perak tidak ada. Sepatutnya untuk mengambil hati mereka, yang

dibayar oleh Jabatan Orang Asli negara kita ini diberilah kepada 3 orang ini supaya mereka itu besar hati. Ini pangkat besar, katanya tetapi duit tidak ada. Orang Asli ini terasa yang dia itu rupanya dipermain-mainkan sahaja. Gambar letaklah, ini Tuanku beri, ini Raja negeri kita. Saya ini orang besar tetapi duit tidak ada, Tuan Pengerusi.

Selain daripada itu pihak Jabatan Orang Asli ini ada menyediakan rumah-rumah percuma kepada Orang-orang Asli berperingkat-peringkat. Saya sangatlah bersetuju maknanya kita hendak menyamakan sekali gus. Tetapi kalaulah Batu 6, Batu 8, Batu 19 beri sedikit-sedikit. Tetapi tidak - di Batu 6, Batu 8, Batu 16, tidak ada. Jadi, Penghulu-penghulu itu terasa hati dia mengapa di sana dilayan dengan baik. Kita tahu Orang Asli ini ada hubungan dengan pemerintah jadi orang-orang komunis cuba mempengaruhi Orang Asli ini untuk membatuapikan. Inilah yang kita cuak, yang kita takuti. Tengok Kerajaan menganaktirikan, sana ada rumah Melati 10 buah. Batu 16 mana? Inilah yang kita tidak kehendaki. Biar dia sama rata, sedikit-sedikit biar dia puas hati, "Oh! Kerajaan ini dia beri sedikit-sedikit." Sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit. Apa jadi kami sudah tua baru rumah ada. Dia orang ada Pepatah "Gajah pun lalu rebong pun tua". Dia tidak hendak macam itu, dia juga hendak merasa. Saya Penghulu Besar, Penghulu Untoi saya hendak merasa rumah itu. Menantu saya jadi Penghulu atau anak saya jadi Penghulu. Itu zaman dia, zaman saya? Inilah yang menyebabkan Orang-orang Asli berkata-kata. Jadi, ini yang kita hendak awasi.

Oleh itu mintalah Timbalan Menteri Dalam Negeri mengawasi hal ini dan beliaupun telah melawat kawasan di sana, dan tidur bersama-sama saya di perkampungan Orang-orang Asli

untuk menyaksikan keadaan-keadaan Orang-orang Asli di sana.

Memang saya akui perkampungan asli di sana ada dua madrasah. Mualaf-mualaf mereka ini rajin mempelajari agama Islam. Kalau dapat diperbaiki lagi dan kita hindarkan pengembang-pengembang agama Kristian itu secepat mungkin.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Baling.

*5.35 ptg.*

**Tuan Haji Seroji bin Haji Haron (Baling):** Tuan Pengerusi, ingin saya mengucapkan terima kasih dan saya akan menarik perhatian Dewan yang mulia ini iaitu peruntukan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli P. 41, Butiran 1, 2 dan 3 ada berkaitan, Tuan Pengerusi.

Saya berharap pihak Jabatan ini khususnya Jabatan Orang Asli ini akan juga memberi peruntukan atau masuk sama perbelanjaan bagi membina rumah-rumah baru berserta dengan Dewan ataupun sekurang-kurangnya memperbaiki rumah-rumah yang sedia ada supaya memberi peluang kepada mereka yang terdiri daripada 60 keluarga Orang Asli supaya kedudukan mereka sempurna dan baik iaitu di Lubok Legong, Baling yang mana mereka ini daripada golongan Orang Asli yang paling mundur sekali di dalam Malaysia ini bagi mengganti dan memperbaiki rumah-rumah mereka yang sangat buruk dan dhaif.

Saya juga suka memberitahu kepada Dewan mereka ini tersangat-sangat taat setia kepada Kerajaan dan tidak mudah dipujuk dan dirayu oleh pihak-pihak komunis dan anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Pengerusi, kawasan yang mereka tinggal adalah dalam kawasan KASBAN. Antara yang lain juga dimaklumkan boleh dikatakan

keseluruhannya penduduk kampung di kawasan mereka tinggal itu telah mendapat kemudahan asas seperti api elektrik dan projek pembangunan semula kampung tradisional dan juga membangun rumah oleh pihak KEDA maka sudah sewajarnya kalau kemudahan asas seperti api elektrik dapat dibekalkan kepada mereka daripada peruntukan Jabatan ini.

Menerusi Dewan ini, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah khususnya pihak RISDA yang telah mengambil perhatian yang berat bagi memulih tanah hak kepunyaan mereka yang telah diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri kepada mereka dengan menanam semula getah secara berkelompok yang mana keluasan tanah tersebut berpadanan dengan jumlah keluarga-keluarga yang mereka ada. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat dari Kepong.

5.37 ptg.

**Dr Tan Seng Giaw (Kepong):** Tuan Pengerusi, P. 41 Jabatan Hal Ehwal Orang Asli dengan pembangunan ekonomi Orang Asli.

Saya hendak menekankan di sini keadaan Orang Asli ini tidak seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi mengenai usaha-usaha Kerajaan yang diadakan untuk memperbaiki keadaan sosio-ekonomi Orang Asli.

Di sini saya hendak sebutkan satu perkara yang menunjukkan usaha Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini tidak mencukupi iaitu mengenai Sekolah Rendah Kebangsaan Orang Asli Bukit Cheeding dekat Banting, negeri Selangor. Sekolah Rendah Kebangsaan ini dibina dalam tahun-tahun 60an, sudah 20 tahun. Setakat ini keadaan sekolah ini adalah sangat

menyedihkan dengan bilik-bilik darjah yang bocor bumbungnya dengan keadaan kerusi dan meja yang rosak. Dan di situ terdapat 79 orang murid dan 6 orang guru. Dan guru-guru pun tidak ada bas khas ke sekolah. Mereka terpaksa menumpang orang-orang atau kereta yang lalu di situ dengan mengangkat tangan. Inilah keadaan 6 orang guru-guru yang hendak pergi ke Sekolah Rendah Kebangsaan Orang Asli Bukit Cheeding. Dan keadaan bekalan air ke sekolah itu tangkinya bocor dan rosak sama sekali, tandas itu tidak dapat digunakan.

Ada satu perkara lagi yang penting dan yang seharusnya diambil perhatian oleh pihak JOA, iaitu mengenai pemakanan kerana kebanyakan orang Asli, murid-murid orang Asli ini pergi ke sekolah waktu pagi tanpa makan pagi dan dengan perut yang kosong itulah mereka terpaksa berada di sekolah, keadaan ini sangat tidak memuaskan, bagaimana murid-murid yang lapar dapat menerima pelajaran yang sempurna. Saya pun tidak tahu kerana peruntukan yang diberi kepada sekolah itu adalah kurang dan setakat ini makanan-makanan yang sebelum ini diberi oleh JOA secara percuma kepada murid-murid di sekolah itu sekarang tidak lagi dilanjutkan, mereka tidak dapat lagi makanan daripada JOA, dan inilah satu keadaan yang sangat menyedihkan. Saya berharap JOA dapat menyiasat dengan segera keadaan yang malang ini supaya Sekolah Rendah Kebangsaan Orang Asli Bukit Cheeding dapat diperbaiki dengan serta-merta.

Satu lagi saya hendak menekankan di sini iaitu mengenai hak-hak asasi Orang Asli. Saya berharap tidak seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi mengenai hak-hak asasi sama ada beragama ataupun bersekolah dan sebagainya, janganlah kita melakukan pencabulan ke atas

hak-hak mereka. Orang-orang Asli yang mana bumiputera, mereka berhak untuk beragama dengan sukarela, janganlah kita melakukan paksaan ke atasnya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum menjawab, saya hendak bertanya Perbelanjaan P. 41 ini dihuraikan di Kertas Perintah nombor berapa? Saya cari tidak jumpa. Orang Asli, perbelanjaan dan sebagainya.

5.42 ptg.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Pengerusi, Kertas Perintah 21, P. 21—Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

**Tuan Pengerusi:** Ya, muka berapa? Yang itu tidak ada sebut butir-butirnya.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Muka surat. . . . .

**Tuan Pengerusi:** Pada fikiran saya tidak ada.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Saya mintalah ke hadapan ini Kementerian-kementerian yang berkenaan mengemukakan butir-butir perbelanjaan itu.

Tadi saya membenarkan Ahli-ahli Yang Berhormat berucap, saya tidak tahu apa perbelanjaan yang diperuntukkan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun membuat teguran khususnya berkenaan dengan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Sebenarnya Tuan Pengerusi, di bawah Maksud P. 41 sejumlah \$1,227,900 dikehendaki untuk peruntukan tambahan bagi menampung Keperluan Luar Jangkaan, Pembangunan Ekonomi, Perkhidmatan Sosial dan Rancangan Perkumpulan Semula yang terpaksa dijalankan sebelum akhir Penggal Rancangan Malaysia Keempat. Walau bagaimanapun, segala teguran yang diutarakan kepada saya khususnya oleh Yang Berhormat dari Batang Padang, Yang Berhormat dari Baling dan juga Yang Berhormat dari Kepong berkenaan dengan sekolah di Bukit Cheeding. Banting adalah dicatatkan dan tindakan sewajarnya akan diambil. Memanglah Kementerian memandang berat tentang pembelajaran anak-anak Orang Asli dan saya sendiri akan berhubung dengan Jabatan tersebut untuk kita mencari penyelesaian, khususnya cari wang sedikit untuk menampung sekolah yang disebut oleh Yang Berhormat sebagai amat daif itu dan makanan-makanan yang sesuai jika perlu ditambah ataupun diberi dengan lebih sempurna lagi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian wang yang dikehendaki sejumlah \$1,227,900 yang saya sebutkan tadi, sejumlah \$262,750 ialah pembayaran bagi pampasan tanah di Redang Punggor, Parit, Perak. Lagi sejumlah \$364,850 ialah peruntukan bagi bekalan air Gombak, Selangor dan pengambilan tanah untuk tapak asrama Gerik di Perak. Perbelanjaan bagi menampung penyelenggaraan jalan access, RBS Kemar dan RBS Dalar ialah sebanyak \$600,300. Ini menunjukkan betapa Kementerian, khususnya Jabatan Hal Ehwal Orang Asli memberi keutamaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan asas kepada beberapa rancangan yang diselenggarakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, khususnya bagi meninggikan kehidupan orang-orang

Asli yang terdapat di negara kita. Kita semua sedia maklum dan dimaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bilangan mereka ini meningkat melebihi 60,000 di sekitar Semenanjung Malaysia.

Tuan Pengerusi, segala teguran telah dicatat dan akan diambil tindakan oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,031,000 untuk Maksud B. 39 di bawah Kementerian Dalam Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,031,000 untuk Maksud B. 39 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$3,080,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 35; \$1,227,900 dalam Maksud P. 41 dan \$1,152,400 dalam Maksud P. 42 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,080,000 untuk Maksud P. 35; \$1,227,900 untuk Maksud P. 41 dan \$1,152,400 untuk Maksud P. 42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1985.

*Maksud B. 46 (Jadual)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B. 46 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas.

Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$250,900 untuk Maksud B. 46 di bawah Kementerian Penerangan

jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$250,900 untuk Maksud B. 46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

*Maksud B. 48 dan B. 50 (Jadual)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala Bekalan B. 48 dan B. 50 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar terbuka untuk dibahas.

Masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$800,000 untuk Maksud B. 48 dan \$1,468,000 untuk Maksud B. 50 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$800,000 untuk Maksud B. 48 dan \$1,468,000 untuk Maksud B. 50 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

*Maksud P. 53 dan P. 57 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 3), 1984)—*

*Maksud P. 51, P. 52 dan P. 56 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1), 1985)—*

**Tuan Pengerusi:** Kepala P. 53, P. 57, P. 51, P. 52 dan P. 56 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas.

5.52 ptg.

**Tuan Ling Sie Ming (Sibu):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk membahaskan Peruntukan Tambahan bagi Bil. 3 tahun 1984 bagi Kementerian Pengangkutan, termasuk P. 57 Jabatan Penerbangan Awam Sarawak, di bawah Butiran 4 Pembangunan Lapangan Terbang Sibu.

**Tuan Pengerusi:** Nanti sekejap, Yang Berhormat. Saya hendak check, tengok. Kena check kerana kertas ini banyak sangat, kadang-kadang pening kepala kita. P. 57, Kertas Perintah nombor berapa?

**Tuan Ling Sie Ming:** P. 57, Kertas Perintah No. 18, muka surat 6.

**Tuan Pengerusi:** Muka?

Tuan Ling Sie Ming: 6.

**Tuan Pengerusi:** Pembangunan Lapangan Terbang Sibü?

**Tuan Ling Sie Ming:** Ya.

**Tuan Pengurus:** Yang ini \$10 selalunya token sahaja. Baiklah, sila ucap.

**Tuan Ling Sie Ming:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Bercakap di atas \$10 token itu?

**Tuan Ling Sie Ming:** Ya. Dalam Anggaran Bil. 3 tahun 1984 Kerajaan memperuntukkan sebanyak \$10 untuk Perbelanjaan Pembangunan Penerbangan Awam Sarawak. Saya difahamkan peruntukan tambahan ini sebanyak \$10 adalah bertujuan atau sambungan untuk projek tersebut dan untuk membina satu lapangan terbang baru di Sibü untuk membolehkan kapal terbang yang lebih besar untuk mendarat.

Mengenai projek ini penduduk-penduduk Sarawak, khususnya penduduk Sibü melahirkan penghargaan mereka kepada Kerajaan Negeri tetapi projek itu telah ditangguhkan dari Rancangan Malaysia Ketiga ke Rancangan Malaysia Keempat. Saya difahamkan projek tersebut akan dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima kerana saya telah menerima satu jawapan bertulis beberapa hari yang lalu daripada Menteri Pengangkutan bahawa Lapangan Terbang Baru Sibü

akan diialankan dan siap dibina dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima, tetapi rakyat kita tidak faham mengambil Kerajaan mengambil tempoh selama 15 tahun untuk membina sebuah lapangan terbang baru bagi membolehkan kapalterbang-kapalterbang seperti jenis B737 mendarat dan sekarang rakyat tidak yakin projek ini akan disiapkan di dalam masa yang dikatakan oleh Menteri Pengangkutan, iaitu dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima oleh kerana projek tersebut adalah ditangguhkan dua kali, walau bagaimanapun projek itu telah dicadangkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Oleh kerana itu, saya harap Kerajaan dapat menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini serta rakyat Sarawak mengikut soalan-soalan ini:

1. Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan bagi projek tersebut dalam tempoh 10 tahun yang lalu ini? Bolehkah Kerajaan beritahu rakyat Sarawak mengenai contoh lapangan terbang itu bagi membolehkan rakyat mempercayai bahawa Kerajaan Persekutuan sebenarnya mempunyai satu projek yang besar seumpama itu bagi orang-orang Sarawak?
2. Nyatakanlah jumlah Perbelanjaan Pembangunan yang telah diperuntukkan untuk projek tersebut. Bagaimana Kerajaan dapat membiayai projek tersebut, sama ada wang itu adalah wang Kerajaan sendiri atau pinjaman luar negeri?
3. Bolehkah Kerajaan memastikan dengan tepatnya btlakah projek tersebut akan dimulakan. Jika tidak, apa sebabnya?

4. Mengapa Kerajaan tidak boleh membina lapangan terbang tersebut di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga kerana Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Projek itu waktu itu adalah kira-kira \$57 million, tetapi kini sampai perbelanjaannya telah mendapat 3 kali yang paling kecil. Apakah ini disebabkan kerana kurang kecekapan dan pentadbiran yang tidak baik?

Saya harap Kementerian berkenaan boleh menjelaskan soalan-soalan ini untuk membuktikan Kerajaan Persekutuan tidak mencuaikan masalah-masalah yang menyentuh rakyat Sarawak.

Tuan Pengerusi, mengenai Jabatan Pengangkutan Jalan iaitu di bawah Maksud P. 56 mengenai Pejabat Baru. Kemudahan-kemudahan Pemeriksaan dan Pertimbangan, iaitu Tambahan Pertama 1985 ialah \$4.3 juta.

Tuan Pengerusi, mengenai Jabatan Pengangkutan Jalan untuk negeri Sarawak, saya sedar Kerajaan Persekutuan telah mengambil alih Jabatan tersebut tetapi di dalam Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1985 peruntukan sebanyak \$4.32 juta tidak menjelaskan dengan jelasnya untuk maksud mana peruntukan dibuat untuk negeri Sarawak.

Saya tahu Jabatan Pengangkutan Jalan Sarawak menghadapi beberapa masalah seperti jabatan yang kecil, kakitangan-kakitangan tidak cukup dan sebagainya juga tidak ada tempat yang tetap untuk ujian kereta dan juga bagi pemeriksaan bertulis pemandu-pemandu. Oleh yang demikian semua permohonan untuk lesen kereta atau pembayaran-pembayaran yang dibuat oleh pemohon tidak dapat diproses dengan secepat mungkin.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya berharap dengan pengambilalihan Jabatan Pengangkutan Jalan oleh Pusat, pentadbiran Jabatan tersebut boleh berjalan dengan lebih lancar dan cepat berbanding dengan masa ia diletakkan di bawah Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri menjawab.

*6.02 ptg.*

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahman binti Othman):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sarawak yang telah memberikan pandangannya.

Yang Berhormat sedia maklum bahawa peruntukan sebanyak \$10 itu merupakan peruntukan tanda untuk Lapangan Terbang Sibu. Walaupun Yang Berhormat telah mendapat jawapan bertulis daripada Yang Berhormat Menteri tetapi dalam peruntukan ini tidak kita sediakan kerana ianya masih lagi di peringkat perbincangan. Kenapa Kerajaan tidak dapat melaksanakan projek ini kerana keadaan ekonomi kita sekarang tidak mengizinkan. Walau bagaimanapun, masalah Lapangan Terbang Sibu masih kita perbincangkan untuk mencari jalan cara-cara untuk kita melaksanakannya.

Berkenaan dengan peruntukan tambahan Perbelanjaan Pembangunan Pertama tahun 1985 sebanyak \$4,326,000, itu merupakan Perbelanjaan Pembangunan Tambahan bagi membiayai pembayaran kerja-kerja terakhir yang telah kita lakukan untuk pembinaan jalan-jalan utama kawasan ujian memandu di tapak JPJ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang tergendala sekarang ini. Projek-projek segera juga akan dijalankan seperti

menyediakan kawasan bagi aktiviti pemeriksaan di tapak yang tersebut, Masalah JPJ Sarawak samalah juga keadaannya dengan di Sabah. Kita sedang menyediakan satu kertas kerana pengambilalihan JPJ itu berlaku dalam masa setahun dan satu kajian menyeluruh untuk membaiki JPJ di Sarawak dan juga Sabah sedang disediakan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 53 dan \$10 dalam Maksud P. 57 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1984; dan \$134,295,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 51; \$3,560,250 dalam Maksud P. 52 dan \$4,326,000 dalam Maksud P. 56 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1985 di bawah Kementerian Pengangkutan hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 53 dan \$10 untuk Maksud P. 57 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1984; dan \$134,295,000 untuk Maksud P. 51; \$3,560,250 untuk Maksud P. 52 dan \$4,326,000 untuk Maksud P. 56 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1985.

*Maksud B. 59 (Jadual)—*

*Maksud P. 59 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1), 1985)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud Bekalan B. 59 dan P. 59 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada perbincangan, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$10 untuk Maksud B. 59 di bawah Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud B. 59 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 59 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1985 hendaklah diluluskan.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 59 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1), 1985.

*Maksud P. 62 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 3), 1984)—*

*Maksud P. 60 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1), 1985)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud Pembangunan P. 62 untuk tahun 1984 dan P. 60 untuk tahun 1985 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat terbuka untuk dibahas.

6.07 ptg.

**Datuk Edwin Anak Tangkun (Batang Lupar):** Tuan Pengerusi, saya juga bangun dan menyentuh sedikit di bawah P. 62, wang yang diminta oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Wang diminta dalam Anggaran Perbelanjaan Pertama iaitu sebanyak \$4,720,000 iaitu dalam Butiran 23, Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak (FELCRA).

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat, yang mana itu?

**Datuk Edwin Anak Tangkun: P. 62.**

**Tuan Pengerusi:** Ya?

**Datuk Edwin Anak Tangkun:** Butiran 23, Kertas Perintah 20 Tahun 1985, muka surat 16, Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Sarawak (FELCRA).

**Tuan Pengerusi:** Yang sebenarnya P. 62 dan P. 60 itu ialah di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat.

**Datuk Edwin Anak Tangkun:** Ya, minta maaf, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$10 yang disebutkan dalam Maksud P. 62 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Ketiga bagi tahun 1984; dan \$3,600,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 60 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1985 di bawah Kementerian Kebajikan Masyarakat hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$10 untuk Maksud P. 62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 3), 1984; dan \$3,600,000 untuk Maksud P. 60 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil.1), 1985.

*Maksud P. 61 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1), 1985)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud P. 61 di bawah Kementerian Kerjaraya terbuka untuk dibahas.

Oleh kerana tidak ada perbincangan, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan,

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa

perbelanjaan sebanyak \$7,000,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 61 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1985 di bawah Kementerian Kerjaraya hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$7,000,000 untuk Maksud P. 61 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1985.

*Maksud B. 62 (Jadual)—*

*Maksud P. 62 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1), 1985)—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud B. 62, P- 62 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah terbuka untuk dibahas. Silakan Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar, ini masa dialah.

6.10 ptg.

**Datuk Edwin Anak Tangkung (Batang Lupar):** Tuan Pengerusi, oleh kerana tadi saya ada kesilapan melihat dalam anggaran ini dan saya juga bangun dan menyentuh sedikit di bawah P. 62 wang yang diminta oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, wang yang diminta Anggaran Belanjawan Pertama sebanyak \$4,720,000 iaitu dalam Butiran 23. Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah (SALCRA) dan Butiran 24 Rancangan Penempatan Semula muka surat 16 Kertas Perintah 20 tahun 1985.

Tuan Pengerusi, kita semua sedia maklum bahawa negeri Sarawak memang sebuah negeri sangat besar tetapi rancangan untuk tanaman seperti kelapa sawit atau rancangan SALCRA atau rancangan koko, masih jauh ketinggalan kalau dibandingkan dengan kemajuan penanam kelapa

sawit di Semenanjung, Begitu juga getah, koko dan sebagainya. Tanah di Sarawak masih banyak yang subur untuk menanam bahan-bahan tersebut. Saya fikir oleh kerana permohonan daripada orang ramai masih banyak tidak dapat diluluskan oleh pihak SALCRA kerana peruntukan yang telah disediakan kepada SALCRA tiap-tiap tahun tidak mencukupi.

Saya telah beberapa kali diberitahu oleh pihak SALCRA mengenai peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dan beberapa tahun kebelakangan memang tidak mencukupi peruntukan yang saya telah bangkitkan di sini. Oleh sebab itu, saya fikir peruntukan wang untuk kemajuan tanah di negeri Sarawak perlu ditambah supaya rancangan tanah kelapa sawit, getah, koko dan sebagainya boleh menambahkan hasil negeri dan akan dapat juga meninggikan taraf hidup rakyat, khasnya rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar.

Saya di sini merayu kepada Kerajaan Persekutuan supaya dapat memberi pertimbangan dan menyediakan peruntukan wang kepada SALCRA di negeri Sarawak lebih banyak kerana peruntukan yang diperuntukkan dalam Rancangan Keempat ini tidak mencukupi. Saya telah diberitahu oleh pihak SALCRA negeri Sarawak bahawa peruntukan wang kepada SALCRA selama ini memang didapati tidak mencukupi, maka oleh sebab itu rancangan untuk pemulihan dan penyatuan tanah di Sarawak tidak memuaskan kerana banyak permohonan dari rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar telah terbiar.

Pihak SALCRA tidak dapat menggalakkan tanaman kelapa sawit atau tanaman getah, koko di kawasan luar bandar. Oleh hal yang demikian, saya sekali lagi minta peruntukan ini ditambahkan kepada Kerajaan Negeri

dan saya minta kalau dapatlah peruntukan wang terus diberi kepada Kerajaan Negeri Sarawak dengan secepat mungkin supaya pihak SALCRA di negeri Sarawak akan dapat menjalankan rancangan tanaman seperti apa yang saya sebutkan di sini dapat berjalan dengan sempurna dan akhirnya, saya berharap bahawa Kerajaan Persekutuan akan dapat memberi pertimbangan dan mengadakan peruntukan wang berlipat-ganda kepada SALCRA.

Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan wang yang diminta oleh Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

**Tuan Pengerusi:** Dijemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

*6.15ptg.*

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang menimbulkan masalah SALCRA—Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negeri Sarawak. Sebenarnya, saya pun bersetuju dengan pandangan yang diberi oleh Yang Berhormat yang berkenaan tentang banyaknya tanah di Sarawak dan boleh dimajukan sama ada oleh SALCRA ataupun FELDA ataupun Perbadanan-perbadanan Pembangunan Tanah Negeri Sarawak itu sendiri, tetapi masalah tanah di Sarawak ini ada beberapa masalah pentadbiran tanah di Sarawak ini memerlukan suatu keputusan dan persetujuan khusus daripada Kerajaan Negeri itu sendiri dan pihak SALCRA, khususnya pihak Kementerian apabila beberapa perkara masalah peraturan dan Undang-undang Tanah Sarawak dapat diselesaikan, maka insya Allah perkara ini lebih dipercepatkan lagi apa yang kita rancangkan. Perkara-perkara yang ditimbulkan oleh Yang

Berhormat sentiasa ada dalam perhatian dan dicatat di sini.

**Datuk Edwin Anak Tangkun:** Untuk penjelasan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Ya, silakan.

**Datuk Edwin Anak Tangkun:** Pada masa ini sejauh manakah kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri supaya Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dapat mempercepatkan dan menggalakkan dengan lebih teratur lagi dalam masa yang akan datang.

**Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad:** Tuan Pengerusi, sebenarnya soal SALCRA sudah pun wujud di Sarawak dan SALCRA telah pun menjalankan tugas, fungsi-fungsinya ke arah menurut tugas SALCRA iaitu pemulihan dan penyatuan tanah. Masalah sekarang yang mungkin menimbulkan sesuatu yang tidak puas oleh Ahli Yang Berhormat berkenaan ialah memperbanyakkan lagi pembukaan tanah melalui agensi SALCRA di Sarawak. Soal kerjasama memang kita sentiasa ada kerjasama dengan baik dengan pihak Kerajaan Negeri Sarawak, cuma ada beberapa masalah pentadbiran tanah di Sarawak itu memerlukan suatu penyelesaian dari segi pentadbiran.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$3,700,000 untuk maksud B. 62 di bawah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$3,700,000 untuk Maksud B. 62 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak

\$23,695,070 yang disebutkan dalam Maksud P. 62 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$23,695,070 untuk Maksud P. 62 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1985.

*Maksud P. 63 (Anggaran Pembangunan) (Tamb.) (Bil. 1), 1985—*

**Tuan Pengerusi:** Maksud Pembangunan P. 63 di bawah Kernenterian Pembangunan Negara dan Luar Bandar terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat dari Sepang.

6.19 ptg.

**Dato' Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin (Sepang):** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, mengikut Kertas di hadapan kita wang yang diminta ini adalah untuk Pembangunan Masyarakat iaitu Rancangan Pemulihan Kampung yang diminta sebanyak \$12 juta lebih kurang.

Jadi, pada pendapat saya untuk Rancangan Pemulihan Kampung untuk tambahan yang dipinta iaitu sebanyak \$12 juta adalah terlampau kecil, tidak mencukupi kerana katalah kita hendak beri tiap-tiap satu negeri purata \$1 juta, bermakna itu sahaja sudah memakan belanja \$14 juta. Itu kalau didasarkan \$1 juta diberi kepada tiap-tiap negeri, tetapi katalah untuk perbincangan diberi dan boleh diberi kepada tiap-tiap negeri \$1 juta bagi Rancangan Pemulihan Kampung ini. Dan katalah tiap-tiap satu negeri itu purata ada 10 daerah, katalah. Tetapi tentulah ada negeri yang banyak daerah, ada yang kurang daerah tetapi kita ambil secara umum katalah 10 daerah, bermakna tiap-tiap daerah di

satu negeri itu dibahagikan dengan wang \$1 juta tadi dapat \$100 ribu, dan katalah dalam rancangan satu daerah itu kita ambil angka-angka yang kecil 50 buah kampung, katalah di satu daerah. Bermakna \$100 ribu itu dibahagikan kepada 50 kampung, bermakna tiap-tiap kampung akan dapat lebih kurang purata \$200 sahaja. Jadi, apalah yang boleh kita buat dengan wang \$200 kepada satu kampung, lebih-lebih lagi untuk hendak memulihkan kampung dengan wang \$200 dalam keadaan yang ada sekarang ini.

Jadi, akan timbul satu kesulitan kepada pentadbir bagaimana hendak menggunakan wang \$200 itu bagi hendak memulihkan satu-satu kampung itu. Katalah, wang \$200 itu hendak membaiki sebuah rumah, sedangkan banyak rumah di kampung itu yang memerlukan bantuan tersebut, sedangkan wang yang boleh diberikan kepada sebuah rumah sahaja peruntukan wang yang ada, rumah yang memerlukan bantuan supaya mungkin atapnya hendak diperbaiki ataupun dindingnya hendak diperbaiki. Mungkin ada 10-20 buah rumah yang semacam itu, sedangkan wang yang diberi, wang untuk satu rumah sahaja iaitu \$200.

Jadi, bagaimanakah seorang pentadbir daerah hendak menentukan 10-20 buah rumah yang memerlukan dan menasabah untuk diberikan peruntukan itu. Mana satu yang hendak dipilih. Pilih satu, sudah pasti 19 buah rumah ini akan berasa kecil hati, mengapa kami tak dapat, sedangkan taraf kami lebih kurang sama dengan yang mendapat itu. Oleh yang demikian akan timbul lebih banyak masalah daripada rancangan ini daripada mengatasi masalah. Jadi, saya fikir daripada wang \$12 juta ini eloklah kalau pihak Menteri yang berkenaan meminta ditambah lagi supaya peruntukan yang saya fikir lebih menasabah dan lebih

mendatangkan kekesanan ke arah rancangan ini dapat dilaksanakan,

Rancangan ini bukanlah satu rancangan yang baru, Tuan Pengerusi. Rancangan ini rancangan yang sudah berjalan lama, kerana itu kita dapat "feed-back", dapat kita ketahui reaksi daripada rancangan ini. Itulah yang sudah saya perolehi sekurang-kurangnya di kawasan saya, dapat kekesanannya ketidakpuasan dan kesulitan kepada pentadbir-pentadbir untuk mengagih-agihkan dan untuk hendak membelanjakan wang yang begini terhad untuk Rancangan Pemulihan Kampung ini.

Saya minta maaf menyatakan di sini bahawa di setengah tempat rancangan ini, Rancangan Pemulihan Kampung ini (RPK), kadang-kadang diusik-usik, rakyat mengatakan ini "Rancangan Pening Kepala" kerana susah hendak menentukan bagaimana hendak melaksanakan wang yang begitu terhad.

Jadi, kesimpulannya, saya merayu bersungguh-sungguh atas pertimbangan yang saksama pihak Kementerian agar menambahkan peruntukan ini kalau mereka hendak melaksanakannya kerana rancangan ini baik tetapi dari segi pelaksanaannya telah timbul banyak masalah kerana peruntukannya yang cukup-cukup tidak memadai.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Menteri, siii menjawab.

6.25 ptg.

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Sepang yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini. Yang sebenarnya, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar sentiasa mengambil

perhatian segala apa yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat. Sesungguhnya saya percaya pandangan dan sokongan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi itu akan dapat lagi membolehkan Kementerian saya merancang dengan lebih teratur lagi Rancangan Pemulihan Kampung ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum bahawa peruntukan tambahan sebanyak \$19,180,000 yang diberikan kepada Kementerian saya adalah bagi kegunaan sektor ekonomi dan juga sektor sosial yang bertujuan untuk memberikan pembangunan dan kemudahan kepada masyarakat di kawasan-kawasan luar bandar.

Sebanyak \$7 juta daripada peruntukan tambahan tersebut adalah digunakan untuk membiayai pembinaan loji pembersihan air di Arau, Perlis, sementara \$12.2 juta adalah digunakan bagi sektor sosial dan ekonomi iaitu bertujuan untuk membangunkan masyarakat di kampung-kampung sebagai peruntukan pinjaman bagi membiayai projek-projek yang dilaksanakan melalui Rancangan Pemulihan Kampung yang juga bertujuan bagi pembangunan masyarakat di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, di antara projek-projek yang dijalankan di bawah program Rancangan Pemulihan Kampung termasuklah pembaikan semula rumah-rumah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat sebentar tadi, pemberian projek infrastruktur kecil dan juga projek ekonomi.

Di bawah projek ekonomi Rancangan Pemulihan Kampung ini, pihak Kementerian Pembangunan

Negara dan Luar Bandar melalui industri kampung telah menubuhkan satu syarikat yang dinamakan Syarikat Pembangunan dan Pemasaran Industri Kampung yang bertujuan untuk mempercepatkan pembangunan industri kampung di kawasan luar bandar.

Adalah diharapkan dengan cara ini, pihak Kementerian dapat meningkatkan taraf ekonomi penduduk luar bandar. Mereka yang akan dilibatkan sama dalam perusahaan ini dalam bentuk kerja kilang dan sebagai pemilik saham syarikat.

Peruntukan sebanyak \$12.2 juta adalah merupakan ekuiti ataupun pinjaman Kerajaan kepada syarikat tersebut.

Tuan Pengerusi, saya akhiri untuk mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli yang Berhormat dengan hujah-hujah yang rasa saya seperti saya sebutkan sebentar tadi akan diambil perhatian dan pegawai-pegawai saya akan mencatatkan segala cadangan Ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

**Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin:** Tuan Pengerusi, saya minta izin kalau boleh bercakap sekali lagi.

Soalnya adakah Yang Berhormat TimbaJan Menteri berkenaan sedar atas kesulitan yang timbul daripada pentadbir-pentadbir oleh sebab peruntukan yang diberikan kepada daerah itu cukup tidak memadai, dan kalau sedar, adakah Yang Berhormat bercadang untuk sekurang-kurangnya di persidangan kita yang akan datang, dipinta satu lagi peruntukan tambahan bagi menambah peruntukan yang ada bagi mengatasi masalah yang saya telah timbulkan tadi?

**Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Yang sebenarnya, pihak Kementerian saya tidak sedar bahawa masalah pentadbiran yang dihadapi oleh daerah-daerah dalam membahagikan peruntukan-peruntukan yang diberi di bawah Rancangan Pemulihan Kampung. Walau bagaimanapun, seperti yang saya sebutkan sebentar tadi. Kementerian saya akan mengambil perhatian di atas cadangan Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$19,180,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 63 dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Pertama bagi tahun 1985 di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$19,180,000 untuk Maksud P. 63 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tamb.) (Bil. 1), 1985.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya meminta seorang Menteri mencadangkan di bawah Peraturan Mesyuarat 16 (3) supaya Mesyuarat ini ditangguhkan.

## USUL

### PENANGGUHAN MESYUARAT

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Dato' Abu Hassan bin Haji Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

## UCAPAN PENANGGUHAN

### TAPAK SETINGGAN MENJALANKAN PERNIAGAAN KECIL

6.32 *ptg.*

**Tuan Lee Lam Thye:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mencadangkan kepada Kementerian yang berkenaan untuk merumus dan melaksanakan satu dasar supaya tapak gantian diperuntukkan kepada setinggan-setinggan yang menjalankan perniagaan apabila pihak Dewan Bandaraya mengambil tindakan untuk merobohkan rumah setinggan demi untuk projek-projek pembangunan. Buat masa ini, pihak Dewan Bandaraya hanya memperuntukkan tempat kediaman untuk setinggan-setinggan tetapi tempat perniagaan tidak diberikan dan ini menimbulkan banyak kesulitan kepada pihak berkenaan. Saya harap bahawa Kementerian yang berkenaan dapat mengkaji syor saya ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Menteri menjawab. Cukup pendek, padat.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Wilayah Persekutuan memang ada menyediakan tempat tinggal gantian sama ada dalam bentuk rumah pangsa atau pun rumah panjang bagi mereka yang terlibat dengan projek-projek Kerajaan, Dasar ini telah dilaksanakan pada tahun 1980.

Mengenai penyediaan tapak-tapak baru bagi setinggan yang terlibat dengan aktiviti perniagaan, adalah sukar bagi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menyediakan tapak kepada semua peniaga kerana peruntukan bagi perumahan awam tidak mengambil kira kos pembinaan tempat

perniagaan. Di masa yang sama jenis-jenis perniagaan yang hendak ditempatkan juga perlu bersesuaian dengan keperluan di kawasan perumahan awam. Walaupun demikian, terdapat juga mereka yang terlibat dengan pemindahan ini mendapat peruntukan gerai ataupun kedai berkunci.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, Kementerian Wilayah Persekutuan mengambil kira keperluan tapak-tapak perniagaan di dalam perancangan kawasan-kawasan yang hendak dimajukan. Dalam hal ini, setingan-setingan yang terlibat dengan aktiviti perniagaan di kawasan yang hendak dimajukan itu akan diberi keutamaan untuk mendapatkan tapak perniagaan.

Berhubung dengan penyediaan tempat-tempat beribadat, ianya akan disediakan di tempat-tempat yang telah dirizabkan untuk tujuan tersebut. Langkah ini bertujuan untuk

mengelakkan daripada berlakunya perpindahan beberapa kali tempat ibadat yang tidak menentukan tempatnya, di samping memastikan peruntukan tempat-tempat ibadat adalah dikawal dan dapat memenuhi kehendak penduduk setempat.

Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul bahawa Mesyuarat ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 16 (3), Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6,35 petang.*